


**Jilid IV
Bil. 13**



**Hari Khamis
6hb April, 1978**

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT

Fourth Parliament

PENGGAL KEEMPAT

Fourth Session

KANDUNGANNYA

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1413]**

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 1457]**

USUL:

**Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Timbalan Yang di-Pertuan
Agong [Ruangan 1457]**

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan
Mesyuarat [Ruangan 1512]**

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN ONN, D.K. (Johor), (Sri Gading).

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P. (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).

„ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).

„ Menteri Undang-undang, DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K. (Tenggaroh).

„ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJI BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K., (Kota Bharu).

„ Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATUK MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).

„ Menteri Pelajaran, DATUK SERI MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).

„ Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).

Yang Berhormat Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N.
(Batu Berendam).

- „ Menteri Pertanian, DATUK SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N.
(Jerantut).
- „ Menteri Penerangan, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J.,
D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, Tuan AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M.,
A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bahru).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI
ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri DATUK SERI HAJI
KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATUK CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M.,
A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S.
(Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG
(Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan,
DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam,
DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATUK DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHAMED ALI BIN M. SHARIFF
(Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN RAIS BIN YATIM (Jelebu).
- „ Timbalan Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan,
TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S.
(Saratok).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN,
K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK LEW SIP HON,
D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABDUL MANAN
BIN OTHMAN, P.P.T. (Kemaman).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK
UREN (Bau Lundu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ZAKARIA BIN
HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, TUAN LUHAT WAN (Baram).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).

- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK HAJI EMBONG BIN YAHAYA, A.M.N. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' SAADUN BIN MUHAMMAD NOH, (Panti).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ YEOP AL-HAJ, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS, P.J.K. (Dungun).
- „ DATUK HAJI ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S. (Machang).
- „ TUAN ABDULLAH MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Star).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ PENGIRAN HAJI AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMED SHUKRI BIN ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN A. K. ALIUDDIN (Kimanis).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH (Keningau).

Yang Berhormat TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).

- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHYA (Maran).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN JAAFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjung Karang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TAN SRI DATO' LEE SIOK YEW, P.M.N., S.P.M.S., P.J.K. (Ulu Langat).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK PETER LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ DATUK LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR, P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.P.M.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, S.P.D.K., P.G.D.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S. (Pekan).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ DATUK MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ DATUK HAJI MOHD. ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH, A.S.D.K., A.D.K. (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).

- Yang Berhormat TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA DATO' NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ DATUK JAMES STEPHEN TIBOK, P.G.D.K., A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibul).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Pemangku Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 6hb April, 1978

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

1. Datuk Haji Shafie bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan bahawa dengan hakikat Malaysia pada masa sekarang mempunyai Syarikat Perkapalan Nasionalnya sendiri:

- (i) tidakkah ada satu rancangan hendak menggabung bersama-sama dengan badan-badan Kerajaan seperti LUTH dan MARA untuk mengendalikan pengangkutan barang-barang diperairan Malaysia dan perairan antarabangsa; dan
- (ii) jika tidak adakah Kerajaan sedar betapa mundur Malaysia dalam persaingan antarabangsa di segi perkapalan nasionalnya.

Perdana Menteri (Datuk Hussein Onn): Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soalan (i), Kerajaan tidak ada rancangan untuk menggabungkan Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia (MISC) dengan badan-badan Kerajaan yang lain. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH) dan beberapa Badan Berkanun yang lain mempunyai saham dalam MISC, dan juga mempunyai wakil dalam Lembaga Pengarah MISC. Tujuan mengikutsertakan Badan-badan itu dalam MISC ialah supaya Badan-badan itu menggunakan MISC untuk mengangkut barang-barang eksport dan import mereka.

Berkenaan dengan soalan (ii), adalah benar bahawa jika dibandingkan dengan badan-badan perkapalan negara lain, penglibatan MISC dalam perkapalan antarabangsa belum begitu besar. Ini adalah kerana MISC belum begitu lama ditubuhkan. Walau bagaimanapun

MISC tidaklah mundur. Ini dapat dilihat daripada keuntungan yang telah diperolehinya. Bagi tahun 1976, sahaja, keuntungan MISC sesudah dikenakan cukai ialah \$18.5 juta. Sedangkan jumlah keuntungannya setelah dikenakan cukai, yang dikumpulkan sehingga akhir 1976 ialah sebanyak \$67.5 juta.

MISC sekarang ini mengendalikan sebanyak 29 buah kapal, termasuk kapal pesيران (coastal ship). Jumlah berat kapal-kapalnya ialah 711,900 tan. Perjalanannya (routes) meliputi di antara Eropah dan Timur Jauh, di antara Malaysia dan Australia dan juga Amerika Syarikat. Selain daripada itu MISC juga mengendalikan perkapalan di dalam negeri iaitu antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Rancangan untuk menambahkan lagi jumlah dan jenis kapal sesuai dengan keperluan dari masa ke semasa adalah dalam pertimbangan.

Mengenai peruntukan hak perjalanan (routes) kapal-kapal MISC, ia adalah terakluk kepada perjanjian-perjanjian seperti yang ditetapkan oleh "Far-Eastern Freight Conference". Kerajaan sentiasa mencari jalan dan mengambil langkah-langkah yang bersesuaian untuk mendapatkan hak-hak perjalanan yang lebih menguntungkan dalam perundingan-perundingan Far-Eastern Freight Conference itu.

KERETA-KERETA MOTOR— KENAIKAN HARGA

2. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa harga kenderaan tak kira sama ada yang dipasang di dalam negara atau diimport, semakin naik, jika ya, sama ada pihak Kementerian akan mengadakan kawalan harga ke atas kenderaan.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Abdul Manan bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa

harga kereta, seperti juga harga barang-barang lain memang telah meningkat sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Antara beberapa sebab mengapa harga kereta-kereta ini naik ialah faktor-faktor seperti pertambahan harga komponen-komponen CKD, kenaikan kadar pertukaran wang asing, kenaikan tambang kapal dan insuran, kenaikan gaji pekerja dan kenaikan kos-kos di kilang pemasangan tempatan. Sebarang kenaikan kos komponen CKD akan memberi kesan kepada harga kereta-kereta yang dipasang oleh kilang pemasangan tempatan kerana lebih kurang 60% dari harga kereta terdiri daripada kos komponen-komponen CKD. Nilai wang asing juga terutamanya German Mark dan Yen jika dibandingkan dengan ringgit Malaysia telah meningkat lebih kurang 20% sejak beberapa tahun yang lalu.

Kementerian telah juga mengkaji kenaikan harga kereta-kereta yang dipasang tempatan dan adalah didapati bahawa bagi kereta-kereta dilingkongan 1200 c.c., kenaikan harga sejak tahun 1973 ialah di antara 20 hingga 40% sahaja dan jika dibandingkan dengan kadar inflasi yang terdapat di negeri-negeri lain termasuk negeri-negeri yang telah maju, kenaikan harga untuk kereta-kereta tersebut adalah sangat berpatutan.

Berkenaan dengan soalan Ahli Yang Berhormat sama ada Kementerian saya akan mengawal harga kereta, ingin saya menegaskan bahawa harga kereta-kereta motor yang dipasang oleh kilang pemasangan tempatan walaupun dikawal oleh Kementerian sejak tahun 1974. Harga kereta-kereta yang diimpot siap tidak dikawal oleh Kementerian saya kerana jumlah yang diimpot adalah sangat terhad dan kebanyakan daripada kereta-kereta ini juga adalah jenis "Prestige" yang mahal harganya.

Tuan Mustapha bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Timbalan Menteri yang berkenaan adakah benar dakwaan setengah pembeli kereta yang mengatakan bahawa setengah syarikat yang mengeluarkan kereta tempatan menaikkan harga kereta tanpa mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada Kementerian beliau?

Tuan Abdul Manan bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, tidak benar.

UNDANG-UNDANG ISLAM

3. Tuan Mustapha bin Ali minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang hendak menggubal satu perlembagaan baru yang sesuai dengan undang-undang Islam bagi menggantikan Perlembagaan Malaysia yang sedia ada. Jika tidak, kenapa.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang untuk menggubal satu Perlembagaan baru bagi menggantikan Perlembagaan yang ada sekarang ini. Secara umum, Perlembagaan yang ada sekarang ini tidak bercanggah atau bertentangan dengan undang-undang Islam.

Menurut Perlembagaan agama Islam ialah agama bagi Persekutuan, tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan. Sebagaimana yang saya telah katakan pada hari Selasa yang lalu, Perlembagaan yang ada sekarang ini adalah sesuai dengan keadaan yang didapati di negara kita ini, ini termasuklah perkara agama.

Tuan Mustapha bin Ali: Soalan tambahan. Tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada menyatakan bahawa Perlembagaan yang ada sekarang ini tidak bercanggah dengan undang-undang Islam. Adakah ini merupakan suatu pendapat Yang Amat Berhormat sendiri ataupun suatu pendapat yang telah dirujuk kepada Mufti atau Majlis Hal Ehwal Kebangsaan Agama Islam, Malaysia?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya menasihatkan Ahli Yang Berhormat itu membaca dan mengkaji serta memahami kadungan-kandungan Perlembagaan kita. Di manakah Ahli Yang Berhormat itu mendapati peruntukan Perlembagaan kita itu yang bercanggah atau yang tidak sesuai dengan Undang-undang Islam? Kalau Ahli Yang Berhormat betul-betul mengambil berat dan membaca peruntukan-peruntukan yang ada di dalam Perlembagaan itu, Ahli Yang Berhormat tentu dapati bahawa perkara agama dan masalah-masalah agama adalah di bawah kuasa negeri masing-masing, dan peruntukan di dalam Perlembagaan ada memberi kuasa kepada Dewan Undangan Negeri. Kuasa ini bukan di dalam tangan Kerajaan Persekutuan atau bukan Dewan ini yang membuat Undang-undang berkenaan dengan agama. Ini terang dan nyata iaitu kalau Ahli Yang Berhormat

mengkaji dan memahami latar-belakang pentadbiran ugama dalam negara kita ini. Dan jika Ahli Yang Berhormat itu mengetahui, iaitu dari masa dahulu pun perkara-perkara ugama ialah perkara negeri dan Ketua Ugama dalam satu-satu Negeri itu ialah Raja yang memerintah negeri itu. Dan masa itupun Kerajaan Persekutuan ataupun Pusat tidak boleh membuat Undang-undang mengenai ugama; kuasa itu diberi kepada Negeri-negeri. Kalau Ahli Yang Berhormat mendapati dalam Perlembagaan peruntukan-peruntukan yang bercanggah dengan Undang-undang Islam, diharap ia boleh menunjukan kepada kita semua.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Soalan tambahan. D daripada jawapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi, saya ingin mendapat penjelasan adakah atau tidak pihak Kerajaan bercadang untuk menyelaraskan undang-undang ugama Islam ini di antara Negeri-negeri, tidak sebagaimana yang ada sekarang ini.

Perdana Menteri: Masalah penyelarasan dan percanggahan dari segi Undang-undang adalah berbeza. Ahli Yang Berhormat sendiri tentu mengetahui iaitu perkara menyelaraskan sesuatu masalah mengenai ugama adalah di bawah kuasa Duli-Duli Yang Maha Mulia di dalam Majlis Raja-Raja. Majlis Raja-Raja itu, jika ada perkara-perkara yang berbangkit berkenaan dengan ugama, akan merujuk kepada Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam. Ini adalah satu administrative action. Ahli Yang Berhormat itu tentu mengetahui bahawa Kerajaan Persekutuan dengan persetujuan Negeri-negeri telah menubuhkan Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam. Mengikut amalan, banyak perkara-perkara mengenai ugama yang dirafakkan atau dikemukakan kepada Majlis Raja-Raja, telah dirujuk kepada Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam bagi mendapatkan fatwa-fatwanya.

Tuan Mustapha bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adakah beliau sedar bahawa dalam satu seminar mengenai undang-undang Islam yang diadakan di Kuala Lumpur pada tahun lepas, kalau tak silap saya, telah mengambil suatu keputusan bahawa banyak daripada undang-undang yang ada sekarang ini bertentangan dengan undang-undang Islam itu sendiri. Dan saya boleh membawa beberapa

contoh yang disebutkan iaitu masalah orang-orang stateless, golongan minority dalam negara kita, kemudian dalam masalah mengangkat pemimpin dalam negara kita sendiri menurut satu keputusan yang telah diambil dalam seminar itu bertentangan dengan undang-undang Islam itu sendiri. Pertanyaan saya adakah Yang Amat Berhormat sedar bahawa ada satu cadangan daripada seorang pakar undang-undang Islam daripada anak negeri ini sendiri yang beragama Islam telah menawarkan diri untuk meminda Perlembagaan yang ada sekarang ini kepada sesuatu yang lebih sesuai dengan undang-undang Islam. Pertanyaan saya sama ada Yang Amat Berhormat itu sedar tentang cadangan dan syor ini dan jika sedar apakah sambutan Kerajaan tentang cadangan itu?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan keputusan Seminar itu saya tidaklah sedar. Boleh jadi sebagaimana Ahli Yang Berhormat kata tadi, ada, dan saya tidak menafikan. Tetapi tidak bermakna pendapat sesuatu Seminar itu adalah betul dan boleh diterima dan sesuai dengan keadaan yang ada. Saya katakan begini memandangkan persoalan ini sangatlah dalam akibatnya iaitu mengatakan Perlembagaan dipinda supaya disesuaikan dengan Undang-undang Islam. Undang-undang Islam itu luas dan meliputi bermacam perkara. Adalah tiap-tiap satu perkara itu hendak dimasukkan di dalam Perlembagaan? Dan kita mesti mengingati kuasa berkenaan hal ehwal ugama itu bukanlah di tangan Kerajaan Persekutuan. Ini semua saya menegaskan bahawa kuasa-kuasa itu adalah di tangan Negeri-negeri masing-masing. Itu terang kalau Ahli Yang Berhormat membaca peruntukan di dalam Perlembagaan. Saya cuba mencarinya di sini.

Tuan Yang di-Pertua: Perkara 11 dalam Perlembagaan.

Perdana Menteri: Di sini dikatakan "Islam ialah perkara Negeri". Ini bermakna cuma Negeri-negeri sahaja yang ada kuasa, sama ada kuasa membuat Undang-undang atau mentadbirkannya berkenaan dengan perkara ugama itu. Kerajaan Persekutuan tidak ada kuasa.

Kita mengetahui, dan Ahli Yang Berhormat sendiri mengetahui banyak Negeri-negeri yang membuat Undang-undang berkaitan dengan ugama, zakatfitrah. Itu semua

bukan undang-undang Persekutuan; itu adalah Undang-undang Negeri. Tidakkah undang-undang semacam itu dibuat mengikut yang sesuai dengan kehendak agama Islam kita? Kalau ada lain Undang-undang yang hendak dicadangkan Ahli Yang Berhormat itu bolehlah membawa kepada Negeri masing-masing. Tetapi perkara itu tidak ada di dalam Perlembagaan Persekutuan. Perlembagaan memberi kuasa itu kepada Negeri.

KECEMARAN SUNGAI

4. Tuan Hashim bin Ghazali minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau sedar masih terdapat pencemaran air sungai kerana pembuangan air lombong yang kotor dan pembuangan daripada kilang-kilang kelapa sawit yang menyebabkan banyak tanaman di kiri kanan sungai telah binasa, ikan-ikan dan udang-udang galah mati dan berbagai-bagai lagi yang merugikan rakyat, jika sedar mengapakah keadaan seperti itu masih menjadi-jadi hingga masa ini dan apa-apakah langkah beliau bagi mengatasinya.

Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff): Tuan Yang di-Pertua, di bawah Program Kawalan Pencemaran Air Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, berbagai peraturan-peraturan telah baru-baru ini dirangkakan bagi mengawal setiap bentuk pencemaran; sama ada daripada proses kelodakan atau yang berbentuk fizikal sehinggalah kepada pencemaran yang berbentuk kimia. Peraturan-peraturan ini adalah seperti berikut:

- (i) Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis yang Ditetapkan) (Minyak Kelapa Sawit Mentah) 1977.
- (ii) Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis yang Ditetapkan) (Getah Asli Mentah).
- (iii) Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Umbahan dan Perindustrian Effluen).

Peraturan-peraturan ini akan dikuatkuasakan untuk mengawal semua lepasan-lepasan yang utama daripada kilang-kilang dan lombong-lombong yang telah mengakibatkan masalah-masalah pencemaran sungai seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, memandangkan bahawa ini adalah peraturan-peraturan yang baru, dan akan dikuatkuasakan tidak lama lagi

untuk mengatasi masalah-masalah pencemaran yang telah meningkat sejak beberapa tahun yang lalu, hasil-hasil penguatkuasaannya tidaklah dijangkakan dapat dilihat dengan segera.

Di bawah peraturan-peraturan kawalan ini, kilang-kilang dan lombong-lombong akan diberi masa perantaraan bagi pengusaha-pengusaha berkenaan untuk membina sistem pengolahan dan untuk melaksanakan langkah-langkah kawalan yang lain bagi mematuhi dengan peraturan-peraturan ini. Sebagai contohnya, di bawah Peraturan-peraturan Kelapa Sawit yang telah diwartakan pada 3hb November, 1977, kilang-kilang kelapa sawit yang ada diberi tempoh sehingga 30hb Jun, 1978 untuk memasang loji-loji pengolahan mereka itu. Penguatkuasaan peraturan-peraturan ini akan dilakukan pada 1hb Julai, 1978 dan tindakan yang sewajarnya di bawah peraturan-peraturan ini akan dilakukan pada 1hb Julai, 1978 dan tindakan yang sewajarnya di bawah peraturan-peraturan ini akan diambil oleh Kementerian saya terhadap kilang-kilang yang tidak mematuhi peraturan-peraturan ini.

PUSAT MINYAK MENTAH

5. Tuan Haji Hadadak bin Haji D. Pasauk bertanya kepada Perdana Menteri bila Petronas akan menyambung semula pembinaan pusat minyak mentah di Tanjung Kidurong dekat Bintulu, Sarawak yang telah terbengkalai pembinaannya beberapa tahun lalu.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, pembinaan pusat minyak mentah di Tanjung Kindurong, Bintulu, Sarawak akan dimulakan tidak berapa lama lagi. Tawaran untuk kerja-kerja pembinaan dan menyediakan kawasan tersebut telahpun dikeluarkan dan sebaik sahaja pemborongnya ditentukan, maka kerja-kerja pembinaan akan bermula. Projek ini dijadualkan siap pada tahun 1979.

MESYUARAT KETUA-KETUA KERAJAAN KOMANWEL

6. Tuan Haji Hadadak bin Haji D. Pasauk bertanya kepada Perdana Menteri apakah kejayaan yang telah diperolehi dalam Mesyuarat Serantau Ketua-ketua Kerajaan

Negara-negara Komanwel di Sydney, Australia terutama dalam soal mengeksport kayu-kayan Malaysia.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini sama maksudnya dengan soalan dari Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar yang telahpun saya jawab pada 22hb Mac yang lalu. Saya tiada apa-apa tambahan kepada jawapan saya itu.

PERUSAHAAN PERIKANAN

7. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Pertanian menyatakan adakah beliau sedar bahawa Malaysia akan kehabisan bekalan makanan daripada lautnya sekiranya tidak ada langkah yang wajar diambil untuk menjagainya, jika ya, apakah langkah-langkah yang Kerajaan bercadang hendak ambil untuk menyelesaikan masalah ini.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langgu Anak Saga): Tuan Yang di-Pertua, sedar. Langkah-langkah yang sedang diambil adalah:

- (i) menggalakkan nelayan memajukan perusahaan perikanan menangkap ikan di laut dalam dengan menyediakan bantuan subsidi;
- (ii) memperluaskan usaha-usaha MAJU-IKAN untuk menggalakkan usahasama dengan pihak swasta dalam memajukan perusahaan tangkapan ikan di laut dalam;
- (iii) memberi latihan tertentu kepada nelayan-nelayan dalam perusahaan menangkap ikan di laut dalam; dan
- (iv) memajukan ternakan ikan (aquaculture) di dalam perairan pantai, perairan air payau dan perairan darat.

Jabatan Perikanan juga melancarkan rancangan membina terumbu ikan (artificial barrier reef) dari tayar buruk sebagai sarang ikan untuk menambahkan lagi sumber-sumber ikan di sepanjang perairan pantai.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Soalan tambahan. Daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan tadi, di antara usaha-usaha untuk menjaga dan menyelamatkan kurangnya ikan ataupun habisnya ikan di laut adalah berusaha untuk menggalakkan menangkap ikan di laut dalam. Apa yang saya ingin tahu kalau begitu usaha Kementerian yang berkenaan kenapakah

apabila seseorang nelayan memohon untuk mendapatkan lesen bagi bot-bot besar untuk menangkap ikan di laut dalam amat sukar didapati dan memang payah bagi Kementerian ini untuk membenarkannya?

Tuan Edmund Langgu Anak Saga: Ini akan ditimbang dahulu. Apabila orang-orang ini ada kelayakan, lesen akan diberi.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Jawapan akan ditimbang ini saya telah terima beberapa kali di dalam Dewan yang mulia ini. Apa yang saya ingin mendapat penjelasan lanjut masalah apakah yang dihadapi oleh Kementerian ini bagi membenarkan satu lesen pukat untuk menangkap ikan di laut dalam ini, sedangkan seorang pemohon itu mempunyai kemampuan mengadakan alatnya sendiri dan mereka itu memberi kesanggupan untuk menyediakan sebagaimana syarat-syarat yang ditentukan oleh Kementerian ini sedangkan pihak Kementerian masih lagi melambatkan dalam perkara ini. Jadi, apakah masalah yang amat berat kepada Kementerian?

Tuan Edmund Langgu Anak Saga: Setengah-setengah orang yang meminta lesen itu melanggar syarat-syarat dan tidak membetulkan syarat-syarat tersebut, sebab itulah permohonan lesen yang diminta itu tidak dapat dibenarkan.

SUNGAI DI MALAYSIA TERCEMAR

8. Tuan Haji Ikhwan bin Nasir (*di bawah S.O. 24 (2)*) bertanya kepada Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar:

- (a) berapa banyak sungai di Semenanjung, Sabah dan Sarawak yang telah dicemarkan oleh kilang-kilang yang membuang refusenya dan apakah tindakan Kerajaan terhadap perkara ini kerana mengancam penduduk-penduduk di sekitar sungai itu; dan
- (b) adakah Kerajaan sedar semenjak terutuhnya Kementerian ini sungai, laut dan udara masih dicemarkan tetapi tidak ada langkah yang berkesan yang diambil terhadap aduan-aduan yang dibuat oleh rakyat terhadap pencemaran yang mengancam mata pencarian hidup mereka, yang dibuat hanya publisiti

di surat-suratkhabar yang tidak menakutkan langsung kilang-kilang itu, oleh itu apakah tindakan Kerajaan terhadap kebimbangan rakyat di atas pencemaran yang berleluasa dewasa ini di negara kita.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Lebih kurang sejumlah 42 batang sungai di Semenanjung Malaysia didapati tercemar ke peringkat yang jelas. Di Sabah dan Sarawak taksiran yang mendalam belum lagi dibuat dan akan dijalankan di dalam rancangan tahun 1979. Walaupun kilang-kilang tidaklah bertanggungjawab dengan sepenuhnya atas keseluruhan pencemaran, pembuangan-pembuangan dari kilang-kilang ini membawakan masalah kritikal kepada beberapa batang sungai yang telah tercemar disebabkan aktiviti-aktiviti seperti penggalian, merata tanah untuk jalan-jalan dan lebuhraya, bangunan-bangunan aktiviti-aktiviti pertanian dan urbanisasi. Beberapa langkah pengawalan pencemaran air telahpun disediakan dan sebahagian daripadanya sedang digubalkan untuk mengatasi semua jenis pencemaran daripada; iaitu daripada kekotoran atau pencemaran fizikal hingga pencemaran kimia. Tiga set peraturan-peraturan kawalan pencemaran air akan disediakan bagaimana yang telah saya sebutkan dalam jawapan ke 4 tadi.

Satu kod amalan untuk mengelakkan kekotoran sedang digubalkan pada masa sekarang. Kod ini akan mengkemaskinikan amalan masa dahulu dan semasa berhubung dengan pembangunan tanah termasuk infrastruktur, pembangunan pertanian dan perumahan dengan tujuan melindungi alam sekeliling. Adalah diharapkan semua pihak swasta dan awam akan mengamalkan kod ini untuk melengkapkan lagi langkah-langkah kawalan pencemaran air yang lain yang telah dijalankan oleh Kerajaan.

- (b) Seperti Ahli Yang Berhormat sedar, masalah-masalah alam sekeliling di negara ini bukanlah baru oleh kerana ia telah dikumpulkan semasa beberapa tahun akibat aktiviti-aktiviti atas alam sekeliling sama ada dalam jenis aktiviti-

aktiviti urbanisasi perindustrian atau lain-lain kegunaan tanah. Memandangkan kepada jenis dan besarnya masalah ini, ianya tidak boleh diatasi dengan sertamerta. Sekiranya langkah-langkah kawalan hendak diambil, kesannya akan hanya dilihat dalam beberapa tahun. Masa hendaklah juga diberi kepada kilang-kilang yang sedia ada untuk mematuhi dengan peraturan-peraturan yang telah dikuatkuasakan.

Sebagai sebuah agensi yang baru, tugas segera Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar ini adalah penentuan dan kualifikasi masalah-masalah ini supaya mendapat menyediakan langkah-langkah kawalan. Berbagai peraturan untuk mengawal pencemaran udara dan air seperti yang dinyatakan di atas telah disediakan dan dijangka dikuatkuasakan tidak lama lagi. Selain daripada peraturan-peraturan ini, Kementerian ini sedang menjalankan kerja atas langkah-langkah kawalan alam sekeliling seperti garis-garis panduan zon bagi penempatan industri-industri dan taksiran kesan alam sekeliling yang bertujuan menyatukan pertimbangan-pertimbangan alam sekeliling pada peringkat-peringkat awal pembentukan dan pelaksanaan projek.

UNIFORM ASKAR WATANIAH

9. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kebanyakan uniform Askar-askar Wataniah di negara ini patut benar ditambah dari 2 pasang setahun kepada 4 pasang, kerana tugas mereka seperti askar-askar biasa juga. Ada setengah golongan belum mendapat ganti uniform baru semenjak tahun 1970.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan (Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat itu suka saya terangkan di sini bahawa terdapat dua kategori Askar Wataniah, satu Askar Wataniah yang tidak dikerah dan satu lagi Askar Wataniah yang dikerah. Bagi anggota-anggota Askar Wataniah yang tidak dikerah mereka hanya menjalani latihan sekali seminggu selama tiga jam. Dari itu dua helai pakaian seragam yang diberikan adalah mencukupi.

Walaupun begitu perlu juga dinyatakan di sini bahawa tiap-tiap anggota Askar Wataniah ini boleh mendapatkan ganti uniform mereka pada bila-bila masa, atas dasar satu diganti satu sekiranya uniform itu rosak atau koyak oleh sebab-sebab latihan. Manakala anggota-anggota Askar Wataniah yang dikerah pakaian yang diberi adalah mengikut apa yang diberi kepada anggota-anggota tentera biasa, iaitu sebanyak lima pasang setahun.

KILANG PENAPIS MINYAK

10. Tuan Farn Seong Than (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan sebab-sebab kelewatan untuk menubuhkan sebuah kilang penapis minyak seperti yang dicadangkan di Dindings yang telah dibincangkan pada tahun 1972.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, pada 12hb Ogos, 1971, Kerajaan telah meluluskan dan memberi Taraf Perintis kepada projek kilang penapis minyak yang dicadangkan oleh Syarikat Allied Refinery Sendirian Berhad untuk didirikan di Lumut. Walau bagaimanapun, kelulusan ini telah ditarik balik pada 31hb Julai, 1974 apabila didapati syarikat itu tidak dapat memenuhi syarat-syarat yang dikenakan oleh Kerajaan.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar bahawa untuk sekim ini tanah ada dibekukan oleh Kerajaan Negeri untuk membina refinery dan sungguhpun sekim ini sekarang sudah dibatalkan, tanah belum dibebaskan untuk tuan-tuan punya boleh menggunakan tanah itu baik untuk pembangunan atau lain-lain sebab. Bolehkah perkara ini diselesaikan untuk kepentingan tuan punya tanah itu oleh kerana sekim ini sekarang mengikut Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah dibatalkan.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, kelulusan itu ditarik balik seperti mana yang saya katakan tadi oleh kerana syarikat itu tidak dapat memenuhi syarat-syarat yang dikenakan dan saya mengetahui berkenaan dengan tanah-tanah itu.

Berkenaan dengan tanah-tanah ini, sebagaimana yang dimaklumkan kepada saya, tujuan utama promoter ini di dalam men-

dapatkan tanah itu di Lumut adalah untuk maksud spekulasi kerana di dalam laporan yang dikemukakan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Perak menyatakan bahawa syarikat tersebut memohon supaya tanah yang akan dikeluarkan kepadanya itu tidak akan mengandungi syarat-syarat dan sekatan-sekatan yang terlampau ketat mengenai penggunaan tanah, penukaran hakmilik dan sebagainya dan mereka memohon supaya kawasan itu dipecahkan kepada lot-lot kecil seberapa banyak yang boleh dan surat-surat hakmilik dikeluarkan bagi tiap-tiap lot itu.

Mereka juga memohon supaya surat hakmilik kekal (*grant in perpetuity*) dikeluarkan kepadanya dan cukai yang akan dikenakan itu hendaklah cukai yang nominal. Tujuan utama syarikat ini mendapatkan tanah, seperti yang disebutkan ialah hendak membuat refinery tetapi yang sebenarnya permohonan semacam ini bukan hendak membuat refinery, semata-mata untuk spekulasi. Yang sebenarnya, syarikat-syarikat yang saya katakan tidak memenuhi syarat-syarat yang diperlukan oleh Kerajaan. Saya sebutkan di sini, Tuan Yang di-Pertua, supaya perkara ini jangan dipanjang-panjangkan dan disalah fahamkan:

- (1) Di antara syarat-syarat yang tidak dipenuhi oleh syarikat ini ialah didapati bahawa syarikat ini telah gagal untuk memenuhi syarat-syarat untuk melaksanakan projek ini dalam jangka masa yang dihadkan.
- (2) Syarikat ini telah gagal untuk memenuhi syarat-syarat berhubung dengan penyertaan modal yang mana melalui surat kelulusan dari Kementerian Perdagangan pada masa itu, adalah dikehendaki supaya 51% daripada saham-saham syarikat ini hendaklah dipunyai oleh rakyat Malaysia. Sebaliknya, syarikat ini telah menyatakan bahawa 57.13% daripada penyertaan ekuiti syarikat ini akan dipunyai oleh rakyat asing. Permohonan daripada syarikat ini untuk memperolehi pengakuan Kerajaan bagi mendapatkan kemudahan-kemudahan berhubung dengan soal duti impot dan lain-lain pengakuan mustahil boleh dipenuhi oleh pihak Kerajaan.

Berkenaan dengan tanah ini, kalau ada Ahli Yang Berhormat yang salah faham, kalau dibeli oleh orang, itu

bukanlah tanggungan Kerajaan walaupun orang-orang itu telah membeli dan tidak dapat digunakan tanah sebagaimana yang dimaksudkan. Tetapi bagi pihak Kerajaan memberi kelulusan ialah untuk membuat kilang penapis minyak, beginilah syarat-syaratnya pada tahun 1971 dahulu dan syarat-syarat itu tidak dapat dipenuhi dan kita mendapati tujuan syarikat yang berkenaan membeli tanah ini ialah semata-mata untuk spekulasi dan bukan untuk membuat kilang penapis minyak.

PEJABAT TANAH—SIKAP KAKITANGAN

11. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan, adakah pihak Kerajaan sedar, bahawa ada di antara setengah-setengah kakitangan Kerajaan yang berkhidmat di pejabat-pejabat tanah bersikap tidak memuaskan dan tidak melayan sepenuhnya kepada penduduk-penduduk terutama yang datang dari luar bandar menemui mereka kerana mengemukakan masalah-masalah dan hal-hal urusan tanah mereka.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Haji Embong bin Yahya): Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab soalan ini umum kerana Ahli Yang Berhormat ini tidak menyatakan kakitangan Pejabat Tanah mana yang bersikap demikian maka sukar Kementerian ini hendak mengambil tindakan yang wajar. Adalah diharapkan kerjasama daripada Ahli Yang Berhormat supaya dapat menyatakan pejabat yang tertentu yang berlaku demikian supaya dapat Kementerian mengambil tindakan yang sesuai.

Walau bagaimanapun, saya sedar perkara ini mungkin berlaku di satu-satu ketika apabila kakitangan-kakitangan Pejabat Tanah secara am sekarang menghadapi kerja-kerja yang lebih. Oleh itu, pihak orang ramai juga harus memberi kerjasama dalam perkara ini bagi memudahkan kakitangan-kakitangan pejabat tanah menguruskan tanggungjawab mereka.

Sememanglah sangat diperlukan kakitangan-kakitangan Pejabat Tanah mempunyai sikap dan fahaman yang baik tentang "public relations". Bagi mengatasi masalah

ini, Kementerian ada menganjurkan kursus-kursus pentadbiran tanah. Untuk tahun 1978 ini setakat ini telah dijalankan dua kursus dan beberapa kursus lagi sedang diuruskan. Kursus-kursus itu mengambil perhatian berat mengenai "public relations" di antara kakitangan dengan orang ramai. Saya juga telah memberitahu kepada Pengarah-pengarah Tanah Negeri untuk tindakan mereka. Saya berharap dan percaya perkara ini akan berkurangan.

IMBANGAN PERDAGANGAN DENGAN AUSTRALIA

12. Dr Chen Man Hin minta Perdana Menteri menyatakan sama ada terdapat balasan yang munasabah kepada saranan yang dibuatkan oleh beliau di sidang Negara-negara Komanwel dari Asia-Pasifik mengenai kekurangan quota dan tarif dari Tuan Fraser dan Kerajaan.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan sambutan daripada Encik Fraser dan Kerajaan Australia terhadap seruan saya mengenai imbalan perdagangan, saya telahpun menjelaskan apabila menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar pada 22hb Mac yang lalu. Saya tiada apa-apa tambahan kepada jawapan saya itu.

BUKU-BUKU TEKS—KEKURANGAN

13. Tuan Mak Hon Kam minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa masalah kekurangan buku-buku teks pada tempoh awal tahun-tahun lepas telah menjejaskan taraf pelajaran pelajar-pelajar kita, dan apa rancangan-rancangan beliau ada supaya membetulkan keadaan yang tidak memuaskan itu.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, soalan yang sama bunyi dan hasrat saya telahpun dijawab pada 30hb Mac, 1978 sebagai jawapan kepada soalan Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang dan Johor Bahru. Saya tidak bercadang hendak menambah apa-apa lagi kepada jawapan itu.

RUMAH MURAH DEWAN BANDARAYA

14. Tuan Lee Lam Thye (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Kerajaan Tempatan dan

Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Dewan Bandaraya tidak membantu dalam menempatkan semula setinggan-setinggan ke atas tanah-tanah persendirian di Wilayah Persekutuan yang terlibat dengan pembangunan bersendirian, dan orang-orang yang miskin ini biasanya diberi pampasan yang kecil oleh tuanpunya tanah yang berkenaan dan oleh itu setinggan-setinggan ini tidak ada pilihan lain melainkan membina rumah setinggan di tempat-tempat lain untuk menyelesaikan masalah perumahan mereka masing-masing, dan jika ya, sama ada beliau akan mengarahkan Dewan Bandaraya untuk memasukkan setinggan-setinggan ini dalam rancangan menempatkan semula setinggan-setinggan dengan tujuan menjadikan ini sesuai dengan dasar demokrasi perumahan Kerajaan satu kenyataan.

Timbalan Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan (Tuan S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, semua orang yang memohon untuk rumah-rumah pangsa adalah diberi peluang yang sama untuk mendapat rumah-rumah murah yang dibina oleh Dewan Bandaraya. Walau bagaimanapun Dewan Bandaraya pada masa ini memberi keutamaan kepada setinggan-setinggan yang terlibat dengan projek-projek pembangunan Kerajaan atau agensi-agensi Kerajaan, dengan menempatkan mereka ke dalam rumah-rumah pangsa Dewan Bandaraya.

Dalam Rancangan Malaysia Ketiga, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak \$103 juta kepada Dewan Bandaraya untuk membina lebihkurang 13,800 yunit rumah harga murah untuk golongan berpendapatan rendah di Wilayah Persekutuan. Kerajaan juga menggalakkan dan memberi dorongan kepada pihak swasta untuk mendirikan rumah-rumah murah di mana pihak swasta bersetuju membina sebanyak 30% rumah murah dalam suatu rancangan perumahan.

Adalah dijangka pada tahun 1980 apabila projek-projek perumahan Dewan Bandaraya disiapkan dan bilangan rumah-rumah yang dibina oleh pihak swasta bertambah, maka peluang bagi setinggan-setinggan mendapat rumah-rumah harga murah akan bertambah.

Adalah dijangka Dewan Bandaraya akan memohon peruntukan yang lebih besar bagi Rancangan Keempat.

Tuan S. Samy Vellu: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan adakah rancangan dalam Dewan Bandaraya untuk menghapuskan masalah-masalah setinggan daripada Wilayah Persekutuan? Jikalau ada, bilakah kita boleh selesaikan masalah ini?

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, saya kurang faham dengan perkataan hapuskan masalah setinggan. Walau bagaimanapun, seperti saya terangkan pihak Dewan Bandaraya dan Kementerian saya telah dan sedang mengambil segala tindakan untuk memberi peluang kepada golongan berpendapatan rendah memperolehi rumah pangsa dan rumah harga murah.

Tuan S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar penduduk-penduduk daripada Wilayah Persekutuan jikalau memohon kepada Kerajaan Negeri Selangor untuk mendapat tanah-pun tidak dapat peluang sebab mereka duduk dalam Wilayah Persekutuan. Sebab itu perumahan daripada Dewan Bandaraya pun paling kurang, peluangpun tidak diberi kepada orang setinggan daripada tanah swasta. Itu sahaja saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri bagaimanakah kita mahu selesaikan perkara ini istimewa kepada setinggan-setinggan daripada swasta?

Tuan Yang di-Pertua: Ini sudah termasuk dalam jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan ada berkata bahawa semua orang-pun ada hak untuk memohon rumah kos rendah yang dibina oleh pihak Kerajaan. Di sini saya ingin bertanya sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa sehingga hari ini lebih kurang 14,000 orang telah memohon kepada pihak Dewan Bandaraya untuk mendapatkan rumah pangsa dan kebanyakan mereka telah memohon lebih kurang 6 tahun yang lepas tetapi sehingga hari ini mereka belum dapat rumah pangsa itu. Sekiranya Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar, apakah tindakan Kementerian yang berkenaan hendak mengambil untuk mempercepatkan rumah pangsa kepada orang yang telah membuat permohonan itu?

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa lebih dari 14,000 permohonan-permohonan telah diterima oleh Dewan Bandaraya untuk mendapatkan rumah harga murah tetapi dari jumlah pemohon-pemohon yang dibuat, rumah-rumah adalah diberi atas beberapa kriteria yang tertentu; dari segi pendapatan mereka, dari segi tanggungan mereka, kewarganegaraan mereka dan lain-lain. Jadi masalah yang ada sekarang adalah kekurangan rumah yang dibina jika dibandingkan dengan bilangan permohonan. Saya telah terangkan bahawa kita sedang membina sebanyak 13,800 unit rumah dalam Rancangan Malaysia Ketiga dan kita akan buat segala yang boleh untuk menambahkan bilangan ini dalam Rancangan Malaysia Keempat.

RUMAH PEKERJA-PEKERJA LADANG

15. Tuan Jaafar bin Hamzah minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh beliau untuk memberikan kemudahan dan mengatasi masalah perumahan bagi pekerja-pekerja ladang yang memerlukan rumah, apakala mereka mencapai had umur persaraan bagi menjamin masa depan, serta perlindungan kepada kaum keluarga mereka.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar mengenai masalah pekerja-pekerja ladang yang menghadapi kesulitan untuk mencari tempat tinggal selepas mereka bersara. Masalah ini telahpun ujud sejak beberapa lama dan Kerajaan, bersama-sama dengan pihak Pengurusan Ladang telah berusaha mencari jalan untuk mengatasi masalah ini. Biasanya, pekerja-pekerja yang bersara itu, akan terus tinggal di ladang-ladang tersebut bersama dengan anak-anak mereka yang mungkin juga bekerja di ladang yang sama. Dalam kes-kes yang lain pula, pihak pengurusan ladang-ladang telah memperuntukkan tanah-tanah di pinggir-pinggir ladang itu bagi pekerja-pekerja mendirikan rumah mereka serta bercucuk-tanam bagi menambah pendapatan.

Kerajaan Pusat, dengan kerjasama dari Kerajaan Negeri dan pihak pengurusan ladang-ladang telah mengadakan suatu sekim untuk memiliki rumah bagi membantu pekerja-pekerja ladang dan keluarga-keluarga mereka supaya mereka tidak ketinggalan di

dalam proses pembangunan negara kita. Di bawah sekim ini pekerja-pekerja tersebut akan diberi pinjaman melalui Tabung Pusingan di Kementerian Perumahan sementara Kerajaan Negeri pula bersetuju memberi kemudahan "sub-division" bagi tanah ladang untuk perumahan itu serta mengeluarkan hakmilik tanah dengan syarat-syarat yang khas. Majikan-majikan ladang di samping membina rumah-rumah juga akan memberikan tanah tersebut dengan percuma kepada pekerja-pekerja yang berkenaan satu bayaran subsidi paling kurang \$500 bagi satu-satu lot, untuk kos pembangunan. Keluarga-keluarga pekerja yang menyertai sekim-sekim tersebut akan juga menerima dari majikan mereka elaun perumahan pada tiap-tiap bulan untuk membantu mereka membayar pinjaman tersebut.

Pengurusan Ladang telah memberi sokongan mereka kepada sekim-sekim tersebut dan beberapa buah ladang-ladang di berbagai-bagai negeri di Semenanjung Malaysia telahpun merancang berbuat demikian. Sekim yang pertama, di ladang Batu Pekaka di Kuala Ketil, Kedah mengandungi 150 buah rumah-rumah telahpun dibuka dengan rasminya pada 25hb Mac, 1978, sementara sekim yang kedua di Ladang Tennamaran, Batang Berjuntai, Selangor dijangka dibuka dalam beberapa bulan lagi.

Rancangan-rancangan juga telah disiapkan dan pembinaan dijangka bermula bagi beberapa sekim yang lain di Selangor, Negeri Sembilan, Johor dan Melaka sementara perbincangan-perbincangan sekarang berjalan di Negeri Perak dan Pahang untuk melancarkan sekim-sekim negeri-negeri tersebut. Kita percaya bahawa sekim ini akan dapat menyelesaikan masalah perumahan yang dihadapi oleh pekerja-pekerja ini apabila bersara kelak.

DASAR PELAJARAN KEBANGSAAN

16. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Dasar Pelajaran Kebangsaan telah dijalankan sepenuhnya sebagai satu asas pencapaian integrasi penduduk di Malaysia melalui satu sistem pelajaran di mana sekolah yang telah diintegrasikan hanya diadakan di bawah satu bumbung yang membolehkan murid-murid bercampur-gaul dan oleh yang demikian Kerajaan tidak perlu mengadakan peruntukan begitu banyak untuk berbagai

jenis sekolah (misalnya sekolah China/Tamil), sebaliknya diadakan satu aliran kebangsaan sahaja di mana murid-murid dari berbagai bangsa boleh mempelajari bahasa ibundanya. Sama ada masanya telah tiba untuk Kerajaan melaksanakan sepenuhnya sistem pelajaran kebangsaan.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Speaker, sistem persekolahan kita mengikut Akta Pelajaran membolehkan ibubapa memilih jurusan yang dikehendaki jika Kerajaan dapat menyediakan kemudahan-kemudahan tersebut. Banyak ibubapa memilih pelajaran rendah melalui bahasa ibunda. Proses integrasi sekarang ini dapat diadakan melalui pelajaran di peringkat menengah di mana hanya Bahasa Malaysia sahaja digunakan sebagai bahasa penghantar. Sistem ini sedang berjalan dengan memuaskan dan Kerajaan tidak bercadang pada masa ini hendak mengubahkannya.

Datuk Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, kalau saya faham jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan dasar ini betul dan ingin dibuat akan tetapi belum dapat dibuat. Begitukah jawapannya? Atau pun ini tidak dapat dibuat oleh sesuatu sebab. Saya kurang mengikutinya. Kalau saya tidak salah dengar beliau mengatakan memang amalan untuk menyatukan semua sekolah di bawah satu bumbung ialah dasar yang ingin dibuat tetapi tidak dapat dibuat oleh sesuatu sebab. Begitukah jawapannya ataupun adakah sebab yang tidak dapat dibuat?

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Speaker, saya telah terangkan dalam jawapan saya iaitu sistem ini sedang berjalan dengan memuaskan dan Kerajaan tidak bercadang pada masa ini hendak mengubahkannya.

Tuan Mohd. Zahari bin Awang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan tadi bahawa buat sementara waktu Dasar Pelajaran Kebangsaan tidak akan diubah dan beliau berpuas hati. Apakah misalnya di dalam menubuhkan sebarang institusi yang menggunakan aliran bahasa selain daripada Bahasa Malaysia di Malaysia ini hingga merupakan percanggahan dengan dasar tersebut pada masa yang akan datang merupakan satu kepuasan hati?

Tuan Yang di-Pertua: Cuba ulang semula Yang Berhormat, soalan tambahan itu.

Tuan Mohd. Zahari bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa beliau sudah berpuas hati dengan Dasar Pelajaran Kebangsaan sekarang ini dan pelajar-pelajar pun menggunakan satu aliran bahasa sahaja. Sekiranya ada usaha-usaha daripada mana-mana pihak untuk menubuhkan mana-mana institusi yang aliran bahasanya selain daripada Bahasa Malaysia, adakah ini tidak merupakan satu anti-Dasar Pelajaran Kebangsaan?

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Speaker, itu soalan lain.

Datuk Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Soalan asal ialah sama ada telah menjalankan sepenuhnya Dasar Pelajaran Kebangsaan sebagai satu asas mencapai integrasi penduduk-penduduk di Malaysia melalui satu sistem pelajaran di mana sekolah yang telah diintegrasikan hanya diadakan di bawah satu bumbung yang membolehkan murid-murid bercampur-gaul dan seterusnya.

Jawapan yang diberi bahawa setakat ini Kerajaan sudah berasa sistem sekarang ini sudah sesuai dan memuaskan dan tidak memerlukan diubah. Adakah itu bererti Kerajaan sudah berasa puas hati dapat menunaikan atau mencapai integrasi penduduk di Malaysia? Ini soalan yang pokok. Adakah sistem yang sedang dijalankan sekarang ini sudah dianggap sesuai dan memuaskan untuk mencapai integrasi penduduk-penduduk di Malaysia.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Speaker, tujuan kita ialah melalui integrasi dari peringkat ke peringkat dan ianya akan mencapai matlamat kita.

SETIAUSAHA AGONG ASEAN

17. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada sokongan Malaysia terhadap pemecatan Setiausaha Agong ASEAN oleh Indonesia baru-baru ini berlandaskan peraturan-peraturan bagi ASEAN atau sama ada sokongan itu diberi kerana hormat-menghormati dan apakah latar belakang sebenarnya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri (Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, jawatan Setiausaha Agong Sekretariat ASEAN adalah sekarang ini mengikut gilirannya yang dicalunkan oleh Indonesia, maka negara-negara ASEAN yang lain jika-lau mempersetujuinya, melantikkan calon yang dikemukakan itu untuk jawatan yang tersebut. Tindakan negara ahli ASEAN menarik semula sokongan terhadap seseorang calonnya untuk jawatan Setiausaha Agong itu adalah hak sesuatu negara itu sendiri. Oleh sebab pencalonan itu ditarik-balik oleh Kerajaan yang mencalonnya dan menggantikannya pula dengan seorang calon yang lain, maka Malaysia anggapkan ini adalah hak kuasa Indonesia dan Malaysia mempersetujui calon yang baru ini.

Persetujuan Malaysia terhadap Penarikan pencalonan Setiausaha Agong ASEAN oleh Indonesia dan menggantikannya dengan seorang calon yang lain itu adalah berlandaskan kepada peraturan-peraturan bagi ASEAN (Bab III dari perjanjian penubuhan Sekretariat ASEAN) dan amalan kebiasaan dalam hubungan antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, latar belakang kepada penarikan pencalonan tersebut ialah mengikut Kerajaan Indonesia di antara sebab-sebabnya ialah: Lt. General Dharsono telah mencampuri politik dalam negeri Indonesia sendiri, semasa beliau memegang jawatan Setiausaha Agong Sekretariat ASEAN. Kejadian ini telah menyulitkan kedudukan beliau dengan jawatan Setiausaha Agong itu, serta jawatan Setiausaha Agong itu sendiri dengan Kerajaan Indonesia.

Saya tidaklah bercadang untuk mengulas setakat mana campur tangan politik dalam negeri yang dimaksudkan itu kerana perkara ini adalah masalah dalam negeri Indonesia sendiri.

Pihak Indonesia telah mengemukakan Tuan Omar Djadi sebagai calon baharu untuk jawatan Setiausaha Agong Sekretariat ASEAN dan negara-negara anggota ASEAN yang lain telah mempersetujuinya.

Raja Dato' Nasron bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Setiausaha Parlimen Kementerian berkenaan mengatakan tadi bahawa bekas Setiausaha Sekretariat ASEAN dihentikan kerana beliau mencampuri politik Indonesia iaitu negaranya sen-

diri. Soalan saya yang pertama tidakkah mencampuri politik di negaranya sendiri itu satu perkara tempatan (domestic). Kedua, adakah syarat yang menyatakan bahawa jawatan Setiausaha Agong Sekretariat ASEAN itu tidak boleh mencampuri politik?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sudahpun dijawab oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi. Pencalonan itu ditarik balik oleh negara itu. Jadi, tidak timbullah soalan yang lain. Ada soalan tambahan yang lain lagi?

Raja Dato' Nasron bin Raja Ishak: Soalnya, saya ulangi.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau ada soalan lain. Soalan itu sudah dijawab oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen iaitu pencalonannya telah ditarik balik oleh negara itu. Jadi tidak adalah lagi orang itu kerana sudah ditarik balik pencalonannya.

Raja Dato' Nasron bin Raja Ishak: Soalnya, Tuan Yang di-Pertua, ialah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menerangkan beberapa bab-bab di dalam Undang-undang Tubuh ASEAN, ada atau tidak di dalam syarat-syarat itu mengatakan bahawa seseorang Setiausaha Agong Sekretariat ASEAN itu tidak boleh mencampuri politik?

Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, di dalam jawapan saya tadi, saya tidak mengatakan bahawa pemecatan atau pemberhentian bekas Setiausaha Agong Sekretariat ASEAN itu disebabkan ianya mencampuri politik dalam negeri Indonesia, sebab Malaysia bersetuju di atas penarikan pencalonan itu dan menerima penggantinya yang lain, ini ialah kerana Kerajaan Indonesia sendiri menarik calonnya. Mengikut syarat-syarat di bawah Bab 3 Peraturan ASEAN satu-satunya negara itu bila sampai gilirannya boleh mengemukakan sesiapa daripada negaranya menjadi calon untuk diterima memegang jawatan Setiausaha Agong itu. Dan apabila negara itu sendiri menarik balik pencalonan itu jika di per-setujui oleh negara-negara lain anggotanya, maka ianya boleh diberhentikan daripada memegang jawatan itu, cuma saya memberi jawapan tadi oleh sebab di dalam soalan ini ada bertanya latar-belakang, maka saya menyebutkan bahawa Kerajaan Indonesia memberi di antara sebab-sebabnya kerana Lt. Jeneral Dharsono ini mencampuri hal politik

dalam negeri Indonesia. Itu alasan yang diberi oleh Kerajaan Indonesia, tetapi walau apapun alasan diberi kita tidak berasaskan keputusan kita kepada alasan tersebut cuma kita berasaskan kepada pencalunan itu dikemukakan oleh Kerajaan Indonesia kerana pada kali ini gilirannya ialah giliran Kerajaan Indonesia.

ANASIR-ANASIR KOMINIS DALAM PARTI POLITIK

18. Tuan Lukman bin Abdul Kadir minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah Kerajaan telah menghentikan sama sekali penyiasatan tentang dakwaan adanya penyertaan anasir-anasir kominis di dalam parti-parti politik tertentu khususnya dalam UMNO dan Kerajaan.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Rais Yatim): Tuan Yang di-Pertua, perjuangan kominis adalah satu perjuangan yang tidak akan berhabisan. Anasir kominis menggunakan apa juga cara dan dalam apa juga bidang termasuk parti-parti politik dan badan-badan Kerajaan untuk menjayakan hasrat mereka mengulingkan Kerajaan. Oleh itu, Kerajaan tidak boleh lalai dan tindakan yang berterusan adalah diambil dan apabila perlu menyiasat kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh mana-mana pihak.

Tuan Mustapha bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan dan daripada jawapan beliau tadi tidak menjelaskan sebenarnya sama ada penyiasatan itu terus dijalankan sebagaimana soalan yang asal. Soalan saya ialah saya mendapat tahu di dalam sesuatu Persidangan UMNO yang diadakan yang lepas, salah seorang daripada perwakilan pernah menunjukkan suatu senarai nama orang-orang yang dikatakan terlibat dengan gerakan kominis ini. Soalan saya adakah nama-nama yang dalam senarai itu ada dalam pengetahuan Kerajaan?

Tuan Rais Yatim: Peraturan Mesyuarat, Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh membuat sangkaan betul atau tidak sesuatu perkara itu, kalau boleh dibuktikan kenyataan dalam mesyuarat itu bolehlah saya jawab.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 19 hingga 44 adalah diberi di bawah ini).

BERAS DARI THAILAND

19. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan adakah Kementerian beliau sedar bahawa Kerajaan telah menandatangani suatu perjanjian dengan Kerajaan Thai untuk membeli lebih kurang 500,000 tan beras dan nyatakan:

- (a) agensi yang mana akan mengimpot beras ini;
- (b) bilangan Bumiputra yang akan dilantik sebagai pengimpot; dan
- (c) adakah beras yang hendak diimpot ini akan dibawa masuk melalui laut dan darat.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Dato' Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar):

Jumlah beras yang dibeli dari Negeri Thai ialah sebanyak 150,000 tan bukan 500,000 tan dan

- (a) akan diimpot sendiri oleh Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN),
- (b) tidak ada dilantik sesiapa pun sebagai pengimpot, dan
- (c) beras yang berkenaan itu akan diimpot melalui laut.

BEKALAN LETRIK DI PULAU PINANG

20. Datuk Albert Mah minta Menteri Kerajaan dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan sama ada tindakan akan diambil bagi memperbaiki pembekalan letrik di kawasan-kawasan berikut di Pulau Pinang:

- (a) Paya Terubong;
- (b) Tanjong Tokong;
- (c) Tanjong Bungah; dan
- (d) Batu Ferringhi.

Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dr Goh Cheng Teik): Lembaga Letrik Negara mempunyai keupayaan pembahagian yang cukup bagi kawasan-kawasan Paya Terubong, Tanjong Tokong, Tanjong Bungah dan Batu Ferringhi untuk skim-skim yang akan dijalankan di

kawasan-kawasan tersebut. Semua permohonan bagi kawasan-kawasan ini telahpun diluluskan.

Masalah yang ternampak sekarang ialah masalah kekurangan voltan (low voltage) dan ini akan dapat diatasi apabila projek-projek bersangkutan dilaksanakan tidak berapa lama lagi, iaitu:

- (a) Meningkatkan muatan alatubah dan memperkukuhkan sesalur voltan rendah di Paya Terubong; dan
- (b) memperkukuhkan sesalur voltan rendah di Tanjong Tokong dan kawasan penempatan semula.

Di kawasan-kawasan Tanjong Bungah dan Batu Ferringhi tidak terdapat sebarang kekurangan bekalan elektrik.

SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH DI SABAH

21. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar terdapat kekurangan rumit sekolah-sekolah rendah di Negeri Sabah yang mendatangkan kesulitan yang serious kepada rakyat di sana dan beberapa orang ibubapa mendapati yang anak-anak mereka terpaksa dihantarkan ke lain-lain sekolah di peringkat sekolah rendah dan sama ada Kerajaan bercadang membina lebih lagi sekolah-sekolah rendah di Negeri Sabah.

Dato' Chan Siang Sun: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kementerian Pelajaran sedang memberi penumpuan dan menitikberatkan terhadap pembinaan sekolah-sekolah rendah serta menyediakan kemudahan-kemudahan yang cukup bagi semua kanak-kanak yang memerlukan pelajaran rendah di seluruh negara. Oleh yang demikian, sekolah-sekolah baru akan didirikan disamping membina bilik-bilik darjah tambahan dan menggantikan bilik-bilik darjah yang tidak sesuai lagi.

Dalam rancangan Malaysia Ketiga sebanyak 441 buah projek Sekolah Rendah Kerajaan yang mengandungi 1,452 buah bilik darjah dan 680 buah rumah guru telah diluluskan bagi Negeri Sabah. Setakat ini 122 buah projek yang mengandungi 262 bilik darjah dan 137 rumah guru telah siap. Baki 319 projek lagi dijangka akan siap pada tahun 1981. Anggaran harga kesemua 441

buah projek tersebut ialah \$56.1 juta. Apabila telah siap kebanyakan kekurangan dijangka akan diatasi.

BUKU TEKS SEKOLAH

22. Toh Puan Oon Zariah binti Abu Bakar minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Menteriannya bercadang hendak menguruskan penjualan buku-buku teks sekolah diambilalih sepenuhnya oleh kedai-kedai buku di sekolah berkenaan secara koperasi. Jika ya, bila dan jika tidak, mengapa.

Dato' Chan Siang Sun: Kementerian Pelajaran tidak bercadang hendak menguruskan penjualan buku teks ke sekolah-sekolah diambilalih sepenuhnya oleh kedai buku di sekolah, kerana sistem pembekalan buku-buku teks ke sekolah-sekolah yang ada pada ketika ini berjalan dengan memuaskan. Bagi Sekolah Rendah Kebangsaan Kementerian Pelajaran memberi pinjaman di bawah Skim Pinjaman Buku Teks kepada semua murid iaitu 100% daripada mereka layak menerimanya. Penerbit akan membekalkan buku melalui agennya masing-masing dan agen-agen ini akan menghantar buku-buku teks ini kepada semua sekolah.

Bagi Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China) dan (Tamil) dan Sekolah Menengah Kebangsaan dan jenis Kebangsaan penerbit membekalkan buku-buku teks pesanan Kementerian Pelajaran terus ke sekolah-sekolah melalui agen-agen mereka sendiri. Untuk murid-murid yang tidak termasuk dalam Skim Pinjaman Buku Teks penerbit ada melantik agen penjual mereka sendiri yang menjualkan buku-buku teks kepada murid-murid. Peraturan yang ada sekarang berjalan dengan memuaskan dan tidak menimbulkan masalah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat tidak semua sekolah ada mempunyai kedai buku sendiri, terutamanya sekolah-sekolah Rendah Kebangsaan. Jika ada pun kedai buku sekolah atau koperasi sekolah yang mengendalikan penjualan buku teks, ini ialah atas budibicara penerbit melantik kedai buku sekolah atau koperasi sekolah itu menjalankan penjualan buku-buku teks sebagai satu daripada agen-agen mereka.

SUNGAI WAY ESTATE

23. Tuan Oh Keng Seng minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan adakah beliau sedar masalah-masalah yang

dihadapi oleh 108 keluarga dari Sungai Way Estate, di mana mereka tidak diberi layanan yang adil oleh Pengurusan GOODYEAR yang mentadbirkan Estate yang tersebut seperti mana yang telah dijanjikan kepada mereka dahulu. Adakah beliau akan menyiasat dan campur tangan dalam hal ini supaya pekerja-pekerja estate yang miskin ini tidak akan menderita akibat estate ini dijual kelak.

Tuan K. Pathmanaban: Sebenarnya ladang Sungai Way itu tidak pernah dijual, kecuali pada 1975 apabila sebahagian daripada ladang tersebut telah ditukar syarat (converted) daripada tanah pertanian kepada tanah perumahan. Apabila sekim pembangunan perumahan tersebut bermula, bekas-bekas pekerja-pekerja yang terlibat telah menubuhkan suatu jawatankuasa pekerja-pekerja ladang untuk berunding dengan pihak penguasaan yang juga pemaju perumahan tersebut iaitu The United Estate Projects Sdn. Bhd., untuk bayaran pampasan kerana mengosongkan rumah-rumah buruh di ladang tersebut.

Sementara ini pula, pihak Kerajaan Negeri Selangor telah mengarahkan jawatankuasa kebajikan pekerja-pekerja ladang Selangor untuk mengkaji masalah ini serta membantu kedua-dua pihak menyelesaikannya. Seorang pegawai kanan di Kementerian saya adalah menjadi Setiausaha Jawatankuasa tersebut. Semenjak bulan Jun, 1977 wakil-wakil dari kedua-dua belah pihak telah dijemput untuk hadir di mesyuarat bulanan jawatankuasa tersebut. Telah juga diperse-tujukan iaitu sebagai pampasan kepada pekerja-pekerja, pihak pemaju perumahan tersebut akan membina rumah-rumah pangsa harga murah di dalam sekim perumahan ini dan kemudian menjualkan mereka kepada bekas-bekas pekerja itu mengikut harga modal (at cost). Beberapa tawaran demi tawaran telah dikemukakan oleh kedua-dua pihak mengenai harga yang patut dibayar oleh bekas-bekas pekerja itu dan juga cara pembayarannya. Perkara ini sekarang adalah di dalam peringkat akhir perbincangan.

PENGKALAN TENTERA LAUT DI RAJA MALAYSIA DI LUMUT

24. Tuan Ngan Siong Hing minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (i) nama perunding dan pemborong antarabangsa yang sekarang diambil untuk mendirikan Pengkalan Tentera Laut Di Raja Malaysia di Lumut; dan

- (ii) sama ada Kerajaan sedar bahawa dengan mempelawa tender-tender dari syarikat-syarikat luar negeri rahsia membetulkan pengkalan dan rangka-nya akan diketahui dan oleh hal yang demikian akan melahirkan bahaya keselamatan kepada negeri ini.

Menteri Pertahanan (Datuk Hussein Onn):

- (i) Nama Perunding Antarabangsa yang sekarang diambil untuk mendirikan pengkalan TLDM di Lumut ialah Kocks Consult GMBH dan Blomtt Voss dari Germany, sementara pemborong antarabangsa pula ialah Syarikat Saeki Kensetsu Kogyo Co., Ltd yang mengendalikan pembinaan pelabuhan TLDM dan Syarikat Hazama Gumi Ltd., yang menguruskan pembinaan 27 blok bangunan bertingkat untuk kedua man anggota TLDM di Lumut. Kedua syarikat pemborong ini adalah dari-negeri Jepun.
- (ii) Mengenai soalan kedua Ahli Yang Berhormat pula, saya ingin menyatakan bahawa Kerajaan memang sedar akan implikasi-implikasi keselamatan dengan mempelawa tender-tender dari syarikat-syarikat luar negeri. Perlu diterangkan di sini bahawa pemilihan pakar perunding dari negara Jerman telah dibuat melalui pelawaan dan nasihat dari sebuah Kerajaan iaitu Kerajaan Jerman yang bersahabat baik dengan negara ini dan tidak dilaksanakan secara pangsang tender terbuka. Tambahan pula di dalam perjanjian yang ditandatangani antara syarikat-syarikat berkenaan dengan Kerajaan Malaysia, persetujuan telah dibuat bahawa segala tugas yang dilaksanakan oleh pihak perunding mestilah dianggap berdarjah (classified) dan mereka dikehendaki merahsiakan maklumat berhubung dengan pembinaan pengkalan tersebut supaya tidak terjatuh kepada pihak yang tidak berhak mendapat maklumat tersebut.

Pemborong antarabangsa pula yang dipilih untuk mengendalikan pembinaan bangunan di Pusat TLDM Lumut adalah terhad kepada projek pembinaan pelabuhan dan perumahan sahaja dan mereka ini diambil hanya setelah kami mengetahui bahawa tidak ada pemborong tempatan yang berkemampuan untuk menguruskan projek-projek

tersebut. Sepertimana yang telah saya jelaskan tadi pemborong-pemborong ini hanya diberikan tugas bagi pembinaan pelabuhan dan bangunan rumah pangsa untuk kediaman anggota TLDM sahaja.

Dengan "safeguards" yang saya sebutkan tadi, saya yakin bahawa ancaman keselamatan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dapat dielakan.

PILIHANRAYA NEGERI KELANTAN

25. Tuan Lim Cho Hock minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) mengapakah rapat-rapat umum tidak dibenar diadakan berhubung dengan pilihanraya di Negeri Kelantan oleh kerana Kerajaan sendiri telah menyatakan selamat dari segi keselamatan (security) untuk mengadakan pilihanraya seperti itu; dan
- (b) adakah perbuatan Kerajaan ini bertujuan menafikan peluang berkesannya kepada pihak Parti Pembangkang terutama sekali Parti PAS.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Soalan yang hampir sama telah saya jawab dalam Dewan ini, semasa menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Rantau Panjang pada 27hb Mac, 1978. Oleh yang demikian tiada apa lagi yang hendak saya tambah.

HUTANG PENEROKA FELDA

26. Tuan Lukman bin Abdul Kadir minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

- (a) berapakah jumlah hutang yang mesti dibayar oleh setiap peserta FELDA; dan
- (b) berapa peratuskah kadar faedah yang dikenakan dan dalam jangka berapa tahunkah hutang ini mesti diselesaikan.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof):

- (a) Jumlah hutang yang ditanggung oleh peneroka-peneroka FELDA, untuk memajukan sesuatu rancangan atau

peringkat adalah berbeza-beza mengikut perbelanjaan harga kontrak bekalan dan perkhidmatan pada masa kerja-kerja pembangunan dijalankan, luas kawasan yang diuntukkan kepada seseorang peneroka dan juga jenis tanaman.

Mengikut harga kontrak bekalan dan perkhidmatan bagi kerja-kerja pembangunan dalam tahun 1977/78 purata hutang yang ditanggung oleh seorang peneroka yang diuntukkan kawasan tanaman seluas 10 ekar ialah \$19,000 bagi rancangan sawit dan \$21,000 bagi rancangan getah.

Hutang ini merupakan jumlah perbelanjaan pembangunan kawasan yang berkenaan mulai dari tarikh kerja-kerja tebang menebang dijalankan sehingga rancangan kelapa sawit memasuki kerja sistem blok ataupun peneroka rancangan getah menoreh, iaitu satu masa yang lebih kurang 6-7 tahun, dan termasuk kos pembangunan ladang, kos pembangunan kawasan rumah, kos pembinaan rumah dan pinjaman tunai persendirian.

- (b) Peneroka adalah dikenakan faedah dengan kadar 6½% di atas tanggungan/pinjaman wang mereka.

Peneroka-peneroka adalah diberi tempoh masa selama 15 tahun, mulai dari tarikh penerimaan pendapatan dari jualan hasil tanaman mereka, untuk menyelesaikan tanggungan mereka kepada FELDA.

RUMAH AWAM KOS RENDAH

27. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakan sama ada beliau sedar tentang keadaan yang terbiar dalam soalan perumahan serta tiadanya rancangan rumah murah diusulkan di kawasan luar bandar di negara ini. Jika ya, apakah langkah mengatasi telah/akan dijalankan, jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan (Dato' Haji Ramli bin Omar): Soalan Yang Berhormat ini adalah tidak jelas, sama ada yang dimaksudkan oleh beliau itu rancangan perumahan awam kos

rendah atau rancangan perumahan pemaju swasta. Walau bagaimanapun pada umumnya rancangan-rancangan perumahan awam kos rendah dan rancangan-rancangan perumahan pemaju swasta adalah diadakan di mana terdapat keperluan dan permintaan baginya, tidak kira sama ada di bandar atau di luar bandar.

Mengenai rancangan perumahan awam kos rendah, penentuan tempat atau kawasan dimana sesuatu projek itu patut dilaksanakan adalah terpulang kepada budibicara Kerajaan Negeri berkenaan. Sehingga kini telah banyak projek-projek perumahan seperti ini yang telah dilaksanakan di kawasan-kawasan luar bandar dan negeri-negeri Selangor, Perak, Negeri Sembilan, Pahang, Pulau Pinang, Melaka, Kedah, Johor dan Trengganu telah menyelerakkan projek perumahan ini kepada hampir setiap daerah di negeri masing-masing.

Di samping itu sekim-sekim pinjaman perumahan luar bandar telah juga diadakan oleh MARA, Suruhanjaya Perumahan dan Pembangunan Sarawak dan Bahagian Kemajuan Masyarakat Kementerian Pertanian (KEMAS). MARA memberi pinjaman kepada penduduk-penduduk luar bandar untuk membeli rumah yang sedia (perfab houses) yang dikeluarkan oleh Kayu Sedia Sendirian Berhad iaitu sebuah anak Syarikat MARA. Jumlah pinjaman yang diberi adalah untuk nilai harga bahan-bahan perumahan antara \$2,500 hingga \$4,800 sebuah, yang disediakan oleh Kayu Sedia Sendirian Berhad. Pinjaman ini adalah untuk selama 6 tahun dan tidak dikenakan sebarang faedah. Peminjam adalah dikehendaki mendirikan rumah tersebut secara bergotong royong.

Suruhanjaya Perumahan dan Pembangunan Sarawak pula menjalankan rancangan pinjaman kepada penduduk-penduduk luar bandar iaitu dalam Rancangan Pinjaman kepada Perseorangan dan Rancangan Rumah Panjang. Dalam sekim-sekim ini seorang peminjam yang telah dipilih oleh Jawatan-kuasa Pemilih dibenarkan meminjam \$7,500 maksima bagi pinjaman perseorangan dan \$2,500 bagi satu pintu rumah panjang. Dalam sekim ini Suruhanjaya Perumahan dan Pembangunan Sarawak sendiri bertanggungjawab untuk membeli perkakas atau bahan-bahan binaan dan peminjam sendiri mendirikan rumah masing-masing. Walau bagaimanapun Suruhanjaya Perumahan dan Pem-

angunan Sarawak menolong mereka membina rumah tersebut dengan menyediakan pelan-pelan yang senang diikuti dan yang dipilih oleh peminjam-peminjam sendiri. Suruhanjaya Perumahan dan Pembangunan Sarawak juga menghantar pegawai-pegawai teknikal untuk mengawasi pembinaan rumah-rumah mereka. Setakat ini pihak Suruhanjaya Perumahan dan Pembangunan Sarawak telahpun menyiapkan satu projek perintis rumah panjang di Nanga Merirai di Bahagian Ketujuh Sarawak. Projek ini melibatkan pembinaan rumah panjang yang mengandungi 31 unit.

Bahagian Kemajuan Masyarakat, Kementerian Pertanian (KEMAS) pula melaksanakan rancangan "Rumah Sempurna" bagi memperbaiki mutu perumahan luar bandar. Rancangan ini dijalankan dengan kerjasama daripada Jabatan-jabatan Pertanian, Haiwan, Kesihatan dan Persatuan-Persatuan Belia. Pada penghujung tahun 1977, KEMAS telah meninggikan mutu sebanyak 4,207 buah rumah dan melibatkan 273 buah kampung.

BEKALAN LETRIK BANDAR/ LUAR BANDAR

28. Datuk Haji Shafie bin Abdullah minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan adakah L.L.N. yang bertanggungjawab untuk memberi bekalan letrik bandar/luar bandar hingga hari ini sebenarnya gagal dan tidak berjaya memenuhi hasrat negara dalam menyampaikan bekalan-bekalan kuasa letrik kepada kawasan-kawasan luar dan dalam bandar memandang kepada banyak, ramai dan selalu kedengaran rungutan, rayuan dan cacian yang dibuat dalam akhbar, dailog-dailog dan perjumpaan-perjumpaan kerana keadaan-keadaan bekalan letrik yang tidak memuaskan di pekan-pekan dan bandar-bandar.

Dr Goh Cheng Teik: Kementerian ini menyangkal sama sekali Tuduhan bahawa Lembaga Letrik Negara telah gagal dan tidak berjaya menyampaikan bekalan elektrik ke kawasan-kawasan bandar dan luar bandar mengikut keperluan negara. Sejak ditubuhkan pada 1 September, 1949 L.L.N. telah mengambil tindakan-tindakan yang wajar untuk menjalankan tugas-tugasnya seperti terkandung dalam Akta Letrik 1949, dan bolehlah dikatakan telah mencapai kejayaan yang berpatutan dalam perkara ini.

Sebagai contoh untuk menyukat kemajuan yang telah dicapai sejak 1949 statistik-statistik berikut bolehlah dilihat:

**PERANGKAAAN KEMAJUAN
(KESELURUHAN)**

Tahun	Jumlah Muatan Janakuasa (MV)	Jumlah "Unit" Dijual	Bilangan Pengguna
1949 ...	38.78	115,831,890	45,495
1977 ...	1,320.00	6,065,000,000	916,481

**PERANGKAAAN KEMAJUAN BEKALAN
(ELEKTRIK LUARBANDAR)**

Tahun	Jumlah Kampung Diberi Bekalan	Jumlah Penduduk Mendapat Faedah
1958 ...	54	39,318
1977 ...	3,350	1,308,200

Ini jelas menunjukkan bahawa kemajuan telah dicapai.

Banyak projek besar yang telah, sedang dan akan dijalankan untuk menjamin adanya bekalan elektrik yang cukup sejajar dengan perkembangan aktiviti-aktiviti perindustrian mengikut matlamat-matlamat Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

Dari segi perluasan sistem rangkaian seluruh negara (National Grid), pada masa ini ada 27 bilangan projek-projek besar berupa pembinaan talian penghantaran 275 kV, 132 kV, 66 kV, 33kV, Pencawang 132/33 kV, 132/11 kV, 132/66 kV dan sebagainya termasuk sambungan National Grid ke Kelantan dan Trengganu yang sedang dalam beberapa peringkat perlaksanaan.

Di bawah Rancangan letrik luar bandar pula, peruntukan sebanyak \$158 juta telah disediakan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga bagi Semenanjung Malaysia. Adalah dijangka peruntukan ini akan menampung bekalan lebih daripada 2,600 buah kampung dengan bilangan bakal pengguna dianggarkan lebih daripada 200,000 buah rumah di kawasan-kawasan luar bandar. Sungguhpun L.L.N. telah menghadapi berbagai-bagai masalah di dalam perlaksanaan projek-projek ini namun segala daya upaya telah diambil untuk mengatasinya dan pada masa sekarang perlaksanaan projek-projek pada keseluruhannya berjalan dengan licin dan memuaskan dan adalah menjadi matlamat L.L.N. untuk menyempurnakan semua projek-projek Rancangan Malaysia Ketiga sebelum berakhirnya tempoh Rancangan Malaysia Ketiga.

Memang disedari bahawa masih ada kekurangan di mana perkhidmatan L.L.N. boleh diperbaiki lagi dan tindakan-tindakan yang sewajarnya telah dan akan terus diambil untuk memperbaiki kekurangan-kekurangan ini.

**BUAH-BUAHAN TEMPATAN—
KENAIKAN HARGA**

29. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) adakah beliau sedar bahawa harga buah-buahan tempatan seperti betik, pisang dan lain-lain telah melambung naik dalam beberapa bulan ini hingga orang-orang miskin tidak mampu membelinya, dan jika ya, apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kementerian beliau untuk mengatasi masalah ini; dan
- (b) apakah Kementerian beliau akan membuka lebih banyak tanah untuk menanam buah-buahan tempatan dan jika ya, berikan butir-butir mengenai perkara ini.

Menteri Pertanian (Dato' Shariff Ahmad):

- (a) Saya sedar harga telah naik. Tetapi kenaikan itu 11% setahun sahaja, jika dibandingkan dengan 12% setahun bagi kenaikan Harga-harga Penunjuk Makanan (Consumer Food Price Index) 1972-1977.

Kenaikan harga ini, sungguhpun mungkin menyusahkan sebilangan pembeli, adalah memberi faedah kepada petani-petani. Walau bagaimanapun, bukanlah semua buah-buahan mengalami kenaikan harga sehingga orang-orang miskin tidak terdaya membelinya umpamanya tembikai, betik, pisang dan nenas Sarawak kenaikan harga cuma 6% setahun dari jangka masa 1973 hingga 1977.

Langkah-langkah berikut diambil untuk mengatasi masalah ini tanpa merugikan petani:

- (i) membaiki sistem edaran (distribution) dimana buah-buahan dari kawasan yang banyak mengeluarkannya diedarkan ke kawasan-kawasan yang mengalami kekurangan bekalan.

- (ii) menggalakkan petani-petani menanam buah-buahan terutama daripada jenis-jenis yang mempunyai pasaran yang baik.
- (b) Kementerian tidak akan membuka lebih banyak tanah, tetapi akan menggalakkan tanaman ini ditanam oleh petani-petani dan peladang-peladang melalui agensi seperti Jabatan Pertanian dan Lembaga Pertubuhan Peladang.

SURAT-SURAT LAYANG

30. Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sejauhmanakah tindakan dan siasatan dibuat oleh Kementerian ini mengenai "surat-surat layang" yang sekarang begitu banyak ditaburkan di negara ini khususnya mengenai kedudukan pemimpin-pemimpin kita. Adakah Kementerian beliau bercadang hendak mengenakan sebarang tindakan ke atas penghantar surat-surat layang itu dan jika ya, bolehkah Menteri berkenaan menjelaskan cara mana dan bagaimana surat-surat layang itu dapat dikesan asalnya.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Saya sedar adanya surat-surat layang yang dimaksudkan itu disebarkan di negeri ini. Kerajaan dari masa kemasa mengharamkan surat-surat yang sedemikian kalau isinya merupakan hasutan yang boleh membawa kepada berlakunya keganasan atau penentangan terhadap undang-undang atau yang boleh menyebabkan terjejasnya keamanan atau membangkitkan perbalahan kaum atau prasangka kepada kepentingan negara, ketenteraman awam atau keselamatan negara. Adalah menjadi satu kesalahan bagi sesiapa saja yang menyimpan, mencetak dan menyebarkan surat-surat yang sudah diharamkan. Caramana dan bagaimana surat-surat layang itu dapat dikesan adalah tindakan yang dijalankan oleh pihak polis, dan tidak wajarlah dijelaskan.

PUSAT LATIHAN ASKAR WATANIAH

31. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Pertahanan menyatakan adakah P.L.A.W. (Pasukan Latihan Askar Wataniah) yang ada di Ipoh sekarang ini dapat memenuhi kehendak-kehendak dari segi latihan, kelengkapan dan juga kemudahan lain.

Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Mengenai kelengkapan dan kemudahan di Pusat Latihan Askar Wataniah (PLAW) di Ipoh adalah dapat memenuhi segala kehendak Latihan Askar Wataniah/Pasukan Pertahanan Tempatan. Sehingga ini Pusat Latihan tersebut belum pernah menempoh apa-apa kesulitan apabila ada latihan yang dijalankan.

LADANG ASING—MEMILIK NEGARAKAN

32. Tuan Mustapha bin Ali minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan sejauh manakah proses memiliki negarakan Ladang-ladang Asing telah berjalan semenjak beliau membuat kenyataan dan cadangan untuk berbuat demikian tidak berapa lama dulu.

Datuk Haji Embong bin Yahya: Saya menafikan kenyataan dan cadangan untuk memiliki negarakan Ladang-ladang Asing. Kenyataan tersebut telahpun disiarkan secara tidak betul dan saya telahpun membuat kenyataan tentang kesilapan itu. Dalam ucapan saya kepada pegawai Kanan FELDA pada hari Sabtu 21hb Januari, 1978, saya telah menyatakan bahawa adalah berfaedah jika peneroka-peneroka FELDA mengumpulkan wang mereka dan dapat menyertai pembelian saham syarikat Ladang-ladang Asing bila saham itu dijual khasnya bila syarikat-syarikat itu menyusun semula (restructure). Ini adalah disebabkan pendapatan peneroka tersebut adalah berlebihan dan dengan berbuat demikian dapatlah mereka menggunakan faedah pelaburan untuk kepentingan masing-masing.

SIJIL KEWARGANEGARAAN PALSU

33. Tuan Haji Hadadak bin Haji D. Pasauk bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri bagaimanakah boleh terjadi pemalsuan beranak dan kerakyatan yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara. Adakah ini dilakukan oleh anasir kominis.

Tuan Rais Yatim: Tidak ada sijil-sijil beranak atau sijil-sijil kewarganegaraan palsu yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara. Apa sebenarnya yang berlaku ialah butir-butir dalam sijil-sijil tersebut telah dipinda tanpa kebenaran oleh mereka

yang tidak bertanggungjawab untuk sesuatu tujuan. Setakat ini penyiasatan telah menunjukkan bahawa kegiatan pemalsuan-pemalsuan ini tidak dilakukan oleh anasir-anasir kominis atau dianjurkan oleh pihak kominis.

HOSPITAL BESAR KUCHING

34. Tuan Haji Hadadak bin Haji D. Pasauk bertanya kepada Menteri Kesihatan bila Kementerian beliau akan melengkapkan Hospital Besar Kuching dengan mesin pencuci darah untuk kegunaan pesakit-pesakit Kencing Manis, memandangkan selama ini pesakit-pesakit tersebut terpaksa dihantar ke Kuala Lumpur untuk mendapat rawatan.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Pesakit-pesakit Kencing Manis tidak memerlukan mesin untuk mencuci darah. Mungkin apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat ialah mengenai penubuhan yunit buah pinggang di Hospital Umum Sarawak (Renal Unit) bagi pesakit yang mengidap penyakit buah pinggang bertahun lamanya (Chronic Renal Failure). Kementerian Kesihatan telah mengkaji kemungkinan untuk menubuhkan yunit-yunit kecil di merata negeri untuk merawat penyakit buah pinggang menahan dan telah mendapati bahawa pada masa sekarang, oleh sebab beberapa faktor maka adalah tidak sesuai untuk melaksanakan program tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat, satu rombongan pakar-pakar penyakit buah pinggang telah melawat Sarawak pada bulan Disember, 1976 untuk mengkaji dan membuat perakuan mengenai penubuhan yunit buah pinggang (Renal Unit) di Hospital Umum Sarawak. Adalah didapati bahawa bagi mereka yang mengidap penyakit buah pinggang bertahun lamanya (Chronic Renal Failure) dan memerlukan rawatan berulang kali bolehlah dirawat di Instituit Urologi dan Nephrologi, Kuala Lumpur kerana suatu program Chronic Dialysis memerlukan perkhidmatan seorang pakar perubatan yang betul-betul mahir dalam bahagian ini dan kakitangan-kakitangan praperubatan yang telah dilatihkan khas dan ianya juga menghendaki alat-alat yang sophisticated dengan back up sistem yang cukup. Kemudahan-kemudahan ini belum lagi dapat diedarkan di Hospital Umum Sarawak. Oleh

itu, rombongan pakar-pakar ini telah memperakukan supaya pada masa ini dan untuk beberapa ketika pesakit-pesakit dari Sarawak bolehlah dihantar dan menggunakan perkhidmatan yang ada di Instituit Urologi dan Nephrologi, Kuala Lumpur.

CUKAI TV BERWARNA

35. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Panglima Abdullah bertanya kepada Menteri Kewangan, adakah Kerajaan bercadang hendak menurunkan cukai TV berwarna yang diimpot bagi mengurangkan bebanan pengguna membelinya serta juga sudahkah ada factory yang membuat atau memasang TV berwarna di negara kita.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, duti impot yang dikenakan atas TV sama ada berwarna ataupun bukan berwarna adalah sama kadarnya dan bertujuan melindungi syarikat-syarikat tempatan yang membuat atau memasang TV. Buat masa ini saya belum lagi bercadang untuk menurunkan kadar duti impot itu, oleh kerana sudah ada syarikat-syarikat tempatan yang berupaya membuat atau memasang TV berwarna. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar duti atas TV yang dipasang di Malaysia adalah lebih rendah dari duti impot. Manakala duti atas TV yang diimpot adalah 45%, duti eksais atas TV pengeluaran tempatan cuma 10% sahaja. Oleh demikian, beban cukai ke atas pengguna yang membeli TV berwarna tempatan adalah tidak berat, sungguhpun harga TV itu di kilang, iaitu harga tanpa duti, mungkin tinggi. Walau bagaimanapun, Kerajaan boleh mengkaji semula kedudukan ini sekiranya didapati struktur duti ke atas perusahaan TV merupakan faktor yang penting yang menyebabkan harga TV berwarna terlalu tinggi. Setakat ini Kerajaan tidak ada cadangan untuk mengurangkan duti ke atas TV berwarna.

BEKALAN AIR DI MUKIM KOTA SETIA

36. Tuan Abu Bakar bin Arshad minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan sama ada beliau bercadang hendak mengadakan bekalan air minum kepada penduduk dalam Mukim Kota Setia daerah Perak Tengah. Jika ada bila dan jika tidak mengapa.

Dr Goh Cheng Teik: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat peruntukan sebanyak \$370,000 telah diberi untuk memperbesar sistem bekalan air dari Lubok Chandang ke Kota Setia dan dengan adanya sistem ini bekalan air akan diadakan kepada penduduk-penduduk Mukim Kota Setia. Kerja-kerja dijangka dimulakan pada tahun ini juga.

BEKALAN LETRIK LUAR BANDAR

37. Tuan Abu Bakar bin Arshad minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan sama ada beliau bercadang hendak membekalkan bekalan letrik kepada penduduk Mukim Pulau Tiga Kiri, Mukim Pasir Salak, Mukim Pasir Panjang Ulu, Mukim Bandar, Mukim Kota Setia dan Daerah Bharu Seberang Perak dalam Perak Tengah. Jika ada bila dan jika tidak mengapa sedang talian hantaran atas ada di kawasan tersebut.

Dr Goh Cheng Teik: Ingin dimaklumkan bahawa setakat ini kampung-kampung dalam Mukim-mukim yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak termasuk di dalam senarai projek-projek bekalan letrik luar-bandar yang telah dicadangkan oleh Kerajaan Negeri Perak untuk diluluskan oleh Kementerian saya bagi Negeri Perak. Walau bagaimanapun, Kementerian saya akan mengemukakan nama-nama kampung yang terlibat itu kepada Kerajaan Negeri Perak untuk dipertimbangkan apabila Kerajaan Negeri itu menyediakan projek-projek pada masa yang akan datang.

SOUTH EAST ASIA INSURAN BERHAD

38. Tuan Lim Cho Hock minta Menteri Kewangan menyatakan sebab-sebab mengapa South East Asia Insuran Berhad telah dibenarkan untuk ditubuhkan bagi mengambil polisi First General life Insuran Berhad yang terdapat sekarang walaupun ada Syarikat Insuran lain boleh mengambil polisi First General life Insuran Berhad.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Saya sudah pun memberi jawapan terhadap soalan lisan yang serupa maksudnya yang dikemukakan pada 24-10-77 di Dewan Rakyat ini, serta menjelaskan perkara berhubung dengan pendaftaran Syarikat South East Asia Insuran Berhad.

PILIHANRAYA NEGERI KELANTAN

39. Dr Chen Man Hin minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri memberi sebab-sebab mengapa pengharman diadakan ke atas rapat-rapat umum semasa pilihanraya negeri bagi Negeri Kelantan diadakan sedangkan pada masa yang sama Kerajaan telah mengumumkan keadaan telah bertambah baik dan tidak ada keperluan untuk meneruskan pemerintahan dharurat.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Soalan yang hampir sama telah saya jawab di dalam Dewan ini, semasa menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Rantau Panjang pada 27hb Mac, 1978. Oleh yang demikian tiada apa-apa lagi yang hendak saya tambah.

HOSPITAL DAERAH BEAUFORT

40. Tuan Haji Mohd. Taufek bin O.K.K. Haji Asneh minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah beliau sedar bahawa pembinaan Hospital Daerah Beaufort memakan masa yang lama untuk disiapkan. Adakah ini kerana soal kewangan atau ketiadaan pekerja. Jika ya, nyatakan adakah Kementerian akan mengambil tindakan untuk mengatasi perkara ini demi kepentingan rakyat Beaufort, Kuala Penyu dan Sipitang.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Saya sedar bahawa pembinaan Hospital Daerah Beaufort memakan masa lama untuk disiapkan. Pada permulaan Rancangan Malaysia Ketiga, peruntukan memang telah disediakan tetapi hanyalah cukup untuk membina rumah-rumah Kerajaan bagi kakitangan di tapak hospital baru yang dicadangkan yang mana terletak berhampiran dengan Hospital yang lama. Rumah-rumah Kerajaan tersebut adalah sangat diperlukan untuk memberi tempat kediaman kepada kakitangan-kakitangan yang berkhidmat di hospital yang lama. Pada ketika ini, quarters tersebut adalah di peringkat akhir untuk disiapkan (95%). Rumah-rumah kediaman ini adalah juga menjadi sebahagian daripada kompleks hospital baru itu. Pada masa kebelakangan ini, peruntukan tambahan telahpun diluluskan oleh pihak Kerajaan untuk membolehkan perancangan dan pembinaan hospital baru tersebut. Pelan-pelan tapaknya telahpun dipersetujui dan ditandatangani oleh Kementerian ini. Pihak Jabatan Kerjaraya Sabah

akan meneruskan dengan lukisan secara lebih detail. Adalah dijangkakan bahawa kerja-kerja asas akan bermula pada suka akhir tahun 1978 dan dijangka siap pada tahun 1981.

SKIM PINJAMAN BUKU TEKS

41. Tuan Hashim bin Ghazali minta Menteri Pelajaran menyatakan berapakah perbelanjaan yang telah digunakan untuk bantuan buku-buku teks bagi tahun 1978.

Dato' Chan Siang Sun: Perbelanjaan sebenarnya untuk Skim Pinjaman Buku Teks bagi tahun 1978 belum dapat dipastikan oleh sebab pembayaran terhadap bil-bil belum diselesaikan. Akan tetapi Biro Buku Teks telah diperuntukkan anggaran perbelanjaan sebanyak \$28,631,200.00 bagi tahun 1978.

UNIVERSITI MERDEKA

42. Tuan Oh Keng Seng minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah beliau sedar atas suatu "petisyen" yang telah dihantar oleh Universiti Merdeka Berhad bertarikh 30-1-1978 kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, memohon izin mengadakan suatu "Order Incorporasi" untuk menubuhkan Universiti Merdeka yang telah menerima sokongan yang paling banyak dari semua pertubuhan-pertubuhan China Malaysia mengikut syarat-syarat dan semangat Akta Universiti-universiti dan Kolej 1971. Adakah beliau akan menasihatkan D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk memperkenankan suatu "Order Incorporasi" dan terus membentangkan di Parlimen untuk diluluskan; kalau tidak, kenapa.

Dato' Chan Siang Sun: Saya sedar satu petisyen mengenai penubuhan Universiti Merdeka telah dikemukakan ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 30-1-1978.

Kerajaan akan mengkaji perkara ini.

KAD PENGENALAN WARNA MERAH

43. Tuan Au How Cheong minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apakah jumlah penduduk-penduduk yang memegang Kad Pengenalan berwarna merah

pada 1977 di tanahair kita, mengikut Negeri masing-masing.

Tuan Rais Yatim: Jumlah bilangan Kad Pengenalan merah di Malaysia pada 30-11-77 ialah 244,144. Jabatan Pendaftaran Negara tidak menyimpan rekod pemegang-pemegang Kad Pengenalan mengikut pecahan negeri-negeri.

PERMIT IMPOT PALSU

44. Tuan Mak Hon Kam minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan menurut laporan dalam Sidang Parlimen pada bulan November, 1977 Kementerian Perdagangan dan Perindustrian akan menyiasat timbulnya permit-permit yang palsu; apakah hasil siasatan tersebut.

Tuan Abdul Manan bin Othman: Siasatan pemalsuan permit impot sedang dan akan terus dijalankan dari masa ke semasa oleh Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja. Kementerian saya sentiasa memberi kerjasama sepenuhnya kepada Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja dengan memberi apa juga maklumat yang dikehendaki. Kementerian saya dan Jabatan tersebut telah dapat mengesan beberapa permit impot palsu dan siasatan mengenainya masih dalam tindakan Jabatan itu. Hasil dari siasatan tersebut belum lagi diketahui.

Saya berpendapat di antara sebab-sebab berlakunya pemalsuan permit impot ialah kerana adanya pihak-pihak tertentu yang sanggup membeli permit impot berkenaan. Dengan itu saya suka menasihati dan meminta kerjasama pengimpot-pengimpot supaya tidak lagi membeli permit-permit berkenaan dan juga meminta kerjasama mereka supaya melaporkan kepada Kementerian saya sekiranya diketahui ada orang-orang yang menawarkan lesen-lesen impot untuk dijual. Di peringkat Kementerian saya, langkah-langkah sedang diambil untuk memperkemas dan menukar cara pengeluaran dan jenis permit impot sebagai salah satu usaha untuk mengurangkan pemalsuan dan kalau boleh untuk menghapuskan sama sekali.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG KUMPULANWANG PINJAMAN PERUMAHAN (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Kumpulanwang Pinjaman Perumahan 1971; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. TIMBALAN YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak seperti-nya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Keempat.” (5hb April, 1978).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya menjemput Yang Berhormat Menteri Pelajaran menyambung ucapannya, saya suka hendak meminta kerjasama dari Yang Berhormat Menteri-menteri supaya dapat menghabiskan jawapannya tidak lewat daripada pukul 6.00 petang, sebaiknya 5.30 petang supaya dapat dibahaskan hari ini iaitu Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini dibacakan bagi kali yang kedua. Ini harapan saya supaya seku-

rang-kurangnya yang diuntukkan tidak lebih daripada satu hari untuk membahaskan dan dapat diselesaikan hari ini. Jadi, esok Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini dapat dibahaskan di peringkat Jawatan-kuasa. Saya jemput Yang Berhormat Menteri Pelajaran.

3.37 ptg.

Menteri Pelajaran (Datuk Musa Hitam): Tuan Yang di-Pertua, di dalam konteks atas apa yang telah saya sebutkan semalam dan berasas kepada fakta-fakta itu juga soal Penubuhan Universiti Merdeka ialah satu soal yang saya sendiri sedar begitu hangat dibincangkan oleh masyarakat terutamanya dari keturunan China. Yang anihnya Tuan Yang di-Pertua, ialah bahawa projek ini hanya diperhebatkan rancangannya lengkap dengan kempen tanda-tandatangan menyokong petisyen kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam suasana demam pilihanraya. Tergambar kepada saya pergolakan-pergolakan yang sama alirannya sebelum pilihanraya tahun 1969 dahulu.

Saya sendiri mempersoalkan motif parti-parti politik pembangkang di sini, pada pendapat saya motif mereka tidak ikhlas, tidak jujur. Mereka semata-mata mahu memperalatkan sesuatu puak keturunan di dalam negara kita ini untuk memancing undi. Saya sendiri tidak menafikan bahawa ada di kalangan mereka yang menyokong projek ini benar-benar ikhlas, tetapi saya rasa bertanggungjawab mengingatkan mereka atas bahaya dipermainkan oleh parti-parti politik tertentu. Apa yang diperkatakan oleh Pengerusi Cawangan parti DAP, Rawang yang baru sahaja keluar daripada partinya harus diterima sebagai bukti kenyataan saya ini seperti dilaporkan dalam satu akhbar tempatan semalam pada 5hb April, 1978. Kata-nya, saya sebutkan di sini di dalam bahasa Inggeris.

“On the Chinese education issue, Dr Chen (iaitu Pengerusi DAP), Mr Lim (iaitu Setiausaha Agung DAP) and Mr Lee (iaitu Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar), loudly supported the formation of Merdeka University and Chinese education. But this is only their usual tactics to get cheap publicity and votes”.

Kenyataan ini yang habis-habis authoritative sekali di atas tektik-tektik dan strateji bankrup parti pembangkang yang berkenaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini, saya berasa dukacita apabila mendengar Ahli Yang Berhormat dari Kepong yang nampaknya bersama-sama menanggung dalam air yang keroh ini. Pada hemat saya yang telah mencebur diri dalam politik agak begitu lama juga, Ahli Yang Berhormat inilah yang sangat-sangat dihormati daripada barisan pembangkang. Integritinya diakui. Sebagai seorang "fellow Parliamenterian" saya percaya kita akan kehilangan seorang tokoh pembangkang apabila ianya bersara kelak sepertimana yang telah diisytiharkannya sendiri. Tentulah pengalamannya boleh digunakan olehnya sendiri sebagai asas fahaman atas bahaya menyalah exploitasi sentimen sesuatu kaum. Malangnya orang yang saya sama-sama sangat hormati ini telah sama-sama pula mengambil kesempatan, jangan-jangan lenyap pula partinya dalam pilihanraya akan datang dan tidak terpilih penggantinya. Jadi nampaknya Ahli Yang Berhormat ini telah membuat sesuatu yang boleh diperkatakan dalam bahasa Inggeris "jump into the bandwagon". Tetapi saya suka mengingatkan Ahli Yang Berhormat itu bahawa bandwagon ini sedang laju turun bukit menuju ke arah kemusnahan.

Tuan Yang di-Pertua, pendirian Kerajaan dalam sesuatu soal berhubung dengan pelajaran ialah jelas dan tegas. Ini termasuklah soal penubuhan sesuatu institusi pelajaran tinggi. Soal asasnya ialah: Adakah sesuatu projek itu sesuai dengan dasar pelajaran negara atau tidak? Begitu jugalah apabila saya diminta nasihat oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas projek Universiti Merdeka nanti. Saya mengaku menerima satu salinan petisyen oleh sekumpulan rakyat keturunan China yang bercadang hendak menubuhkan sebuah apa yang dinamakan Universiti Merdeka. Saya telahpun sendiri menatap salinan petisyen ini dan membuat kepastian awal yang akan saya kemukakan kepada Kerajaan dan keputusan ini akan disembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia kelak dan tentulah disampaikan kepada mereka yang berkenaan. Sementara itu, saya suka mengingatkan semua pihak bahawa sekiranya soal projek ini diperbesar-

besarkan lagi, akibatnya kepada semangat muhibbah tentu akan terjejas. Issue ini telah diperbahaskan oleh semua pihak dan petisyen atas perkara ini sudahpun disembahkan. Sesiapa juga yang akan terus membesar-besarkannya akan dianggap sebagai "political opportunist" dan bertanggungjawab atas apa juga akibat buruk yang terjadi, terutama sekali dalam suasana demam pilihanraya sekarang ini. Kerajaan tidak akan teragak-agak mengambil apa-apa jua tindakan berasas kepada undang-undang atas sesiapa juga yang mengexploit sentimen perkauman dalam hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka juga telah menyuarakan bahawa peluang pelajar-pelajar Malaysia untuk menuntut keluar negeri akan tertutup di dalam masa dua tahun lagi bila berlaku penukaran dari peperiksaan MCE ke peperiksaan SPM. Seterusnya beliau menggesa Kerajaan supaya mengambil langkah-langkah sesuai untuk mengekalkan taraf penguasaan Bahasa Inggeris untuk menentukan pelajar-pelajar yang lulus peperiksaan SPM dalam tahun 1980 dan selepas itu akan dapat terus memasuki institusi-institusi pelajaran tinggi di luar negeri, terutamanya di negara-negara Komanwel.

Sebagaimana yang saya baru tegaskan tadi, Dasar Pelajaran Kebangsaan telah ditetapkan dan telah diterima oleh rakyat. Untuk menentukan dasar itu dilaksanakan dengan berkesan, Bahasa Malaysia telah ditetapkan untuk dijadikan bahasa pengantar di semua peringkat pengajian di negara ini. Mengikut jadual penukaran bahasa pengantar, adalah tidak dapat dielakkan berlaku penukaran peperiksaan MCE ke peperiksaan SPM. Ini adalah dasar dan Ahli-ahli Yang Berhormat tidak perlu mengungkit dasar yang telah ditetapkan dan diterima oleh umum. Walau bagaimanapun Bahasa Inggeris adalah dijadikan sebagai bahasa kedua yang penting untuk dipelajari di sekolah-sekolah dan di institusi-institusi pelajaran tinggi dan Kementerian Pelajaran telah dan akan mengambil tindakan-tindakan yang perlu bagi mengekalkan dan memperbaiki penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan pelajar-pelajar. Pada masa-masa lepas sukatan pelajaran Bahasa Inggeris bagi darjah Menengah Atas ialah berasas kepada contoh-contoh soalan peperiksaan

dari pihak Cambridge. Walau bagaimanapun, satu sukatan pelajaran Bahasa Inggeris telah digubal khas untuk Malaysia dan telah mula digunakan di sekolah-sekolah mulai tahun 1976. Penggunaan sukatan pelajaran baru itu bermakna bahawa guru-guru Bahasa Inggeris disediakan suatu sukatan pelajaran yang menentukan strategi pengajaran dan pembelajaran yang diharapkan berlaku di dalam bilik darjah. Saya memang bersetuju bahawa pengajaran Bahasa Inggeris harus diambil perhatian berat, bukan sahaja oleh Kementerian saya sendiri tetapi guru-guru dan ibubapa juga. Lebih-lebih lagi setelah saya pastikan hasil cara pengajaran yang didapati daripada peperiksaan-peperiksaan bagi tahun 1977. Pendapat-pendapat awal saya telahpun saya huraikan beberapa hari yang lepas dan Kementerian saya sedang aktif mengkaji beberapa kemungkinan untuk memperbaiki kedudukan ini dari segi jangka pendek dan jangka panjang.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Taylor's College pula yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka juga, saya bersetuju bahawa Kolej tersebut telah memainkan peranannya bagi menyediakan penuntut-penuntut dari negara ini untuk belajar di universiti-universiti atau di institusi-institusi pelajaran di seberang laut terutama sekali di Australia. Walau bagaimanapun inginlah saya tegaskan di sini bahawa keputusan untuk menutup Taylor's College itu adalah dibuat oleh penganjur Kolej itu sendiri dan bukannya oleh pihak Kementerian Pelajaran. Saya juga ingin menyatakan bahawa setakat ini Kementerian Pelajaran tidak pernah menerima sebarang permohonan daripada pihak penganjur Kolej tersebut yang mereka ingin meneruskan operasi mereka selama setahun lagi sebagaimana yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Selangor, Seremban dan beberapa Ahli Yang Berhormat yang lain telah membangkitkan mengenai kekurangan tenaga mahir yang bertaraf separuh "professional" dan kekurangan institusi teknikal dan vokesyenal di negara ini yang dapat menyediakan tempat yang cukup bagi pelajar-pelajar menerima latihan "professional" dan separuh "professional". Mereka telah menggesa Kementerian Pelajaran supaya membina lebih banyak lagi politeknik institusi-institusi,

teknikal dan vokesyenal. Inginlah dinyatakan di sini bahawa Kerajaan memang sedar akan keperluan memberi latihan dan kemahiran untuk mewujudkan tenaga kerja yang berkemahiran itu. Untuk menyoergerakan latihan dan pengajaran teknikal dan vokesyenal itu, Kementerian telah merancang dan menubuhkan beberapa institusi pelajaran dan latihan selain dari universiti-universiti.

Pada masa ini terdapat dua buah politeknik, sebuah di Ipoh dan sebuah lagi di Kuantan, yang melatih juruteknik-juruteknik dalam beberapa bidang kejuruteraan dan perdagangan. Politeknik-politeknik tersebut mengambil masuk lebih daripada 1,000 orang pelajar tiap-tiap tahun. Pada masa ini Politeknik di Kuantan sedang menumpang di Kompleks Sekolah Menengah Teknik/Vokesyenal di sana, dan bangunan barunya masih dalam pembinaan. Apabila bangunan itu siap kelak, pengambilan tahunan akan bertambah di antara 400 hingga 500 pelajar bagi setiap tahun. Selain dari politeknik-politeknik tersebut, pelajaran dan latihan perdagangan, kejuruteraan, sains pertanian, pertukangan dan sains ekonomi rumahtangga, adalah diajar di sekolah-sekolah menengah teknik dan vokesyenal. Pada masa ini terdapat 9 buah sekolah menengah teknik dan 24 buah sekolah menengah vokesyenal di Semenanjung, 3 buah sekolah vokesyenal di Sarawak dan 3 buah sekolah vokesyenal di Sabah. Kedua-dua jenis sekolah ini memberi pelajaran dan latihan kepada penuntut dalam lingkungan umur dari 14 dan 16 tahun ke atas. Di samping itu Kementerian Pelajaran akan terus merancang dan menambah bilangan politeknik, sekolah menengah teknik dan vokesyenal itu dari tahun ke setahun. Dengan ini akan membolehkan lebih ramai lagi pelajar-pelajar yang berkecenderungan untuk memasuki sekolah-sekolah tersebut. Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, 6 buah lagi sekolah menengah vokesyenal dibina. Di samping itu kemudahan-kemudahan yang terdapat di sekolah-sekolah itu sentiasa diperbaiki dan jenis-jenis kursus yang diajar juga ditambah supaya pelbagai kemahiran dapat diberi kepada pelajar-pelajar kita.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan, selain daripada Kementerian Pelajaran, Kementerian-kementerian lain juga ada menyediakan latihan-latihan kemahiran. Kementerian Buruh

dan Tenaga Rakyat mempunyai 2 institut latihan perindustrian untuk melatih "apprentice" dan Kementerian Pertanian pula mempunyai beberapa institut pertanian di seluruh negara.

Pelajar-pelajar dan pelatih yang keluar dari institusi-institusi pelajaran yang saya sebutkan tadi sudah mempunyai kebolehan dan kemahiran asas untuk menjawat berbagai jenis pekerjaan dalam setiap bidang perindustrian, kejuruteraan, pembinaan dan perdagangan. Yang mereka perlu ialah peluang pekerjaan. Walau bagaimanapun, ada sebilangan daripada pelajar-pelajar yang lulus dari institusi-institusi pelajaran separuh profesional dan latihan kemahiran ini enggan memasuki bidang pekerjaan kemahiran tetapi sebaliknya meneruskan pelajaran mereka ke peringkat yang lebih tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan latihan kemahiran dan profesional ini jua Ahli Yang Berhormat daripada Mukah, Sarawak telah membangkitkan mengenai penuntut-penuntut lepasan daripada Institut Teknologi MARA sekarang yang katanya sukar mendapat pekerjaan kerana Diploma-diploma mereka tidak diiktiraf oleh Kerajaan Negeri. Agak sukar bagi saya mengulas perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu kerana beliau tidak menerangkan apakah Diploma-diploma yang tidak diiktiraf dan Kerajaan Negeri mana yang tidak mengiktiraf Diploma-diploma keluaran ITM itu. Kedudukan sebenarnya ialah kebanyakan Kursus-kursus Diploma yang dianjurkan oleh ITM telah diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam sama ada setaraf dengan Ijazah Am, atau di antara HSC/Ijazah Am, ataupun, setaraf dengan Diploma dari universiti-universiti tempatan. Sayugia dimaklumkan bahawa besar kemungkinan lepasan-lepasan ITM itu sukar mendapat pekerjaan oleh kerana beberapa faktor lain seperti persaingan dari lepasan-lepasan institusi pelajaran tinggi yang lain, peluang pekerjaan yang terhad, serta kelayakan yang tertentu bagi sesuatu jawatan.

Perkara mengenai kekurangan dan kelewatan di dalam menerima buku-buku teks di sekolah-sekolah terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar telah dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat. Walaupun perkara yang sama telah diberi jawapan sewaktu soal jawab

mulut beberapa hari yang lalu, izinkanlah saya membuat penjelasan lanjut supaya perkara yang sama itu tidak perlu dibangkitkan lagi pada masa akan datang. Kementerian Pelajaran sememangnya amat memandang berat tentang masalah kelewatan pembekalan buku-buku teks terutama sekali bagi sekolah-sekolah di luar bandar. Kementerian ini telah mengkaji dengan mendalam perkara ini dan langkah-langkah tertentu sedang diambil supaya buku-buku teks untuk kegunaan tahun hadapan dan juga tahun-tahun seterusnya dibekalkan lebih awal lagi.

Sebenarnya untuk tahun ini pun Kementerian Pelajaran telah sedaya upaya memperbaiki keadaan yang tidak memuaskan itu. Umpamanya oleh sebab percetakan buku-buku teks telah terlewat dibuat, bagi Sabah dan Sarawak, Kementerian Pelajaran telah mendapat kerjasama Kementerian Pertahanan menghantar buku-buku teks dengan pengangkutan kapal terbang TUDM. Dengan cara ini telah dapat dipercepatkan pembekalan buku-buku itu dari tahun-tahun yang sudah. Bagi tahun 1979 pula, Kementerian ini telah merancang supaya pesanan buku kepada pencetak-pencetak dibuat awal lagi. Adalah dijangka dengan cara ini buku-buku dapat dibekalkan ke semua sekolah, termasuk sekolah-sekolah di luar bandar, sebelum sekolah ditutup pada tahun ini. Insya Allah ini perlu oleh sebab tentulah ada masalah-masalah yang akan timbul sungguhpun keadaannya akan pasti lebih baik lagi daripada masa-masa yang sudah.

Berhubung dengan sekolah-sekolah pula beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan mengenai keadaan buruk dan tidak memuaskan di Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China. Saya sedar banyak sekolah-sekolah di negara ini yang masih berada di dalam keadaan kurang memuaskan, bukan sahaja Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China, malah semua jenis sekolah yang ada, terutama sekali di kawasan-kawasan luar bandar, termasuk kawasan Pilihanraya saya sendiri. Sebagaimana yang saya pernah tegaskan, Kementerian Pelajaran sedang memberi penumpuan dan menitikberatkan terhadap pembinaan dan pembaikan sekolah-sekolah rendah serta menyediakan kemudahan-kemudahan yang cukup dan sempurna bagi

semua kanak-kanak yang memerlukan pelajaran rendah. Kerajaan memang bertujuan membaiki atau membina Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China) yang baru untuk menggantikan sekolah-sekolah yang lama. Walau bagaimanapun, tiap-tiap projek akan dipertimbangkan berdasarkan kepada keadaan dan keutamaan projek tersebut. Projek-projek itu harus dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mengikut peruntukan yang ada dan keutamaan seperti yang saya nyatakan tadi. Perlu diingatkan bahawa ada Lembaga-lembaga Sekolah yang enggan menyerahkan tanah dan bangunan hakmilik mereka yang menyebabkan pembinaan sekolah-sekolah jenis kebangsaan seperti ini tidak dapat dijalankan.

Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas telah meminta Kementerian Pelajaran mengkaji amalan menggunakan sesebuah sekolah secara dua sesi pagi dan petang. Amalan ini menurut beliau mungkin menjejaskan mutu pelajaran dan disiplin murid-murid. Saya bersetuju dengannya pada dasarnya dan Kementerian Pelajaran tidak menggalakkan penggunaan sesebuah sekolah itu secara dua sesi. Walau bagaimanapun, di mana keadaan tidak dapat dielakkan kerana kekurangan tempat belajar, amalan sekolah dua sesi ini terpaksa juga diteruskan. Setakat ini, amalan tersebut nampaknya dapat dijalankan dengan terkawal dari segi penyediaan dan pelaksanaan jadual waktu ataupun pengawasan disiplin.

Menyentuh tentang "private tuition" pula seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas mengikut peraturan, seseorang guru adalah dilarang melibatkan diri di dalam kerja "private tuition" tanpa kebenaran khas daripada Kementerian Pelajaran. Kebenaran khas ini biasanya hanya diberi untuk kerja-kerja "private tuition" selama tidak lebih daripada 4 jam seminggu dengan syarat tidak menjejaskan kerja-kerja harian seseorang guru itu. Seseorang guru yang telah diberi kebenaran khas itu adalah sentiasa tertakluk di bawah pengawasan Guru Besar tempat ia bertugas dan Guru Besar adalah diminta memastikan supaya tidak ada murid sekolah guru itu yang mengikuti kelas "private tuition" guru tersebut.

Ramai jua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan beberapa perkara mengenai peperiksaan yang mana saya fikir

perlu diberi penjelasan selanjutnya. Ahli Yang Berhormat dari Seremban telah menyatakan kesangsiaannya terhadap pengumuman pembatalan peperiksaan HSC mulai tahun hadapan dan hanya peperiksaan STP akan diteruskan. Pengumuman sebagaimana yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak tepat. Peperiksaan HSC yang dikelolakan bersama oleh pihak Cambridge dan Universiti Malaya akan terus diadakan sehingga sesuatu keputusan muktamad mengenainya dibuat oleh Kerajaan. Apa yang akan berlaku ialah mengikut jadual pertukaran bahasa pengantar di Sekolah-sekolah Menengah Jenis Kebangsaan, mulai tahun 1979 calon-calon jurusan sastera akan mengambil peperiksaan HSC melalui Bahasa Malaysia, sementara calon-calon jurusan sains pula akan mengambil peperiksaan HSC dalam Bahasa Malaysia mulai tahun 1982. Pertukaran ini sebagaimana yang saya tegaskan awal-awal tadi adalah berasas kepada pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan.

Kenyataan oleh Ahli Yang Berhormat dari Seremban bahawa keputusan peperiksaan MCE/SPM telahpun diumumkan lebih awal lagi di negara-negara lain adalah juga tidak tepat. Keputusan yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu mungkin melibatkan peperiksaan GCE yang mana adalah berlainan daripada peperiksaan MCE/SPM.

Ahli Yang Berhormat dari Limbang-Lawas telah merungut bahawa calon-calon yang berjaya di dalam peperiksaan SPM pada tahun 1976 di Sarawak lambat menerima sijil-sijil mereka, manakala calon-calon yang berjaya di dalam Peperiksaan Sijil Persekolahan Cambridge dan MCE dalam tahun yang sama lebih dahulu menerima sijil-sijil mereka. Perkara ini menurut beliau telah menjejaskan peluang calon-calon berkenaan mendapat pekerjaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, mengikut peraturan yang sedia berjalan sekarang, sijil-sijil Persekolahan Seberang Laut dan MCE dihantar terus ke negeri-negeri daripada Cambridge oleh kerana pentadbiran peperiksaan-peperiksaan itu adalah di bawah tanggungjawab pihak Cambridge sendiri. Walau bagaimanapun, Sijil SPM dihantar oleh Cambridge ke Lembaga Peperiksaan terlebih dulu dan Lembaga ini kemudiannya mengedar kepada negeri masing-masing. Ini dilakukan kerana, pertamanya, pentadbiran peperiksaan SPM adalah tanggungjawab Lembaga Peperiksaan, dan keduanya, sijil-sijil tersebut perlu disemak

terlebih dahulu untuk memastikan ketepatan keputusan yang dicatit oleh Cambridge kerana seluruh keputusan SPM yang dikemaskinikan hanya terdapat di Lembaga Peperiksaan.

Bagi peperiksaan tahun 1976, Sijil-sijil MCE diterima di negeri-negeri pada bulan September, 1977, manakala sijil-sijil SPM hanya diterima oleh Lembaga Peperiksaan dari pihak Cambridge pada bulan Januari, 1978 dan setelah selesai disemak, sijil-sijil itu dihantar ke negeri masing-masing pada awal Februari, 1978. Saya berpendapat kelewatan penerimaan sijil-sijil itu tidak menjejaskan usaha calon-calon untuk mendapat pekerjaan oleh kerana tiap-tiap seorang daripada mereka telah diberi keratan keputusan peperiksaan yang rasmi. Sekiranya diperlukan oleh badan-badan berkenaan, mereka boleh mendapatkan salinan rasmi yang diperakukan daripada Lembaga Peperiksaan.

Ahli Yang Berhormat dari Mantin pula telah menyatakan bahawa sistem pelajaran kita yang ada sekarang terlalu mementingkan peperiksaan. Beliau telah menggesa supaya sistem peperiksaan yang ada dijadikan lebih flexible lagi. Sebenarnya bentuk dan sistem peperiksaan sebagaimana yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah merupakan diantara perkara-perkara yang terdapat di dalam beberapa memorandum yang sedang dikaji oleh Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Perlaksanaan Dasar Pelajaran.

Mengenai pertukaran guru yang berlaku di negeri Kelantan baru-baru ini, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kerai telah menuduh bahawa pertukaran guru-guru berkenaan dibuat dalam masa 24 jam, disebabkan guru tersebut terlibat di dalam kegiatan dakwah, katanya. Inginlah saya menjelaskan di sini bahawa dakwaan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah tidak benar. Sebenarnya apa yang telah berlaku ialah pada 16hb Februari, 1978, Kementerian Pelajaran telah mengeluarkan arahan pertukaran seramai 40 orang guru siswazah di Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Selangor, Perak, Kedah, Pulau Pinang, Pahang, Trengganu dan Kelantan. Pertukaran tersebut adalah pertukaran biasa guru-guru yang telahpun diputuskan terlebih dahulu dan yang difikirkan layak untuk ditempatkan sebagai pensyarah-pensyarah bagi memenuhi keperluan tenaga pengajar di Maktab-maktab Perguruan di seluruh tanah-air.

Seramai 10 orang guru dari Kelantan yang terlibat sama dengan arahan pertukaran itu adalah secara kebetulan sahaja dan bukan sebagaimana dakwaan Ahli Yang Berhormat itu. Tiga daripada sepuluh orang guru yang terlibat itu telah ditempatkan dalam Negeri Kelantan sendiri iaitu di Maktab Perguruan Kota Bharu. Arahan pertukaran yang dikeluarkan pada 16hb Februari, 1978 itu berkuatkuasa mulai 1hb Mac, 1978 iaitu dalam tempoh 2 minggu dan bukannya pertukaran sertamerta dalam masa 24 jam, sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa cukup sekian penjelasan yang dapat saya beri terhadap perkara-perkara yang telah dibangkitkan mengenai pelajaran di negara ini. Saya sedar bahawa ada diantara perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain telah tidak saya sentuh di dalam penjelasan saya tadi. Ini tidak bermakna yang saya tidak mengambil berat terhadap pandangan-pandangan dan teguran-teguran yang telah dibuat itu.

Insyallah, di mana yang difikirkan baik akan digunakan, di mana yang difikirkan tidak perlu dan tidak sesuai akan diketepikan. Walau bagaimanapun, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam bahasan berhubung dengan soal-soal di atas Kementerian Pelajaran.

4.10 ptg.

Menteri Undang-undang (Datuk Sri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menimbulkan perkara dan juga pandangan mengenai Kementerian saya semasa membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang di-Pertuan Agong di Dewan Yang Mulia ini. Saya sukacita mengambil kesempatan ini untuk menjawab beberapa perkara yang dibangkitkan itu.

Saya suka menyentuh pandangan dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari kawasan Tumpat yang meminta supaya Biro Siasatan Negara dijadikan satu badan yang bebas dan pegawai-pegawainya diberi kuasa yang lebih luas bagi membolehkan badan ini menjalankan tugasnya dengan lebih-lebih berkesan lagi.

Saya memahami hasrat Ahli Yang Berhormat dan lain-lain Ahli-ahli Yang Berhormat juga di dalam ini, tetapi elok saya nyatakan bahawa badan ini yang sebenarnya mempunyai kedudukan yang berasingan. Pegawai dan kakitangannya tidak semacam masa lepas dipinjam dari Pejabat Kerajaan yang lain. Pegawai-pegawainya dilantik dan diserap terus ke dalam jawatan-jawatan yang khusus diadakan bagi badan ini. Sebelum mereka dilantik, mereka mestilah terlebih dahulu dipercayai sebagai orang yang penuh mempunyai sikap bertanggungjawab, penuh kejujuran, dan gigih menjalankan kerja yang kita akui bukan banyak sangat orang yang suka membuatnya.

Sebagaimana yang kita ketahui kerja mengintip, menyiasat, membongkar perkara-perkara melibati perbuatan seseorang itu tanpa menghirau sama ada mereka orang-orang kenamaan, kawan atau saudara mara, adalah satu kerja yang sungguh berat, sesungguhnya saya katakan tidak disukai oleh banyak orang melakukannya. Kita patut mengucapkan syukur Alhamdulillah yang kita ada mempunyai pegawai-pegawai di dalam Badan ini yang jujur yang di dalam pada telah mengalami berbagai rupa ancaman, telah menjalankan tugas mereka dengan penuh dedikasi di atas kesedaran mereka bahawa korupsi mesti diperangi supaya jangan merebak mengancam ketuhanan dan nama baik Negara kita sebagai satu Negara yang tidak sangat dialami oleh penyakit ini.

Bagi membolehkan Badan ini dan pegawai-pegawainya menjalankan tugas mereka dengan berkesan, maka mereka telah diberi kebebasan bagi menjalankan penyiasatan terhadap sesiapa pun tanpa gangguan dari mana-mana pihak. Ini adalah kedudukan yang sebenarnya.

Fasal (3) Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan hanya memperuntukkan bahawa Peguam Negara adalah mempunyai kuasa, dan kuasa itu hendaklah dijalankan menurut budibicaranya bagi membawa, menjalankan atau memberhentikan apa-apa perbicaraan mengenai sesuatu kesalahan lain daripada perbicaraan di hadapan Mahkamah Syariah, Mahkamah Bumiputra (Native Court) atau Mahkamah Tentera. Tanggungjawab ini adalah berat dan saya sebagai Peguam Negara tidak dapat lari daripada tanggungjawab saya yang diamanahkan kepada saya oleh Perlembagaan. Di sini sukalah saya menegaskan

dan memberi jaminan bahawa sebagai Peguam Negara dan Pendakwa Raya, saya tidak akan teragak-agak mengarahkan pendakwaan dibuat terhadap sesiapa pun jika penyiasatan yang dijalankan oleh Biro Siasatan Negara menunjukkan ada bukti-bukti yang cukup bahawa seseorang itu telah melakukan sesuatu kesalahan.

Bagi menjawab Ahli Yang Berhormat dari Ipoh, kita menyedari bahawa Biro Siasatan Negara perlu dipertegapkan lagi kedudukannya supaya menjalankan kerjanya dengan lebih berkesan lagi. Usaha sekarang dijalankan bukan sahaja memperbanyakkan lebih-lebih lagi bilangan pegawai-pegawai tetapi juga pegawai-pegawainya diberi latihan-latihan yang sesuai di dalam dan di luar negeri bagi membolehkan mereka menjalankan tugasnya dengan lebih berkesan lagi. Usaha-usaha juga sedang dijalankan bagi mengadakan pindaan kepada undang-undang yang ada sekarang ini supaya bukan sahaja mengemaskan lagi perjalanan Badan ini dan pegawai-pegawainya bahkan juga bagi menjamin bahawa loopholes atau lobang-lobang daripada mana pihak-pihak yang terlibat di dalam perkara rasuah di semua peringkat boleh lepas keluar, dapat kita tutupi.

Suka juga saya menyentuh pandangan dan teguran yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor. Teguran ini yang jelas menyentuh pihak-pihak yang menjalankan tugas membicarakan tuduhan-tuduhan di Mahkamah yang sepatutnya dibuat secara usul dibahaskan di Dewan Yang Mulia ini. Tetapi oleh kerana perkara ini telah dibangkitkan, maka adalah tanggungjawab saya memberi pandangan terhadap hujah-hujah Yang Berhormat itu dengan harapan bahawa tidak timbul gambaran dikalangan Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini dan juga di luar bahawa orang yang mentadbir undang-undang di dalam Negara kita khususnya hakim-hakim di Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Persekutuan adalah tidak menjalankan tugas, tanggungjawab mereka dengan adilnya.

Saya tidak nafi hakikat kenyataan bahawa pihak yang mentadbir undang-undang adalah manusia biasa yang boleh melakukan satu-satu kesilapan. Inilah sebabnya sistem perundangan kita mempunyai susunan cara pengadilan di dalam mana pihak-pihak yang dituduh diberi banyak kesempatan untuk membuat rayuan terhadap satu-satu

hukuman yang telah dijatuhkan kepada mereka. Kalau mereka dihukum di Mahkamah Tengah atau Rendah, mereka boleh merayu ke Mahkamah Tinggi. Kalau mereka dihukum di Mahkamah Tinggi, mereka boleh merayu ke Mahkamah Persekutuan di dalam mana beberapa orang Hakim yang banyak pengalaman dan pengetahuan di dalam bidang undang-undang mendengar rayuan mereka, dan hingga pada 1-1-78 di dalam kes melibati Perlembagaan dan Jenayah, jika rayuannya tidak berjaya di Mahkamah Persekutuan, mereka pula boleh membuat rayuan ke Mahkamah Privy Council di London di mana hakim-hakimnya adalah orang-orang yang paling banyak pengalaman dan sungguh "learned" atau berpelajaran yang paling tinggi di dalam undang-undang yang di Negara tersebut lebih kurang sama dengan undang-undang yang kita gunakan di sini. Jika rayuan mereka tidak berjaya di peringkat Privy Council mereka boleh pula membuat rayuan pengampunan ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kalau kes berkenaan itu kes Wilayah Persekutuan atau ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan-sultan. Jika kes itu adalah kes dibicarakan di Mahkamah Negeri-negeri yang berkenaan.

Ini adalah dengan tujuan sebagaimana yang saya katakan di atas tadi bagi menjamin bahawa bukan sahaja pembicaraan dijalankan tetapi juga hukuman yang dijatuhkan di Mahkamah-mahkamah kita adalah adil dan selaras dengan Perlembagaan Undang-undang yang kita semua junjung tinggi, tetapi juga adalah mempunyai tujuan bahawa pihak-pihak yang menjalankan kerja mengadil satu-satu kes pembicaraan adalah sentiasa mengingati bahawa keputusan dan hukuman yang dibuat olehnya di dalam satu-satu kes yang dibicarakan di dalam Mahkamah-mahkamah yang tertentu boleh ditapis, disoal dan diubah oleh Mahkamah atasan jika pembicaraan dan hukuman yang dibuat oleh mereka bertentangan dengan undang-undang atau yang didapati tidak memberi keadilan kepada pihak yang telah dibicarakan.

Saya berani berkata bahawa Mahkamah-mahkamah keadilan di dalam Negara kita adalah mempunyai imej yang sungguh baik dan tinggi bukan sahaja di kalangan rakyat di Negara kita bahkan juga di Negara luar. Sebagai badan pengadilan yang bebas,

yang mengandungi hakim-hakim yang penuh integrity menimbang satu-satu kes itu dengan adil tanpa dipengaruhi oleh mana-mana pihak di luar Mahkamah keadilan. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat mungkin maklum ada banyak kes melibatkan perlembagaan dan sivil di dalam Mahkamah di dalam mana Kerajaan kalah atau tidak berjaya di dalam tuntutan.

Tentang pandangan Ahli Yang Berhormat dari Setapak dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain berkenaan dengan perkara penagihan dan penyalahgunaan dadah, suka saya menyatakan bahawa Kerajaan memberi perhatian yang sungguh serius di dalam hal ini, memandangkan kepada kenyataan bahawa penyakit ini masih menjadi-jadi lagi di kalangan rakyat kita terutamanya di kalangan pemuda-pemuda dan pemudi kita, dan jika tindakan tegas tidak diambil akan mengujudkan keadaan yang sungguh buruk dan merugikan rakyat dan Negara buat masa ini dan masa ke hadapan kita. Jawatankuasa Kabinet yang bertanggungjawab di dalam perkara ini yang dipengerusi oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri adalah sekarang membuat kajian terhadap badan-badan agensi-agensi yang sekarang menjalankan tugas-tugas memerangi ancaman ini, dengan tujuan supaya kerja-kerja menguatkuasakan undang-undang peraturan-peraturan dasar-dasar menahan penyakit ini supaya jangan merebak dijalankan dengan cara berkesan dan dengan adanya kordinasi di antara berbagai badan yang sekarang ini menjalankan tanggungjawab masing-masing di dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berdari Matang telah menyentuh masalah ugama Islam yang dilaksanakan di beberapa Negeri di Malaysia dan mencadangkan supaya undang-undang itu diselaraskan. Sebagaimana yang kita sedia maklum Kerajaan Pusat tidak sunyi daripada memberi pandangan serius mengenai masalah ini dan Jabatan Peguam Negara supaya terdapat penyelarasan di antara undang-undang Islam yang dilaksanakan di Negeri-negeri di Malaysia ini. Mudah-mudahan langkah ini akan mendapat sambutan baik dari tiap-tiap Negeri dan mereka akan bersetuju dengan cadangan yang akan dikemukakan itu.

Tidaklah dapat dinafikan bahawa adalah menjadi hasrat Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan undang-undang Islam di

Malaysia sejajar dengan prinsip Islam. Saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat sedar bahawa banyak ranjau yang perlu dirempoh, banyak gunung yang perlu didaki dan banyak luruh yang perlu dituruni. Tujuan murni ini sememangnya menempuh masalah-masalah yang rumit. Insyallah dengan izin Tuhan, sedikit demi sedikit tercapai jua maksud yang diidami itu. Walau bagaimanapun, kerjasama dan sokongan teguh perlu di perolehi dari semua pihak.

Mengenai cadangan Kerajaan Negeri Kedah untuk mengenakan hukuman sebat di khalayak ramai bagi tiap-tiap orang Islam yang didapati salah kerana melakukan zina, saya ingin menerangkan bahawa setakat ini undang-undang seumpama itu tidak mungkin diluluskan tanpa meminda Perlembagaan dan Undang-undang Persekutuan. Apa yang saya harapkan ialah sesuatu masalah itu hendaklah difikirkan dan dipertimbangkan dengan secara bersungguh-sungguh dan serius. Hendaklah kita kaji buruk baiknya dan hendaklah jangan kita bergupuh gapah membuat sesuatu keputusan kerana sabda Rasulullah bermaksud: "Tergesa-gesa itu adalah dari Syaitan". Allah subhanahu wata'ala juga dalam Surah Bani Israel ada berfirman maksudnya, "Manusia itu adalah bersifat tergesa-gesa" maka perlulah kita kawal sifat tergesa-gesa itu.

Sesungguhnya, Tuan Yang di-Pertua, sekiranya ada tujuan kita untuk melaksanakan hukum syarak dengan sewajarnya, biarlah kita mengkaji hukum-hukum syarak itu pada keseluruhannya. Pada pendapat saya adalah lebih baik jika semua Kerajaan Negeri di Malaysia ini bersetuju untuk menubuhkan suatu badan nasional khusus untuk menimbang-perkara-perkara yang demikian.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pelaksanaan hukuman syarak, saya dapati ramai di kalangan rakyat yang belum faham secara mendalam tentang undang-undang yang berkenaan. Saya rasa ada baiknya jika saya nyatakan dengan secara terperinci mengenai hal ini.

Mengikut Perlembagaan, hanya Dewan Perundangan Negeri sahaja yang mempunyai bidangkuasa untuk membuat undang-undang mengenai hukum syarak. Parlimen hanya berkuasa dalam bidang ini mengenai "Wilayah Persekutuan". Undang-undang mengenai hukuman syarak hanya boleh dibuat menge-

nai mereka yang menganut ugama Islam. Ini bermakna bahawa sesuatu Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Ugama Islam tidak boleh membuat peruntukan untuk mengawal orang-orang yang bukan Islam. Sekiranya Enakmen itu membuat peruntukan mengenai sesuatu kesalahan, mithalnya kesalahan berkhawat ataupun zina, dan menetapkan hukuman bagi kesalahan itu, maka kesalahan zina ataupun khalwat itu hanya menjadi kesalahan jenayah jika dilakukan oleh orang Islam sahaja oleh kerana mengikut hukum syarak, zina ataupun khalwat adalah suatu kesalahan. Saya ingin menarik perhatian Ahli Dewan yang mulia ini, bahawa pada masa ini, sesuatu Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Ugama Islam tidak boleh membuat peruntukan bagi menghukum seseorang yang bukan Islam kerana melakukan satu-satu kesalahan seperti zina ataupun khalwat.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Perlembagaan Persekutuan Mahkamah Syariah hanya diberi kuasa untuk membicarakan seseorang Islam yang telah melanggar peruntukan Pentadbiran Hal Ehwal Ugama Islam yang berkuatkuasa di negeri itu dan Mahkamah Syariah tidak boleh membicarakan seseorang yang bukan Islam. Mengenai kuasa Mahkamah Syariah untuk menjatuhkan sesuatu hukuman, kuasa mahkamah tersebut adalah dikawal oleh suatu Akta Parlimen bernama Akta Mahkamah Syariah (Bidangkuasa Jenayah) 1955. Ini adalah berdasarkan prinsip bahawa bidangkuasa mahkamah yang ditubuhkan di Malaysia adalah ditetapkan oleh Parlimen dan bukan oleh sesuatu Badan Perundangan Negeri. Akta Mahkamah Syariah (Bidangkuasa Jenayah) 1965 yang saya sebutkan tadi memberi kuasa kepada Mahkamah Syariah untuk menjatuhkan hukuman penjara enam bulan atau mengenakan hukuman denda yang tidak lebih daripada seribu ringgit (\$1,000) atau Mahkamah Syariah boleh menjatuhkan hukuman kedua-duanya. Sekiranya dikaji dengan teliti, pada masa ini Mahkamah Syariah tidak diberi kuasa oleh Akta tersebut untuk menjatuhkan hukuman sebat. Oleh yang demikian, adalah bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan jika suatu Badan Perundangan Negeri membuat peruntukan dalam Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Ugama Islam untuk mengenakan hukuman sebat kepada seseorang Islam yang melakukan sesuatu kesalahan di bawah Enakmen itu.

Izinkan saya pula, Tuan Yang di-Pertua, untuk menyentuh dengan secara umum tentang hukuman sebat. Mengikut amalan yang

wujud pada masa ini, hukum sebat adalah dilaksanakan mengikut peraturan yang tertentu sebagaimana yang ditetapkan dalam Kanun Acara Jenayah (C.P.C.) dan Peraturan-peraturan dan kaedah-kaedah yang dibuat di bawah Ordinan Penjara. Mengikut Peraturan-peraturan tersebut hanya pihak berkuasa penjara sahaja yang diberi kuasa untuk melaksanakan hukum sebat dan tatkala menjalankan hukuman ini pihak berkuasa penjara hendaklah melaksanakannya di dalam penjara sahaja dan tidak terdapat mana-mana peruntukan yang membenarkan seseorang pesalah itu disebat di khalayak ramai.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya memadailah setakat ini dahulu saya terangkan mengenai masalah perlaksanaan hukum syarak terhadap orang-orang Islam di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, saya suka mengucapkan ribuan terima kasih kepada lain-lain pandangan yang dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat. Pandangan-pandangan yang membina daripada Ahli-ahli Yang Berhormat itu akan saya jadikan panduan bagi saya mengendalikan Kementerian ini.

4.28 ptg.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab perkara-perkara yang tertentu yang dibawa oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perbincangan di atas usul ini yang kena mengena dengan Kementerian Buruh.

Semenjak 20 tahun yang lampau, Kerajaan telah mengakui bahawa Keselamatan Sosial atau Social Security adalah merupakan elemen yang paling penting untuk menentukan satu taraf hidup yang sesuai dan kadar productivity pekerja itu, ia juga memainkan peranan yang penting dalam mengumpulkan modal yang boleh digunakan untuk kemajuan ekonomi kita supaya lebih banyak lagi peluang-peluang pekerjaan dan kemudahan-kemudahan dapat diwujudkan. Akan tetapi, matlamat Kerajaan ialah untuk menentukan bahawa Keselamatan Sosial akan terus merupakan satu jentera yang akan menjamin bahawa bencana pekerjaan (employment injury) tidak akan menjejaskan pendapatan seseorang pekerja itu ataupun pendapatan keluarganya. Untuk tujuan ini, lebih daripada \$8,627,230 telah dibayar oleh Pertubuhan Ke-

selamatan Sosial dalam tempoh 4 tahun yang lalu. Dalam tempoh sejak ianya dilancarkan, seramai 25,362 majikan dan lebih daripada 933,000 pekerja telah diberi perlindungan di bawah sekim ini. Perluasan perlindungan SOCSO ini adalah merupakan satu proses yang berterusan. Kementerian saya sedang merancang untuk meliputi segala golongan wage-earners dalam sekim SOCSO ini sebelum akhir tempoh Rancangan Malaysia Ketiga kita iaitu tahun 1980. Kementerian juga sedang mengkaji kemungkinan kadar pembayaran faedah pada masa ini dinaikkan dan satu had minima yang memuaskan diletakkan mengenai pembayaran ini, serta meninggalkan lagi funeral benefit yang diberi pada masa ini di bawah rancangan ini. Segala ini hendaklah diasaskan di atas actuarial study yang lengkap dan nasihat seorang actuary yang didapatkan daripada I.L.O. telahpun dikemukakan kepada kita pada masa ini. Kajian-kajian sedang juga dijalankan bagi memberi perlindungan yang sama kepada petani-petani dan nelayan-nelayan dalam negara kita.

Sebagai sebuah Kerajaan yang mengamalkan demokrasi berparlimen, ia memperoleh kuasa-kuasa dan kekuatannya melalui pergerakan institusi-institusi yang bebas, dan kesatuan sekerja adalah merupakan salah satu daripada institusi tersebut. Kebebasan-kebebasan ini dijamin oleh Kerajaan melalui Perlembagaan dan melalui peruntukan-peruntukan yang tertentu di dalam undang-undang buruh. Kita telah menyediakan forum-foram di mana kebebasan ini dapat diamalkan dengan lebih berguna, akan tetapi kebebasan ini hendaklah berlandaskan kepada keperluan dan kepentingan negara dan matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru yang bertujuan untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat kita. Apa juga jenis sekatan, samada melalui undang-undang ataupun melalui arahan-arahan dasar hendaklah ditinjau dari segi kepentingan negara keseluruhannya. Kita kerap kali mendengar setengah para pemimpin kesatuan sekerja dan di Dewan ini juga mengeluarkan rasa tidak puas hati mereka terhadap sekatan-sekatan ini. Akan tetapi, jika kita melihat kedudukan yang sebenarnya pada masa sekarang terdapat 584,000 pekerja yang menjadi ahli dalam 360 kesatuan sekerja. Ini bererti bahawa lebih daripada 20% dari jumlah pekerja-pekerja di negara ini adalah menjadi ahli kesatuan sekerja. Kadar ini merupakan lebih kurang separuh pekerja-pekerja dalam wage-earning sector dan lebih

daripada 70% dalam sektor moden dalam ekonomi negara kita. Kedudukan ini adalah baik, lebih baik dari kedudukan di negara-negara di mana kesatuan sekerja telah berkembang dengan lebih lama lagi. Ingin saya tegaskan di sini bahawa hak-hak untuk menubuhkan atau memasuki mana-mana kesatuan sekerja adalah dijamin di dalam perlembagaan, tertakluk kepada syarat-syarat seperti yang diperuntukkan di dalam lain-lain undang-undang yang demikian, hak-hak individu dan pekerja-pekerja kita dalam perkara ini tidak perlu dipersoalkan lagi.

Satu sistem perhubungan perusahaan yang baik dan ujudnya keharmonian perusahaan, rasa saya adalah merupakan asas utama supaya pembangunan ekonomi dapat berjalan dengan licin dan dari itu negara kita tidak mampu menghadapi kekecohan di dalam bidang perusahaan. Selain dari itu sebagai satu sistem ekonomi yang bergantung kepada pertumbuhan yang lebih pesat bukan sahaja harus bebas dari apa-apa juga bentuk pertikaian perusahaan tetapi juga memerlukan kerjasama yang rapat daripada pihak pengurusan dan pekerja.

Tanggungjawab untuk mengujudkan keharmonian perusahaan mungkin tidak merupakan satu masalah yang rumit di sebuah negara "Totalitarian" atau negara yang mempunyai satu parti sahaja. Akan tetapi dalam konteks demokrasi berparlimen ini, tanggungjawab ini adalah satu beban yang kompleks—di satu segi kita menjamin kebebasan asas mengikut Perlembagaan kita, akan tetapi dari satu segi yang lain, kita terpaksa menentukan bahawa kebebasan ini tidak akan menjejaskan perkembangan ekonomi kita serta kebajikan sosial masyarakat kita.

Campurtangan Kerajaan di dalam peranannya sebagai penjaga kepentingan awam dan sebagai pendamai, dijalankan melalui beberapa undang-undang yang membuat peraturan, bentuk dan pergerakan organisasi pekerja-pekerja dan majikan serta perhubungan mereka. Satu garis undang-undang sekarang ujud dalam mana Kerajaan akan menentukan kepentingan negara dalam menyelesaikan pertikaian di antara majikan dan pekerja akan tetapi kepentingan awam tidak ditentukan atau ditafsirkan melalui undang-undang sahaja. Sungguhpun undang-undang adalah perlu dan mempunyai peranan yang tertentu di dalam sistem perhubungan perusahaan kita, akan tetapi undang-undang

sahaja tidak dapat menyelesaikan semua pertikaian. Apa yang lebih penting ialah sikap pemikiran kita terhadap masalah perhubungan perusahaan yang lebih merupakan masalah kemanusiaan yang memerlukan penyelesaian secara common sense. Dengan tujuan untuk merapatkan lagi kerjasama di antara majikan dan pekerja maka "Tatacara untuk keharmonian perusahaan" telah diujudkan dengan bantuan Kementerian saya dan didokumentasikan pada tahun 1975. Tatacara ini pada hakikatnya adalah merupakan "Perjanjian Sosial" yang telah diperseujui secara sukarela oleh organisasi pusat kedua-dua pihak majikan dan pekerja. Ia bertujuan untuk menyumbangkan secara spontan dalam mengujudkan keamanan dan keharmonian sosial, serta membantu undang-undang yang telah sedia ada. Ia memberikan garis-garis panduan serta menawarkan dasar-dasar dan amalan pekerjaan yang adil dan berpatutan dalam peringkat pembangunan negara kita sekarang. Tatacara ini juga mengesyorkan peraturan-peraturan yang perlu diikuti dalam menyelesaikan pertikaian-pertikaian yang timbul dalam bidang pekerjaan.

Dalam perkara ini, ingin saya menarik perhatian Dewan ini, Tuan Yang di-Pertua, terhadap sistem perhubungan perusahaan negara kita yang telah berjalan sejak 17 tahun yang lampau. Pemberhentian kerja-kerja melalui pertikaian perusahaan adalah merupakan salah satu daripada tanda-tanda perhubungan perusahaan yang tidak sihat. Dalam tempoh 10 tahun dari 1960-1969, terdapat hitung panjang 65 pemogokan dalam satu tahun yang melibatkan pekerja seramai lebih kurang 57,000 serta mengakibatkan kehilangan sebanyak 214,300 man-days dalam tempoh 7 tahun yang berikutnya dari tahun 1970-1976 terdapat purata 59 pemogokan setahun melibatkan 120,000 pekerja dan mengakibatkan kehilangan "Man-days" sebanyak 51,000. Hitung panjang pemogokan dalam tempoh 1970-1976 adalah kurang daripada tempoh 1960an, walaupun terdapat kenaikan di dalam bilangan penduduk-penduduk yang bekerja dan juga keahlian kesatuan sekerja. Secara purata, 40% dari mogok-mogok ini telah dapat diselesaikan secara rundingan damai oleh pegawai-pegawai dari Jabatan Perhubungan Perusahaan. Dari perbandingan antarabangsa, rekod kita adalah baik, sungguhpun selalu kedengaran tuduhan-tuduhan terhadap tindakan kesatuan sekerja dan majikan-majikan yang tidak bertanggungjawab dan juga tuduhan yang memburukkan

Kerajaan dan pegawai-pegawai yang menguatkuasakan undang-undang buruh. Dalam usaha untuk mengurangkan bilangan pemberhentian kerja-kerja ini, pegawai-pegawai perhubungan perusahaan telah membantu menyelesaikan sebanyak 1,812 pertikaian perusahaan, dalam 4 tahun yang lepas. Kebanyakan dari pertikaian ini mungkin akan melarat menjadi pemogokan jika tidak diselesaikan dari awal-awal. Dalam tempoh yang sama mereka telah menyasat dan menyelesaikan sebanyak 5,543 kes-kes pekerja yang tidak menjadi ahli kesatuan sekerja yang membuat aduan kerana dibuang kerja tanpa alasan yang memuaskan. Sebanyak 629 tuntutan pengiktirafan yang dilaporkan ke Kementerian saya telah dapat diselesaikan dalam tempoh yang sama juga. Mereka juga telah berjaya menyelesaikan 713 perundingan-perundingan yang kemudiannya menghasilkan perjanjian bersama yang memberi nikmat dan kepuasan kepada lebih kurang 400,00 pekerja. Mengenai berbagai-bagai rupa aduan, dalam sebanyak 1,689 kes yang tidak termasuk di dalam kumpulan yang saya sebutkan tadi. Pegawai-pegawai ini telah memberikan khidmat bantuan seberapa yang boleh.

Keamanan yang memuaskan di dalam sektor buruh pada tahun-tahun yang lepas ini tidaklah bermakna bahawa tatacara untuk keharmonian perusahaan ini telah menyelesaikan semua masalah perusahaan kita. Mereka yang terlibat dalam merangka dokumen ini tidak mengharapkan bahawa tatacara ini akan menjadi penawar kepada semua masalah perhubungan perusahaan. Walau bagaimanapun, bolehlah dikatakan bahawa tatacara ini telah memperkenalkan satu pendekatan (approach) yang positif dalam bidang perhubungan perusahaan. Prinsip yang paling penting dalam tatacara ini ialah untuk memajukan keharmonian perusahaan secara perundingan dan kerjasama yang lebih positif dalam ertikata yang sebenarnya. Kita akui bahawa terdapat aduan kerana tidak mematuhi tatacara ini telah disuarakan dari semasa ke semasa dan ada setengah-setengah pihak juga menggesa supaya tatacara ini dijadikan sebagai undang-undang. Mereka yang memajukan tatacara ini berpendapat jika tatacara ini dijadikan sebagai undang-undang ia akan merupakan satu langkah kebelakang kerana ia adalah bertentangan dengan tujuan asalnya. Ianya diperkenalkan dengan tujuan untuk mengelakkan kedua-dua pihak majikan dan pekerja dari ber-

telagah secara berlarutan dengan memakan masa, tenaga dan wang yang banyak. Kita telahpun mempunyai berbagai undang-undang buruh dan dengan menambahkan satu lagi tidak mungkin akan menyelesaikan semua masalah kita. Oleh yang demikian, adalah difikirkan bahawa masalah yang sebenarnya ialah untuk memperluaskan serta menyebarkan tujuan-tujuan tatacara ini supaya ia dapat diketahui dengan secara meluas lagi. Sekarang terdapat kesedaran yang lebih dari pihak-pihak majikan dan pekerja dan pertubuhan mereka masing-masing terhadap tujuan dan hasrat tatacara ini, akan tetapi saya berharap kedua-dua pihak akan berusaha lebih lagi supaya tatacara ini benar-benar menjadi amalan yang baik dan luas.

Dalam tahun-tahun yang lepas, Kementerian saya telah juga memandang berat terhadap beribu-ribu pekerja dan keluarga mereka yang tinggal di kawasan-kawasan ladang dan lombong-lombong yang mana telah tertinggal dari arus pembangunan negara. Dalam tahun 1973 bekas Perdana Menteri kita, Allahyarham Tun Abdul Razak atas nasihat Menteri Buruh pada ketika itu Yang Berhormat Tan Sri Dato' V. Manickavasagam, telah menubuhkan suatu badan petugas, yang mengandungi wakil-wakil Kerajaan dan majikan dari perusahaan ladang-ladang dan lombong-lombong untuk mengkaji serta membuat perakuan mengenai kehidupan dan kemudahan-kemudahan pekerja-pekerja di kedua sektor perusahaan ini. Keputusan tersebut telah membuka satu jalan yang baru bagi memajukan pekerja-pekerja ini yang telah menyumbang begitu besar untuk kemajuan negara kita ini, dan inilah kali pertamanya Kerajaan mengambil bahagian secara langsung di dalam hal ehwal kehidupan pekerja-pekerja ini dan keluarga mereka, selain daripada Undang-undang Buruh.

Pasukan petugas tersebut telah mengemukakan perakuan-perakuan bagi menjadikan Sekim Memiliki Rumah bagi pekerja-pekerja ladang dan lombong sebagai satu saluran untuk menarik pekerja-pekerja ini kepada arus pembangunan negara. Rancangan telah dibuat supaya sekim yang sedemikian hendaklah diusahakan bersama oleh pihak majikan, Kerajaan Negeri (yang mengawal hal ehwal tanah) dan Kerajaan Pusat yang akan memberi pinjaman kewangan (atau Soft Loans) untuk membolehkan pekerja-pekerja membeli rumah-rumah tersebut. Kerajaan Pusat telah menubuhkan satu Tabung Pusingan

sebanyak \$10 juta untuk tujuan ini serta melantik Kementerian Perumahan untuk mentadbirkan tabung ini. Ia telah mendapat kerjasama dari Kerajaan-kerajaan Negeri untuk membahagi-bahagikan tanah-tanah ladang dan lombong serta menghulurkan bantuan kepada sekim tersebut dengan cara mengenakan bayaran-bayaran yang kurang atau "Preferential Charges" ke atas sekim-sekim ini.

Sebagai hasil dari usaha-usaha ini, pada 25-3-78 Yang Amat Berhormat Dato Menteri Besar, Kedah telah meresmikan pembukaan sekim memiliki rumah di Ladang Batu Pekaka di Kuala Ketil, yang mana merupakan projek yang mula-mula sekali disiapkan. Lain projek di berbagai tempat di Semenanjung Malaysia, baik di ladang-ladang ataupun di lombong-lombong sekarang dalam berbagai-bagai peringkat perancangan dan pembinaan. Adalah menjadi harapan dan kepercayaan saya bahawa sekim seperti ini akan menjadi amalan biasa dan masalah keciciran dari segi pembangunan yang dialami oleh pekerja-pekerja ini akan dapat dibereskan.

Adalah juga menjadi harapan Kementerian saya dengan tertubuhnya sekim memiliki rumah ini, pekerja-pekerja dan keluarga mereka, di ladang-ladang dan di lombong-lombong, tidak akan lagi merasa bahawa mereka tinggal hanya untuk sementara sahaja di tempat-tempat kerja mereka, akan tetapi sebaliknya mereka akan merasa lebih selamat dan kekal dalam penyertaan mereka dalam arus pembangunan negara dan dengan ini akan menambahkan lagi minat mereka terhadap pekerjaan mereka.

Sebagaimana yang telah saya sebutkan tadi, Kementerian saya, melalui berbagai-bagai aktiviti dan dengan kerjasama lain-lain Jabatan Kerajaan, adalah berusaha untuk menjaga keperluan asas sosial dan ekonomi penduduk-penduduk negara kita yang menerima gaji. Ini telah berjaya membantu pekerja kita untuk menyesuaikan diri mereka kepada cara hidup di zaman pembangunan ini. Ini telah dapat dibuktikan dari kepercayaan yang ditunjukkan oleh pelabur-pelabur asing kepada pekerja-pekerja kita yang mana kecekapan, kepercayaan dan hasil kerja mereka adalah sama baik dengan pekerja-pekerja di negara-negara yang maju. Pada hakikatnya dengan pembekalan dan kepupayaan pekerja-pekerja kita inilah, kedudukan sekarang merupakan satu dari insentif

yang dapat kita tawarkan kepada pelabur-pelabur asing. Di antara tahun-tahun 1971-1977, sebanyak 862,100 peluang-peluang pekerjaan baru telah dapat diwujudkan di negara ini. Dan ini talahpun menerapkan tambahan kepada "Labour Force" kita dari kalangan lepasan sekolah dan mengurangkan kadar pengangguran kepada hanya 7%.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput telah meminta Kerajaan mengadakan undang-undang bagi memberi perlindungan kepada pekebun-pekebun kecil yang menurutnya sekarang sedang dieksploitasikan. Tuan Yang di-Pertua, satu cara biasa yang selalu diamalkan di sektor pekebun-pekebun kecil ialah "Sistem bagi dua" iaitu penoreh-penoreh getah dibayar gaji mengikut hasil jualan getah yang diusahakannya. Wang yang diperolehi dari jualan getah ini adalah dibahagi dua mengikut nisbah yang telah dipersetujui. Lazimnya si penoreh mendapat lebih kurang 50% dari hasil jualan. Berpandukan kepada kedudukan harga getah sekarang pendapatan mereka tidaklah begitu rendah. Perlindungan dan faedah-faedah undang-undang buruh adalah pada amnya sama seperti di ladang-ladang yang lain—tetapi kemudahan seperti perumahan atau perkhidmatan kesihatan dan lain-lain memang tidak sama taraf dengan ladang-ladang besar, kerana kebolehan majikan untuk menyediakan segala ini adalah sangat terhad jadi mereka tergantunglah kepada kemudahan awam yang kian bertambah di kawasan-kawasan luar bandar pada masa ini.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput juga telah berhujjah mengenai komposisi kaum pekerja khasnya kaum India di dalam sektor swasta, terutama sekali dalam lapangan banking. Beliau telah menyebut perangkaan mengenai kedudukan pekerjaan di beberapa bank yang terdapat di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu dari punca mana beliau mendapat perangkaan itu atau untuk tahun bila angka-angka itu berkenaan.

Kementerian saya telah menjalankan usaha sebanyak yang boleh di dalam berbagai-bagai aktiviti-aktivitinya untuk menggalakkan dan mendesak majikan di sektor swasta supaya kedudukan pekerja-pekerja mereka di semua peringkat mencerminkan komposisi kaum di negara ini.

Daripada perangkaan yang dipunyai oleh Kementerian saya, ada seramai 919 pekerja-pekerja India di dalam semua bank-bank perdagangan di negara ini pada 31hb Disember, 1972, iaitu pada masa Dasar Ekonomi Baru kita mula dilaksanakan. Ini merupakan 8.4% dari jumlah pekerja-pekerja bank pada masa itu. Peratus ini telah meningkat kepada 9.4% pada 31hb Januari, 1978. Dalam tempoh 31hb Disember, 1972 hingga 31hb Januari, 1978, bank-bank perdagangan di seluruh negara telah mengambil seramai 7,229 pekerja baru. Dari jumlah 7,229 pekerja ini 4,225 adalah orang Melayu, 2,206 China, 778 India dan 22 lain-lain kaum. Pekerja India yang diambil dalam tempoh 5 tahun ini merupakan 10.7% dari jumlah pengambilan dan ini mencerminkan usaha-usaha untuk memperimbangan kedudukan kaum. Saya sedar bahawa ada bank-bank di mana peratus pengambilan kaum India sangat kurang tetapi pada keseluruhan sektor ini, kedudukan adalah bertambah baik. Kementerian saya percaya kedudukan akan dapat diperbaiki lagi dalam masa-masa yang akan datang, seperti ditunjukkan di bawah Dasar Ekonomi Baru. Saya juga menyeru kepada bank-bank memberi kerjasama dalam perkara ini.

Ahli Yang Berhormat telah juga mengatakan bahawa kaum India hanya diambil kerja di peringkat bawah di bank-bank. Dalam perkara ini juga usaha Kerajaan di bawah Dasar Ekonomi Baru telahpun mendapat hasil yang baik dalam aspek ini. Pada akhir tahun 1972, seramai 30% sahaja daripada kakitangan bank keturunan India (atau 311 daripada 919 orang) memegang jawatan-jawatan pengurusan, penyeliaan (Supervisory) atau pekerjaan. Tetapi pada akhir bulan Januari 1978, peratus ini telah meningkat naik ke 57% (atau 667 orang yang digajikan dalam sektor bank daripada 1,697) orang bagi pekerja keturunan India.

Bagi kaum Bumiputra peratus bahagian mereka dalam pekerjaan bank telah meningkat kepada 39% pada akhir bulan Januari, 1978, daripada 25.6% pada akhir tahun 1972. Bahagian pekerja Bumiputra dalam jawatan tinggi telah juga naik dari hampir 50% sahaja pada 1972 kepada 81% daripada pekerja-pekerja Bumiputra pada bulan Januari 1978.

Segala kemajuan ini adalah menggalakkan dan akan diawasi seterusnya oleh Kerajaan sehingga tercapainya matlamat penuh Dasar

Ekonomi Baru untuk peluang pekerjaan di semua sektor dan semua peringkat dapat mencerminkan kedudukan penduduk Malaysia pada keseluruhannya.

Dalam lapangan perkilangan pula, perangkaan yang didapati dari Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan (FIDA) menunjukkan bahawa pada 31hb Disember, 1975, terdapat seramai 147,007 pekerja yang digaji oleh 828 buah syarikat-syarikat yang diluluskan termasuk syarikat-syarikat yang diberi taraf perintis di seluruh negara. Dari jumlah ini seramai 17,654 adalah terdiri dari pekerja-pekerja India dan ini merupakan 12% dari jumlah semuanya. Peratus ini telah meningkat kepada 12.9% dalam tempoh satu tahun di mana pada 31hb Disember, 1976 terdapat seramai 183,603 pekerja yang digaji oleh 1,200 syarikat-syarikat termasuk syarikat-syarikat yang diberi taraf perintis dan pekerja-pekerja India berjumlah seramai 23,754.

Saya memang sedar bahawa banyak pekerja-pekerja keturunan India di syarikat-syarikat ini adalah di peringkat operatives (atau buruh kasar) dan kedudukan ini mesti diperbaiki juga. Tetapi tidaklah benar bagi mengatakan bahawa kaum India tidak diambil di peringkat pengurusan atau profesional atau jawatan-jawatan pertengahan. Angka-angka yang kami dapati menunjukkan bahawa tidak kurang daripada 7% jawatan perkeranian dan lebih tinggi daripada itu di dalam perusahaan-perusahaan ini dipegang oleh kakitangan keturunan India pada masa ini.

Pada amnya, kemajuan dalam usaha Kerajaan untuk mengujudkan keadaan yang seimbang akan juga, tergantung kepada pembekalan pekerja-pekerja keturunan India yang mahir dan terpelajar.

Mengenai wang sebanyak 10 juta yang diperuntukkan bagi tabung pusingan di bawah Kementerian Perumahan, untuk membiayai skim perumahan pekerja-pekerja ladang dan lombong yang diluluskan oleh Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat pada masa ini adalah mencukupi. Walau bagaimanapun peruntukan ini akan ditambah apabila diperlukan atau peruntukan daripada MBSB akan juga mungkin digunakan jika perlu.

Ahli Yang Berhormat dari Selayang telah membangkitkan dua perkara yang ada

kaitannya dengan penggunaan tenaga kerja di dalam negara sekarang. Perkara-perkara itu ialah seperti berikut :

- (1) Di dalam proses melaksanakan Dasar Ekonomi Baru masih lagi terdapat sebilangan kecil pegawai-pegawai Kerajaan yang kurang sabar dan oleh hal yang demikian itu mereka melaksanakan program-program dan polisi-polisi berlawanan dengan hasrat asal Dasar Ekonomi Baru. Penyaluran-penyaluran tenaga kerja tidak, kata beliau, diasaskan kepada kesesuaian dan kelayakan tetapi dibuat sewenang-wenang sahaja. Ini menjejaskan kemajuan ekonomi.
- (2) Adalah menjadi keganjilan bahawa di satu pihak Kerajaan mengatakan bahawa negara kita kekurangan tenaga manusia mahir di taraf profesional dan separuh profesional tetapi di satu pihak yang lain kita dapati ada juga tenaga manusia di taraf profesional dan separuh profesional yang tidak mendapat pekerjaan.

Kenyataan yang telah dibuat oleh Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan adanya sebilangan kecil pegawai-pegawai Kerajaan yang tidak melaksanakan program-program mengikut hasrat dan Dasar Ekonomi Baru dan juga berkenaan dengan penyaluran tenaga kerja yang tidak diasaskan kepada kesesuaian dan kelayakan adalah satu kenyataan yang terlalu umum untuk menerima jawapan atau ulasan yang khusus. Jawapan atau ulasan kepada kenyataan yang umum seperti ini perlulah juga dibuat secara umum juga. Kerajaan berazam untuk melaksanakan Dasar Ekonomi Baru mengikut hasrat-hasrat sebenar dasar itu digubalkan. Di dalam proses perlaksanaan ini mungkin terdapat sedikit penyelewengan yang tidak dapat dikesan dengan serta-merta tetapi walaupun begitu Kerajaan akan berusaha untuk menentukan bahawa Dasar Ekonomi Baru akan dilaksanakan mengikut lunas-lunas yang sebenarnya. Kerajaan akan berterima kasih jika sekiranya Ahli Yang Berhormat itu dapat mengemukakan bukti-bukti yang detail berkenaan dengan penyelewengan yang khusus supaya tindakan-tindakan yang sesuai dapat diambil.

Berkenaan dengan penyaluran tenaga kerja, Kerajaan juga berazam bahawa penyaluran itu dibuat mengikut kesesuaian

dan kelayakan tenaga kerja-kerja tenaga kerja itu. Bukanlah menjadi Dasar Kerajaan untuk membenarkan Penempatan calon-calon di dalam peluang-peluang pekerjaan dengan mengorbankan kesesuaian dan kecekapan. Usaha kita ialah untuk memberi peluang-peluang pekerjaan kepada mereka-mereka yang sesuai, cekap dan berkelayakan di dalam konteks tujuan Dasar Ekonomi Baru.

Mengenai adanya tenaga mahir di taraf profesional dan separuh-profesional yang sekarang ini tidak mempunyai apa-apa pekerjaan adalah diakui benar tetapi jika kita halusi keadaan ini maka jelaslah mereka-mereka yang tidak mempunyai pekerjaan itu akhirnya akan mendapat pekerjaan juga. Tempoh mereka tidak mempunyai pekerjaan itu ialah satu jangka masa di mana mereka-mereka yang berkenaan memilih peluang-peluang pekerjaan yang ada ataupun mencari pekerjaan-pekerjaan yang ada. Sistem pasar buruh kita tidak boleh dikatakan satu sistem yang perfect dan oleh hal yang demikian itu segala peluang-peluang pekerjaan yang ada dalam negara mungkin tidak mungkin dapat diketahui dengan serta-merta oleh pencari-pencari pekerjaan dan ini menyebabkan adanya "Time lag" yang tertentu bagi mereka-mereka yang hendak mendapatkan pekerjaan-pekerjaan yang sesuai. Satu sebab lagi mengapa adanya sebilangan kecil para profesional yang tidak mempunyai pekerjaan ialah ujud ketidak-seimbangan antara harapan pencari-pencari kerja itu (expectations) dan peluang-peluang pekerjaan yang ada dalam pasaran buruh. Setelah menjalani pelajaran berbelas-tahun lamanya seseorang profesional itu mempunyai harapan yang tinggi apabila mereka memasuki pasaran buruh sedangkan pada ketika ini peluang-peluang pekerjaan yang terdapat di dalam pasaran buruh kita tidak selalunya sampai kepada harapan mereka itu. Oleh kerana mereka itu enggan untuk mengambil peluang-peluang pekerjaan yang dianggap lebih rendah dari taraf kelulusan yang mereka ada maka mereka ini akan menjadi penganggur untuk beberapa waktu sehinggalah mereka sedar bahawa mereka sepatutnya mengambil peluang-peluang pekerjaan itu.

Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh telah menyatakan bahawa Kementerian saya dua tahun dahulu telah mengambil tindakan membentangkan satu Rang Undang-undang Pindaan, iaitu Rang Undang-undang Pindaan/Pampasan Pekerja yang bertujuan pengendalian faedah kepada

pekerja-pekerja yang ditimpa kemalangan semasa menjalankan tugas. Beliau ingin tahu mengapakah pihak Kementerian bersusah payah mengemukakan pindaan itu sedangkan pekerja-pekerja tidak dapat menikmatinya kerana mereka terpaksa membuat tuntutan dengan PERKESO (SOCO) di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969. Mengikut beliau, dengan terlaksanakan Akta tersebut hak-hak yang diberi oleh Undang-undang Pampasan Pekerja dan juga Common Law dengan sendirinya dihapuskan. Ahli Yang Berhormat itu juga melahirkan rasa tidak puashati kerana di bawah Undang-undang yang dahulu (sebelum PERKESO ditubuhkan), pekerja-pekerja mendapat faedah tanpa dikehendaki mengeluarkan satu senpun tetapi sekarang terpaksa pula memberi sumbangan kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial sedangkan faedah yang diperolehinya adalah jauh lebih kurang dari faedah yang didapati dahulu di bawah undang-undang yang lama. Beliau menyoal, apakah tujuan kita membuat satu perubahan di mana perubahan itu tidak memberi kebaikan.

Sebenarnya, Sekim Insuran Bencana Kerajaan yang ditadbirkan oleh PERKESO itu adalah lebih baik dan lebih lengkap dari Sekim Pampasan Pekerja yang menyerahkan tanggungjawab memberi pampasan bulat-bulat kepada Majikan Pekerja-pekerja itu sendiri. Apabila Sekim Insuran Bencana Pekerjaan di bawah PERKESO dirancang dahulu, seorang Actuary Kerajaan telah ditugaskan untuk mengesyorkan supaya faedah-faedah, baik dari segi bayaran tunai mahupun lain-lain kemudahan dibuat sebegitu rupa supaya sekurang-kurangnya sekali ganda lebih baik daripada faedah-faedah yang diberi oleh Undang-undang Pampasan Pekerja 1952.

Oleh kerana Sekim PERKESO ini dihadkan, buat permulaannya kepada perusahaan-perusahaan yang mempunyai sekurang-kurangnya 5 orang pekerja dan oleh sebab sekim itu tidaklah dapat dikuatkuasakan di seluruh negara dengan sekali gus oleh sebab sebab pentadbiran, maka satu masa peralihan adalah perlu. Dalam masa peralihan itu kedua-dua sekim, iaitu sekim di bawah PERKESO dan sekim di bawah Undang-undang Pampasan Pekerja terpaksa berjalanan seiringan. Memandangkan bahawa sehingga akhir tahun 1975 hanya 645,933

pekerja sahaja tertakluk kepada Sekim PERKESO sedangkan majoritinya masih di bawah liputan Sekim Pampasan Pekerja, Kementerian saya berpendapat perlulah kadar faedah di bawah Undang-undang Pampasan Pekerja yang tidak pernah dipinda sejak tahun 1952 itu digandakan supaya sekurang-kurangnya sama dengan kadar yang diberi di bawah Undang-undang PERKESO. Itulah sebabnya dalam sidang bulan Julai, 1976 dahulu saya telah membawa dalam Dewan yang mulia ini pindaan kepada Undang-undang Pampasan Pekerja.

Adalah benar bahawa di bawah Undang-undang PERKESO hak Common Law telah dihapuskan. Ini adalah difikirkan wajar kerana majikan sekarang dikehendaki mencarum kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial sedangkan dahulu mereka tidak diwajibkan mengambil apa-apa insuran atau memberi apa-apa sumbangan. Sebagai seorang peguam, Ahli Yang Berhormat itu juga sudah tentu faham bahawa sebelum seseorang pekerja itu dapat mengambil tindakan undang-undang terhadap majikannya di bawah Common Law, perlulah dipastikan dahulu bahawa kemalangan itu adalah disebabkan oleh kecuaiian atau kelalaian majikan itu sendiri. Untuk membuktikan ini bukanlah satu perkara yang mudah, tambah pula pihak Majikan mempunyai lebih kemampuan dari pihak pekerja untuk mendapat perkhidmatan peguam-peguam yang handal bagi mempertahankan kepentingannya. Jadi jelaslah penyelesaian di bawah Common Law itu sebenarnya merupakan seperti kata pepatah Melayu "indah khabar dari rupa". Sungguhpun di Malaysia tidak ada satu kajian pun yang telah dibuat untuk mendapat maklumat pasti tentang kejayaan kes-kes yang dibawa ke Mahkamah di bawah Common Law yang bersangkutan dengan kemalangan, sekarang ini sudahpun terdapat dua laporan tentang kajian-kajian yang dibuat di New Zealand dan Australia iaitu Report of the Royal Commission of Inquiry on Compensation.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Panjangkah lagi Yang Berhormat?

Tuan K. Pathmanaban: Sedikit lagi.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya suka menarik perhatian Yang Berhormat, kecuali kalau kita tambah waktu, ada 8 lagi

Kementerian hendak menjawab, dan kita ada masa 80 minit sahaja, jadi saya minta kerjasama Yang Berhormat. Sila!

Tuan K. Pathmanaban: Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Ada dua buah laporan yang dibuat tentang keadaan ini dan kedua-dua laporan itu telah mengumpul data-data dan perangkaan-perangkaan yang dengan jelas membuktikan bahawa penyelesaian di bawah Common Law. Sebenarnya tidak mendatangkan faedah kepada pekerja-pekerja yang mendapat kemalangan sebagaimana yang disangka oleh orang ramai. Kedua-dua laporan itu juga telah membuat rumusan bahawa remedy atau penyelesaian di bawah Common Law untuk kemalangan adalah tidak sesuai lagi di zaman sains dan teknologi ini. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, selain dari New Zealand yang telahpun menghapuskan hak-hak pekerja di bawah Common Law dengan terlaksananya Road Accident Compensation Scheme dalam tahun 1974, negara-negara lain seperti Amerika Syarikat dan Canada juga telah menghapuskan hak-hak Common Law bagi pekerja-pekerja mereka yang ditimpa kemalangan semasa bertugas.

Saya tidak berhajat menyentuh perkara ini dengan lebih panjang lebar lagi. Hanya satu perkara lagi yang ingin saya sebut di sini iaitu adalah tidak benar bahawa pekerja-pekerja yang diliputi oleh PERKESO dikehendak memberi sumbangan kepada sekim insuran pekerjaan oleh kerana ianya adalah ditanggung sepenuhnya oleh pihak Majikan. Apa yang disumbangkan oleh pekerja-pekerja ialah untuk sekim pencen ilat, (Permanent Invalidity). Di bawah sekim ini seseorang pekerja yang menjadi ilat oleh apa-apa sebab sekalipun setelah mencarum sekurang-kurangnya selama 36 bulan akan mendapat faedah pencen sebanyak 40% dari gaji bulanan purata seumur hidup. Pencen 40% ini adalah yang paling minima; pekerja itu boleh mendapat pencen sehingga 65% dari gaji bulanan.

Perlu juga diingatkan bahawa sekim bencana pekerjaan dan sekim pencen ilat ini hanya merupakan sebahagian sahaja dari faedah-faedah di bawah sistem keselamatan sosial.

Saya telah juga membuat keterangan yang lebih lanjut tentang rancangan-rancangan untuk meluaskan sekim-sekim ini apabila

menjawab satu lagi soal tiga hari dahulu di Dewan yang mulia ini juga.

Ahli Yang Berhormat dari kota Melaka telah membangkitkan soal pindaan-pindaan yang dibuat ke atas ordinan kerja oleh dewan ini pada bulan Julai, 1976 terutama sekali mengenai pemansuhan seksyen 60G iaitu berkenaan dengan hak-hak kaum pekerja mendapat faedah retrenchment dan faedah persaraan.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat tersebut sedia maklum, pindaan tersebut telahpun dibincangkan terlebih dahulu di dalam majlis bersama penasihat buruh kebangsaan (NJLAC) yang dianggotai oleh wakil dari persatuan majikan Malaysia dan kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC). Pihak M.T.U.C. sendiri telah bersetuju dengan pindaan-pindaan ke atas peruntukan-peruntukan tersebut serta telah mengemukakan beberapa cadangan tertentu. Kementerian saya sekarang telah merangka beberapa cadangan-cadangan yang akan dibentangkan di dalam Mesyuarat N.J.L.A.C. tidak berapa lama lagi. Amalan ini adalah sejajar dengan dasar Kementerian saya untuk membincangkan semua aspek perundangan buruh di Majlis tersebut untuk menentukan bahawa kedua pihak Majikan dan pekerja mendapat keadilan dan juga untuk menjaga kepentingan awam.

Ahli Yang Berhormat itu telah memutarbelitkan kedudukan yang sebenarnya di dalam ucapan beliau di Dewan ini. Perlu ditegaskan bahawa dengan pemansuhan seksyen 60G dan 60H itu, pihak pekerja adalah layak untuk menuntut faedah-faedah pembuangan kerja dan faedah persaraan tanpa apa-apa sekatan undang-undang atau tempoh kelayakan perkhidmatan dan pekerja-pekerja yang menikmati faedah-faedah ini akan terus menikmatinya. Mahkamah Perusahaan masih mempunyai kuasa tanpa apa-apa sekatan undang-undang untuk membuat keputusan untuk faedah yang sedemikian apabila perkara-perkara ini dikemukakan kepada Mahkamah.

Mengenai masalah buruh-buruh kontrek Kementerian saya bercadang untuk campurtangan di bawah ordinan pekerjaan hanya di dalam lapangan di mana undang-undang itu telah disalahgunakan dan jika didapati bahawa untuk kepentingan pekerja itu sendiri

supaya mereka dibawa ke dalam bidang-kuasa Undang-undang Buruh.

Laporan sebuah jawatankuasa yang dilantik dahulu telahpun dikaji dan rang peratur-an-peratur-an bagi mengawal keadaan pekerja kontrek disiapkan. Walau bagaimanapun, cadangan-cadangan ini akan juga dibincangkan dalam Mesyuarat N.J.L.A.C. dan persediaan telahpun dibuat untuk perbincangan ini.

Mengenai jawatan Yang di-Pertua dan Pengerusi-pengerusi Mahkamah Perusahaan, sukacita saya mengatakan di sini bahawa baru sahaja sebuah kekosongan untuk jawatan Pengerusi Mahkamah tersebut telah diisikan dan sebuah kekosongan lagi sedang diusahakan untuk mendapat seorang yang sesuai.

Ahli Yang Berhormat juga telah menyebutkan tentang sebuah Syarikat Electron Bumi Engineering Sdn. Berhad. Beliau telah mengatakan bahawa pekerja-pekerja telah cuba ditakutkan dengan penggunaan nama seorang Menteri Kerajaan dan pekerja-pekerja itu telah juga tidak diberi continuity of employment di atas syarat-syarat yang sama seperti yang dinikmati oleh mereka pada masa urusan syarikat itu dijalankan oleh Guthrie Engineering Sdn. Berhad dahulu. Pertikaian ini sebenarnya tidak kena mengena tentang continuity of employment mereka, walhal pekerja-pekerja ini telah diberi peluang untuk diserap dalam perkhidmatan syarikat yang baru di atas syarat-syarat yang sama dinikmati oleh mereka dalam syarikat yang lama.

Pertikaian ini daripada siasatan saya adalah kena mengena dengan pengiktirafan kesatuan sekerja yang lama yang dahulu diwakilkan pekerja-pekerja apabila pekerja-pekerja itu digajikan oleh Guthrie Engineering Sdn. Berhad dan saya fikir adalah undang-undang dan peraturan-peraturan yang penuh untuk menyelesaikan perkara ini jika perkara ini jadi masalah yang besar. Tetapi saya ingin memberitahu kepada Dewan ini bahawa sepanjang yang kita ketahui tidak ada timbul perkara penggunaan nama seorang Menteri untuk menakutkan sesiapa pun.

Yang Berhormat Datin Paduka Hajjah Aishah Ghani yang mewakili Koperasi Dermajaya Wanita Berhad sebagai Presiden-nya dalam Lembaga Pengarah Syarikat ini

kerana koperasi ini menjadi joint venture partner dalam syarikat ini adalah presiden koperasi itu dan tidak mewakili dalam lembaga ini sebagai seorang Menteri dan yang sebenarnya Yang Berhormat Datin Paduka Hajjah Aishah itu tidak pernah campurtangan di dalam masalah ini dan tidak membenarkan penggunaan jawatannya sebagai Menteri Kerajaan digunakan dalam perkara ini.

Saya juga diberitahu bahawa tidak berlaku kejadian seperti yang diujah oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka itu.

Saya meminta maaf kerana terlambat sedikit. Walau bagaimanapun, saya mengucapkan ribuan terima kasih.

5.17 ptg.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Dato' Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di atas pandangan-pandangan dan teguran-teguran kepada Badan-badan Berkanun yang di bawah tanggungjawab Kementerian saya.

Yang Berhormat dari Baling telah menyen-tuh perkara penaja-penaja kecil Bumiputra lambat dapat kelulusan pinjaman daripada MARA. Mengikut Yang Berhormat itu, peminjam-peminjam terpaksa berulang-alik ditemuduga menghadapi banyak rintangan sebelum diluluskan sesuatu pinjaman itu.

Bagi menjawabnya, sukacita saya menjelaskan, boleh jadi si peminjam itu tidak melengkapi segala syarat-syarat yang di perlukan oleh pihak MARA dan juga masalah-masalah cagaran yang diperlukan. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum MARA terpaksa menjalankan kajian yang lebih teliti bagi mengelakkan salahguna wang pinjaman yang diberikan kepada seorang peminjam itu yang mana ini akan menyusah-kan pihak peminjam itu sendiri bagi membayarnya balik dan juga akan menyusah-kan pihak MARA untuk mengutip balik wang pinjaman tersebut. Walau bagaimanapun, bagi mempercepatkan pinjaman-pinjaman kepada peniaga Bumiputra MARA telahpun memberi kuasa kepada Pegawai-pegawai MARA Negeri untuk mengeluarkan pinjaman sehingga \$10 ribu. Di samping itu saya suka menyatakan kemajuan yang telah dicapai oleh peminjam-peminjam adalah

sangat-sangat menggalakkan. Misalnya dalam tahun 1976 MARA telah mengeluarkan pinjaman kepada 3,259 orang yang mana jumlah wang bernilai \$10,940,856 dan juga pada tahun 1977 MARA telah mengeluarkan pinjaman kepada 3,321 orang peminjam yang bernilai \$17,097,719. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pegawai-pegawai MARA telahpun diberi latihan untuk memberi bimbingan kepada peniaga-peniaga kecil, di samping itu juga MARA mempunyai aktiviti-aktiviti khidmat nasihat dan bimbingan untuk mewujudkan usahawan-usahawan baru serta memupuk dan memajukan usahawan-usahawan yang ada.

Yang Berhormat dari Mukah pula menyentuh perkara syarat dan peraturan memasuki Maktab Rendah Sains MARA bagi penuntut-penuntut dari Sarawak. Untuk makluman Yang Berhormat, oleh kerana Kerajaan sedar keadaan kemudahan-kemudahan pelajaran di Sarawak jauh berbeza dengan Semenanjung Malaysia, kelonggaran syarat masuk Maktab Rendah Sains MARA bagi penuntut-penuntut dari Sarawak telahpun dilonggarkan. Misalnya bagi tahun 1976 dan 1977 penuntut-penuntut daripada Sarawak yang mempunyai kelayakan minima iaitu 1A 3B telah dibolehkan membuat permohonan untuk masuk Maktab Rendah Sains MARA dan juga menyertai peperiksaan bertulis dan juga temuduga.

Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, Maktab Rendah Sains MARA bagi menempatkan penuntut-penuntut sangatlah terhad. Pada masa ini MARA hanya mempunyai 5 buah Maktab Rendah Sains yang mampu menampung 750 orang pelajar pada tiap-tiap tahun dan pada masa ini ada sebanyak 2,123 pelajar yang sedang belajar, sedangkan permohonan pada tiap-tiap tahun tidak kurang daripada 14,000 pemohon.

Walau bagaimanapun di dalam Rancangan Malaysia Ketiga, MARA akan membina sebanyak 5 buah Maktab Rendah Sainsnya iaitu yang akan dibina di negeri Johor, Melaka, Selangor, Perak dan juga Pulau Pinang.

Ahli Yang Berhormat dari Ayer Hitam telah mengesyorkan bahawa FIMA membuka lagi ladang buah-buahan supaya dapat membekalkan buah-buah tempatan. Saya suka menarik perhatian Ahli Yang Ber-

hormat dari Ayer Hitam itu iaitu FIMA adalah di bawah Kementerian Perusahaan Awam. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sekarang FIMA cuma mempunyai ladang di Sungai Mupur, Kota Tinggi seluas 1,000 ekar dan satu lagi di Sik Kedah seluas 3,000 ekar. Ladang di Kota Tinggi itu dikendalikan oleh sebuah anak syarikat FIMA yang bernama Ladang FIMA Sdn. Bhd. Ladang di Sik, Kedah itu ialah satu syarikat usahasama dengan P.K.E.N. Kedah. Di samping itu juga FIMA juga telah membuka ladang seluas 9,000 ekar bagi tanaman gajus di negeri Trengganu. Walau bagaimanapun pandangan Ahli Yang Berhormat itu adalah diambil perhatian.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor telah membangkitkan perkara mengenai Ampang-UDA Emporium Sdn. Bhd. adalah satu syarikat di mana UDA mempunyai ekuiti sebanyak 35%. Sungguhpun syarikat ini ditubuhkan pada 30-1-1973, tetapi perniagaan cuma dimulakan dalam bulan Julai, 1973. Pelaburan ini adalah bertujuan di antara lain mengadakan kemudahan bagi mendapatkan kemahiran di dalam bidang pengurusan "Departmental Store"—satu aktiviti baru yang mana penyertaan Bumiputra amat kurang sekali.

Bagaimanapun seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, bahawa sesuatu perniagaan terpaksa menghadapi resiko sepertimana yang terjadi kepada syarikat ini di dalam masa keadaan ekonomi dunia sedang merosot yang telahpun mula menyerap ke Malaysia pada awal tahun 1974.

Pada masa itu, syarikat tersebut mengalami kepincangan aliran kewangan yang berpunca dari keperluan membayar hutang-hutang yang telah matang dan terpaksa mengadakan wang tunai untuk membayar cukai barang-barang yang diimpot, sementara itu jualan mulai merosot akibat dari inflasi.

Walau bagaimanapun, sukacita saya menyatakan, dari pengalaman yang dihadapi itu telah membolehkan UDA mempelajari selok belok pengurusan perniagaan 'Departmental Store' di mana dengan pemulihan keadaan ekonomi Negara pada keseluruhannya telah menggalakkan UDA memulakan perniagaan baru seperti yang telah dibuat di Pertama Kompleks di Metro Jaya Departmental Store iaitu usahasama UDA dengan Syarikat Derma Jaya Wanita yang mana

dapat berjalan dengan jayanya pada masa ini dan telah mendapat membuat keuntungan yang lumayan.

Ingin saya menegaskan juga iaitu, sekiranya ada berlaku sebarang penyelewengan seperti yang dipersoalkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, maka mereka yang terlibat akan menghadapi tindakan undang-undang.

Di atas teguran Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas berhubung dengan masalah subsidi kepada penanam-penanam padi, suka-lah saya menjelaskan di sini bahawa sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, beliau sebagai Pengerusi Lembaga Padi dan Beras Negara, Kerajaan sentiasa menimbang-kan soalan harga padi. Pendek kata, kajian sedang dijalankan untuk mencari jalan yang sebaik-baiknya untuk menambahkan pen-dapatan petani-petani dan meninggikan taraf hidup mereka.

Selain daripada itu segala kemudahan infrastruktur yang telah diberi oleh Kement-erian Pertanian adalah terus dipergiatkan lagi bagi menambahkan pengeluaran mereka.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjung Karang telah mengesyorkan beberapa cara yang mungkin bagi memberi pertolongan kepada petani-petani dari segi mengurangkan kos pengeluaran padi dan dengan cara ini dapat menambahkan pendapatan petani-petani. Syor seperti ini akan ditimbang dengan sewajar-nya, oleh kerana setengah-setengah daripada syor ini melibatkan Kementerian-kementerian lain dan juga Kerajaan-kerajaan Negeri, oleh itu jikalau pihak-pihak tersebut bersetuju dengan syor-syor tersebut, insya Allah syor tersebut akan dilaksanakan dengan secepat mungkin. Di atas soalan LPN memotong bayaran pengangkutan, angkut mengangkut dan bayaran komisyen kepada orang-orang yang membeli padi (agen-agen yang dilantik oleh LPN) adalah didapati tidak begitu memberi pertolongan yang besar kepada pendapatan petani-petani, ini adalah disebabkan LPN cuma membeli kira-kira 10-15% keluaran padi Negara. Baki pengeluaran padi adalah dibeli oleh pembeli-pembeli swasta yang juga mengenakan bayaran-bayaran tersebut. Oleh itu, tiadalah mendatangkan apa-apa kesan besar jikalau LPN memberhenti-kan amalan tersebut, oleh kerana LPN tidak ada kuasa untuk mengarahkan pembeli-pembeli swasta berbuat demikian.

Ahli Yang Berhormat dari Bandau telah menyentuh berkenaan dengan kerumitan peniaga-peniaga runcit Bumiputra di Sabah mendapatkan pinjaman wang daripada MARA. Sukacita saya menerangkan sekali lagi iaitu mungkin ada sebab-sebab per-mohonan pinjaman itu lewat dipertimbangkan dan diluluskan. Ini ialah kerana ada kalanya pemohon-pemohon tidak memberi maklumat lengkap di atas perjalanan perniagaan mereka itu, oleh kerana pemohon-pemohon sendiri tidak dapat memberi maklumat-maklumat yang betul serta lengkap seperti yang telah saya terangkan bagi menjawab teguran dari Ahli Yang Berhormat daripada Baling. Per-mohonan pinjaman mesti ditapis dan diteliti dengan halus supaya pinjaman yang diberi hanyalah kepada orang-orang yang benar-benar perlukan bantuan perniagaan itu dan dengan ini dapat mengelakkan salahguna wang pinjaman yang akan diberikan itu.

Di atas perkara MARA telah menolak permohonan pinjaman yang lebih dari 2 kali walaupun pinjaman-pinjaman yang terdahulu telah selesai dijelaskan, maka sukacita saya nyatakan di sini bahawa memang telah men-jadi dasar MARA tidak menggalakkan per-mohonan bagi perniagaan kedai-kedai runcit diberi pinjaman oleh MARA berulang-kali atau lebih daripada 2 kali. Ini ialah kerana MARA menggalakkan mereka yang difikir-kan boleh berdiri di atas kakinya sendiri supaya menggunakan kemudahan daripada Bank-bank Perdagangan dan MARA akan menumpukan kepada mereka yang baru memulakan perniagaan untuk mendapatkan pertolongan daripada pihak MARA.

Pihak MARA ada menyediakan peraturan-peraturan dan dasar yang tertentu serta kuasa-kuasa kepada pegawai-pegawai MARA Negeri untuk meluluskan pinjaman untuk peniaga-peniaga runcit seperti yang disebut-kan oleh Yang Berhormat itu. Walau bagaimanapun, penyiasatan akan dibuat atas apa yang sebenarnya berlaku di Sabah seperti-mana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dan cara-cara pentadbiran pinjaman di negeri itu akan dikemaskan lagi jikalau didapati ada kesan-kesan kelemahan yang berlaku. Kepada pandangan-pandangan Ahli Yang Berhormat yang tidak termasuk di dalam jawapan saya pada petang ini adalah di dalam perhatian dan tindakan Kementerian saya.

5.28 *ptg.*

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan teguran-teguran terhadap Kementerian Kesihatan semasa perbincangan atas Usul Ucapan Menjunjung Kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang di-Pertuan Agong. Sukacitalah saya memaklumkan bahawa semua teguran-teguran yang membina adalah dalam perhatian Kementerian Kesihatan dan tindakan-tindakan sewajarnya akan diambil untuk memperbaiki serta meningkatkan lagi mutu perkhidmatan perubatan, kesihatan dan pergigian yang dibekalkan dari masa ke masa.

Bagi makluman Ahli Yang Berhormat dari Mukah, Sarawak, Bahagian Ketiga Sarawak adalah terbahagi kepada tiga Daerah Kesihatan iaitu Mukah, Sibu dan Kanowit. Dengan kedudukan katil-katil yang ada sekarang di Hospital Mukah dan Sibu, jumlah nisbah katil dengan penduduk di Bahagian Ketiga ialah 1.93 katil untuk 1,000 orang penduduk. Rancangan Kementerian Kesihatan ialah untuk mengadakan 2 katil bagi setiap 1,000 orang penduduk. Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, 2 buah hospital baru telah diluluskan iaitu bagi Sibu sebagai pengganti dan hospital baru bagi Kanowit yang bertujuan untuk memperbaiki kemudahan-kemudahan hospital di kawasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Daerah Dalat adalah sebuah daerah kecil di dalam Daerah Kesihatan Mukah, serta daerah terkecil di Bahagian Ketiga dari segi luas kawasan. Oleh yang demikian, Kementerian Kesihatan tidak bercadang setakat ini untuk membina sebuah Hospital Daerah di daerah Dalat. Walau bagaimanapun, Kementerian ini akan mencadangkan pembinaan sebuah Pusat Kesihatan Besar dengan tambahan 6 buah katil untuk daerah Dalat dalam masa yang akan datang.

Berkenaan dengan kesusahan mendapatkan perkhidmatan ambulan di Hospital Daerah Mukah, buat masa ini, hospital tersebut mempunyai 3 buah ambulan dan 2 orang pemandu. Tetapi pada kebelakangan ini, permintaan untuk perkhidmatan ambulan telah meningkat, yang menjelaskan kesusahannya yang terdapat sekarang. Satu jawatan

baru bagi pemandu telahpun diluluskan bagi tahun ini dan usaha pengambilannya sedang diuruskan.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat supaya sebuah ambulan ditempatkan di semua hospital sebagai kereta rakyat untuk membawa dan menghantar pesakit, saya ingin memaklumkan bahawa pada ketika ini, Kementerian ini hanya dapat menempatkan satu atau dua buah ambulan di hospital daerah kerana jumlah bilangan ambulan yang terhad. Oleh yang demikian, Kementerian Kesihatan telahpun mengarahkan semua hospital-hospital daerah supaya menggunakan ambulan bagi kes-kes yang serius sahaja.

Sekiranya ambulan-ambulan tersebut digunakan untuk menghantar pesakit-pesakit dari rumah ke hospital dan balik ada kemungkinan ambulan-ambulan tersebut tidak dapat digunakan sekiranya timbul keperluan untuk membawa pesakit-pesakit yang sakit teruk ke hospital. Pada keseluruhannya, ambulan tidak digunakan untuk membawa dan menghantar pesakit-pesakit yang telah meninggal dunia. Kementerian ini telahpun mengambil tindakan untuk mengadakan kereta-kereta jenazah di beberapa hospital, tetapi ini akan dilaksanakan secara berperingkat.

Berkenaan dengan teguran Ahli Yang Berhormat dari kawasan Sungai Petani, Kedah, supaya Klinik-klinik Bergerak dibekalkan dengan lebih banyak ubat-ubat suntikan, adalah amalan biasa bagi semua Klinik-klinik bergerak di Semenanjung Malaysia dibekalkan dengan ubat-ubat suntikan yang mencukupi. Tetapi mungkin oleh sebab-sebab yang tertentu, kadangkala berlaku di satu-satu tempat pada masa-masa yang tertentu, kekurangan ubat suntikan.

Mengenai permintaan Ahli Yang Berhormat untuk menempatkan seorang jururawat di Klinik Kota Kuala Muda, pada masa ini seorang Pembantu Hospital telahpun ditempatkan di Pusat Kesihatan Kecil Kuala Muda untuk merawat pesakit-pesakit luarnya. Oleh kerana kedatangan pesakit luar di klinik ini sangatlah ramai, seorang Pembantu Hospital tambahan dan bukan seorang jururawat seperti yang diminta, akan ditempatkan di klinik ini dengan seberapa segera yang boleh.

Mengenai teguran Yang Berhormat dari Kuala Selangor terhadap kebolehan bomoh

dan dukun dalam memulihkan penagih-penagih dadah, sebenarnya seperti Yang Berhormat sedia maklum, Akta Perubatan 1971 tidak mengadakan apa-apa halangan terhadap mereka yang mengamalkan rawatan dan perubatan tradisi (traditional medicine) sekiranya bahan-bahan yang digunakan tidak mengandungi racun yang dikawal di bawah Ordinan Racun. Oleh hal yang demikian, terpulanglah kepada pihak-pihak yang berkenaan mengamalkan cara-cara masing-masing dengan menggunakan cara-cara mereka sendiri, yang boleh mendatangkan hasil yang baik kepada pesakit-pesakit. Dengan itu saya rasa bahawa soal mengiktirafkan satu golongan atau golongan yang lain dalam hal memulihkan penagih-penagih dadah tidaklah berbangkit.

Ahli Yang Berhormat dari Ayer Hitam Johor telah menyatakan bahawa Pesuruhjaya Tinggi Australia telah mengumumkan iaitu mulai dari tahun 1978, Australia tidak akan menerima lagi pelajar-pelajar yang ingin mengikuti latihan kejururawatan, dan oleh itu beliau mengesyorkan supaya Kementerian ini menambahkan tempat-tempat latihan di negara ini. Saya suka menerangkan bahawa Kementerian Kesihatan mempunyai 6 buah Sekolah Latihan Jururawat yang boleh mengeluarkan lebihkurang 650 orang jururawat tiap-tiap tahun. Ini adalah mencukupi bagi keperluan negara ini.

Berkenaan perkara ramai jururawat masih diambil secara sementara sahaja yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Selayang, suka saya jelaskan bahawa pengambilan seumpama itu adalah untuk sementara sahaja, iaitu sehingga mereka ditemuduga oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam bagi perlantikan tetap. Perlantikan sementara ini adalah kepentingan jururawat-jururawat itu sendiri, yang kebanyakannya mendapat latihan di luar negeri, kerana dengan demikian, mereka tidak perlu menunggu lebih lama untuk mendapat pekerjaan sekembalinya dari latihan di luar negeri.

Kedudukan jururawat di Kementerian Kesihatan sekarang ini adalah beransur baik. Kekosongan jawatan yang ada sekarang ini dijangka dapat dipenuhi menjelang akhir tahun ini oleh pelatih-pelatih yang tamat latihan dalam negeri dan juga dari luar negeri.

Mengenai teguran Ahli Yang Berhormat dari Tumpat supaya pembinaan Hospital

Daerah Tumpat diberi keutamaan, sukacitalah saya menjelaskan bahawa Kementerian Kesihatan memang memberi keutamaan kepada daerah-daerah yang belum lagi mempunyai hospital seperti Daerah Tumpat. Kementerian ini telahpun menyediakan peruntukan yang mencukupi bagi pembinaannya dan tanah untuk projek ini di Tumpat telahpun diperolehi.

Mengenai teguran Ahli-ahli Yang Berhormat dari Penampang dan Bandau, Sabah mengenai kekurangan pegawai-pegawai perubatan dan kakitangan para perubatan di Sabah, adalah dimaklumkan bahawa masalah ini terdapat bukan sahaja di negeri Sabah, tetapi juga di seluruh negara. Di samping mengambil doktor-doktor secara pegawai kontrak daripada luar negeri, saya berharap bahawa dengan bertambahnya graduan-graduan baru dari universiti-universiti tempatan dan juga dari luar negeri, maka bilangan doktor-doktor dalam perkhidmatan Kerajaan akan terus meningkat, walaupun ini akan mengambil masa.

Berkenaan dengan permintaan Ahli Yang Berhormat dari Kangar supaya pusat-pusat kesihatan dan klinik-klinik bidan dibekalkan dengan alat kelengkapan ubat-ubatan serta kakitangan yang mencukupi, suka saya maklumkan bahawa semua pusat-pusat kesihatan dan klinik-klinik desa dan bidan adalah dibekalkan dengan alat kelengkapan, ubat-ubatan dan kakitangan-kakitangan, sebagaimana yang ditetapkan oleh Kementerian. Perkhidmatan pemeriksaan mata di Hospital Besar Kangar hanya diadakan pada hari Rabu sahaja kerana perkhidmatan Pakar Mata di hospital tersebut terpaksa ditamatkan buat sementara waktu kerana beberapa sebab yang tidak dapat dielakkan. Walau bagaimanapun, Kementerian ini akan mengambil tindakan untuk menghantarkan seorang Pakar Mata ke Kangar kelak.

Pendapat Ahli Yang Berhormat bahawa budibahasa pegawai dan kakitangan Kementerian hendaklah diutamakan semasa mereka diambil berkhidmat memang senantiasa diamalkan. Kementerian ini mementingkan kelulusan pegawai-pegawai apabila mereka memohon berkhidmat dengan Kementerian ini dan kelulusan ini dikaji cuma apabila pegawai itu memasuki perkhidmatannya. Biasanya, pegawai-pegawai diambil berkhidmat secara sementara dan selepas bertugas selama 6 ataupun 7 bulan barulah pegawai

ini dipertimbangkan untuk memasuki jawatan tetap. Apabila permohonan mereka untuk jawatan tetap ini dikemukakan, pertimbangan yang berat adalah diberi kepada kelakuan, budibahasa dan lain perkara juga.

Mengenai layanan yang istimewa kepada semua lapisan rakyat, adalah dasar Kementerian ini untuk memberi layanan yang sempurna kepada semua pesakit yang datang ke hospital. Rawatan diberi tidaklah berdasarkan kepada kelas di mana pesakit dimasukkan.

Mengenai permintaan-permintaan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam dan Tanjung Karang supaya seorang Pakar Pembedahan ditempatkan di Hospital-hospital Daerah Bukit Mertajam dan Tanjung Karang masing-masing, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, pada ketika ini Kementerian ini masih mengalami kekurangan Pakar-pakar Pembedahan. Oleh yang demikian, Kementerian ini hanya dapat mengisikan jawatan-jawatan kosong tersebut apabila Pakar-pakar Pembedahan baru diperolehi.

Teguran Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam bahawa doktor-doktor di hospital-hospital telah dibebankan dengan tugas-tugas dan kerja yang lebih, keadaan ini adalah disebabkan oleh masalah kekurangan doktor pada masa ini dan Kementerian ini sedar akan keadaan yang sedemikian. Keadaan ini akan bertambah baik apabila graduan-graduan baru dari universiti-universiti ditempatkan dan juga dari luar negeri tamat kursus mereka.

Mengenai rayuan Ahli Yang Berhormat supaya pembinaan wad baru 4 tingkat dan tambahan kepada wad bersalin di Hospital Daerah Bukit Mertajam disegerakan, pada ketika ini, pihak Juru-ukur Bahan sedang menyediakan kertas-kertas tawarannya. Tawaran tersebut akan dipelawa dalam masa sebulan. Manakala projek wad bersalin pula, pihak Jabatan Kerjaraya sedang menyediakan pelan-pelan detailnya dan tawarannya dijangka dipanggil dalam masa 3 bulan.

Berkenaan dengan teguran Ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak mengenai masalah bekalan air di kawasan Hilir Perak, pada ketika ini Kementerian Kesihatan sedang menjalankan penyiasatan untuk memperbaiki keadaan bekalan air di kampung-

kampung lain di mana pihak Jabatan Kerjaraya belum mengadakan rancangan bagi kawasan berkenaan.

Mengenai bekalan tempat duduk menunggu di semua klinik dan pusat kesihatan, memanglah dasar Kementerian ini melengkapkan semua pusat dan klinik tersebut dengan tempat duduk menunggu yang mencukupi. Mungkin oleh sesuatu sebab yang tertentu, ada klinik atau pusat-pusat kesihatan yang tidak mempunyai tempat duduk yang cukup.

Berkenaan dengan permohonan Ahli Yang Berhormat supaya 2 klinik bergerak tambahan diadakan bagi sepanjang Sungai Perak adalah dimaklumkan bahawa pada tahun 1978, satu klinik bergerak dengan menggunakan bot khas untuk memberi perkhidmatan perubatan di sepanjang Sungei Perak di dalam daerah Hilir Perak sahaja akan diadakan.

Saya ingin memberitahu juga kepada Ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak bahawa Kementerian saya memang memberi perkhidmatan kesihatan yang teratur kepada penduduk-penduduk di luar bandar mengikut rangka bentuk yang sesuai selaras dengan keadaan tempatan dan kemudahan-kemudahan yang sedia ada. Suka saya menegaskan di sini juga bahawa Pertubuhan Kesihatan Sedunia telah beberapa kali mengesahkan Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar negara ini sebagai salah satu yang terbaik sekali di rantau ini.

Perkhidmatan pakar-pakar adalah terdapat di semua Hospital Besar dan Daerah yang besar seperti di Hospital Daerah Teluk Anson supaya perkhidmatan kepakaran dapat digunakan. Perkhidmatan specialist ini lebih baik digunakan di peringkat hospital kerana kes-kes yang tertentu dapat dirujuk untuk perhatian pakar-pakar dalam bidang lain, sekiranya perlu. Kementerian ini mengamalkan sistem di mana pesakit-pesakit adalah dirujuk kepada pakar-pakar di hospital oleh Pegawai Perubatan yang berkhidmat di Pusat-pusat kesihatan. Menerusi sistem rujukan ini, pesakit-pesakit dari luar bandar dapat menikmati juga perkhidmatan pakar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, mengikut susunan perjawatan, tidak ada jawatan Pegawai Perubatan di Pusat-pusat Kesihatan Kecil, tetapi di tempat-tempat yang memerlukan perkhidmatan yang

istimewa, Pegawai Perubatan akan ditempatkan. Di Negeri Perak, Pusat Kesihatan Kecil, Sitiawan dan Pulau Pangkor adalah sebagai dua contoh.

Merujuk kepada teguran Ahli Yang Berhormat dari Matang mengenai pembukaan poliklinik di Hospital Daerah Taiping, suka-lah saya memaklumkan bahawa kerja-kerja utama untuk membina dan mengecat bangunan poliklinik baru di Hospital Daerah Taiping telah disiapkan pada bulan Disember, 1977. Akan tetapi ada kerja-kerja yang tertentu yang masih belum disiapkan di setengah-setengah kawasan poliklinik itu. Dengan itu pihak Jabatan Kerjaraya meng-anggarkan poliklinik ini akan disiapkan dan diserahkan kepada Kementerian Kesihatan dalam masa 4 bulan lagi. Ini akan membolehkan Kementerian mengambil-alih bangunan dan memulakan perkhidmatan di poliklinik baru selepas itu.

Merujuk kepada teguran Ahli Yang Berhormat dari Silam mengenai mutu ubat-ubat Kerajaan, suka-lah saya menjelaskan di sini bahawa semua ubat-ubat yang dibeli dengan wang awam adalah bermutu tinggi dan juga dibeli untuk penyakit-penyakit tertentu.

Apabila ubat-ubat tersebut dibeli daripada pengimpot-pengimpot, lazimnya nasihat pegawai-pegawai iktisas yang kanan diperoleh mengenai ubat-ubat yang sepatutnya dibeli. Sebaik sahaja Stor Perubatan Pusat menerima ubat-ubat tersebut dan jika di-dapati sebarang kesangsian mengenai mutu-nya, maka ujian-ujian yang perlu akan dijalankan.

Ubat-ubat keluaran tempatan dari makmal-makmal Petaling Jaya pula adalah diperbuat oleh Ahli-ahli Kimia Ubat yang berkelayakan dan berpengalaman. Langkah-langkah untuk mengawal mutu ubat-ubatan yang diperbuat samada pada ketika dan selepas ubat-ubat itu diperbuat dan juga sebelum ubat-ubat itu dibahagi-bahagikan untuk kegunaan di semua hospital dan sebagainya adalah senentiasa dikuatkuasakan. Tanda "K.K." di ubat-ubat menunjukkan bahawa ianya adalah keluaran Kementerian dan bukanlah untuk menunjukkan sebarang jenis ubat bagi penyakit-penyakit tertentu. Cara menanda-kan ubat-ubat ini adalah diamalkan oleh kebanyakan firma-firma pengeluar ubat-ubat yang besar. Suka saya menegaskan sekali lagi bahawa pesakit-pesakit adalah menerima ubat-ubat untuknya daripada pegawai ter-

latih iaitu doktor-doktor yang memberi ubat bersesuaian dengan jenis penyakitnya.

Berkenaan dengan teguran Ahli Yang Berhormat dari Bruas supaya setiap daerah diperuntukkan dengan sebuah hospital dan empat lima buah pusat kesihatan, suka-lah saya memaklumkan bahawa Kementerian Kesihatan memang menjalankan dasar yang telah dipersetujui oleh Kerajaan bahawa setiap daerah perlu diadakan satu hospital daerah dengan matlamat nisbah katil sebanyak 2 katil untuk setiap 1,000 orang penduduk bagi seluruh negara. Selain daripada itu, Kementerian mengadakan rancangan bagi memperbaiki dan memper-modenkan hospital-hospital daerah yang lama.

Mengenai pembinaan pusat kesihatan besar pula, dasar yang diikuti oleh Kementerian ialah untuk mengadakan satu pusat kesihatan besar untuk 15,000 hingga 20,000 penduduk luar bandar. Dasar ini akan melibatkan pembinaan pusat kesihatan besar yang baru dan juga menaikkan taraf pusat kesihatan kecil ke pusat kesihatan besar. Dengan demikian, daerah-daerah yang mempunyai lebih dari 100,000 penduduk luar bandar patut menerima 4 atau 5 pusat kesihatan besar.

Walau bagaimanapun, sebelum matlamat yang ideal ini dapat dicapai, beberapa faktor patut dipenuhi dahulu seperti jangka masa, tenaga manusia, sumber kewangan dan keupayaan pembinaan.

Mengenai pentadbiran pula, Kementerian sememangnya sentiasa mengawasi dan meng-ambil berat dan mana-mana kakitangan yang tidak menjalankan tugas mereka dengan cekap dan dengan sikap yang sambil lewa akan diambil tindakan yang sewajarnya ke atas mereka.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai layanan yang sewajarnya kepada jururawat-jururawat yang dilatih di luar negeri, sememangnya jururawat-jururawat tersebut mendapat layanan yang sewajarnya, iaitu mereka di-ambil berkhidmat dengan Kerajaan dan khususnya dengan Kementerian ini jika sekiranya mereka memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di dalam Skim Perkhidmatan dan jika sekiranya ada kekosongan jawatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya akhiri ucapan saya ini dengan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan beberapa perkara berkaitan

dengan perkhidmatan perubatan dan per-gigian dalam perbahasan ini. Walaupun saya tidak dapat menjawab semua perkara-perkara yang telah dibangkitkan, Kementerian Kesihatan telah mengambil perhatian tentang teguran-teguran tersebut. Sebagai sebuah kementerian yang berkhidmat kepada rakyat, kami akan sentiasa bekerja dengan penuh semangat dan dedikasi demi untuk menjamin keadaan kesihatan negara seluruhnya.

5.48 ptg.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya bangun di Dewan yang mulia ini untuk menjawab teguran-teguran, cadangan-cadangan dan pandangan-pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap Kementerian saya.

Terima kasih saya ucapkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan serta cadangan-cadangan yang membina. Insya Allah kesemua pandangan itu akan diberi perhatian oleh Kementerian saya.

Pertama sekali saya suka menarik perhatian Dewan kepada teguran-teguran oleh Yang Berhormat dari Kangar, Yang Berhormat dari Baling dan Yang Berhormat dari Tumpat mengenai latihan atau kursus-kursus belia.

Syabas saya ucapkan kepada Yang Berhormat dari Baling yang telah memberi kepercayaan kepada Kementerian saya untuk melatih belia-belia.

Sebenarnya Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah lama menganjurkan kursus-kursus yang dipanggil Kursus Kepimpinan yang bertujuan membentuk sikap kaum belia supaya menjadi rakyat yang berguna, berdisiplin dan berdedikasi untuk menjayakan cita-cita negara.

Kursus-kursus Kepimpinan ini dibuat oleh Kementerian saya mengikut peringkat iaitu bermula dari peringkat pertubuhan/persatuan belia, daerah, negeri dan yang lebih tinggi di Pusat Latihan Belia Negara.

Mengenai cadangan Yang Berhormat dari Kangar, sukaiah saya menegaskan di sini bahawa Bahagian Belia Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan telahpun melaksanakan berbagai program latihan dan kursus

dengan tujuan untuk membolehkan kaum belia mendapat mata pencarian dan seterusnya memperbaiki taraf ekonomi mereka. Program-program itu adalah seperti berikut:

- (a) Latihan Pelupur. } Dusun Tua
- (b) Latihan Pembina. }
- (c) Latihan Sambil Niaga.
- (d) Latihan Kemahiran Tidak Formal.
- (e) Latihan Penyelia Kilang.
- (f) Latihan Pelayan Makanan.
- (g) Latihan Kemahiran Formal di Pusat Latihan Belia Negara Pertak, Kuala Kubu Bharu.
- (h) Latihan di Ladang.
- (i) Latihan Melahir dan Membina Usahawan.

Kementerian saya bukan sahaja memberi latihan kemahiran kepada kaum belia tetapi setelah itu membuat susunan pula dengan cara memberi bimbingan dan pertolongan untuk menentukan supaya belia yang telah tamat latihan itu mendapat pekerjaan ataupun dapat menjalankan usaha sendiri dalam bidang pertanian dan perniagaan.

Kursus-kursus dan latihan sentiasa disemak dan ditambah bukan saja dari segi bilangan tetapi juga dari segi jenisnya, dari masa ke semasa mengikut keperluan yang timbul.

Berkaitan dengan cadangan Yang Berhormat dari Tumpat supaya dibanyakkan lagi Pusat-pusat Latihan Belia, sukacita saya menyatakan bahawa kemudahan-kemudahan latihan yang ada setakat ini adalah mencukupi sementara ini. Walau bagaimanapun, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan merancang penubuhan sebuah lagi Pusat Latihan Belia di Sepang, Selangor untuk menjadikan kesemuanya tiga buah Pusat Latihan Belia.

Selain daripada mengadakan latihan secara institutional, untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian saya juga mengatur rancangan-rancangan latihan tidak berinstitutional seperti Rancangan Belajar Sambil Bekerja, Rancangan Belajar Sambil Niaga, Kursus Melahir dan Membina Usahawan dan lain-lain lagi.

Di samping itu berbagai agensi Kerajaan yang lain seperti MARA, KEMAS, Jabatan Pertanian, RISDA dan Kementerian Buruh

telah juga mengadakan latihan-latihan kemahiran seperti yang dianjurkan oleh Kementerian saya. Ini semuanya menambahkan peluang-peluang latihan kepada ahli-ahli belia di mana mereka mempunyai banyak pilihan.

Bagi menjawab teguran Yang Berhormat dari Sungai Petani, sebenarnya tugas Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, antaranya ialah memberi latihan kemahiran kepada golongan belia-belia yang menganggur dan berpendapatan rendah yang mana dari latihan ini membolehkan mereka mencari pekerjaan atau berdikari.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian Dewan kepada teguran Yang Berhormat dari Batang Lepar Sarawak mengenai Rancangan Belia Peladang. Sebenarnya rancangan ini telah bermula di Semenanjung dalam tahun 1972 dan di Sarawak hanya baru dimulakan pada tahun ini. Peruntukan subsidi untuk rancangan ini bagi tiga tahun dalam Rancangan Malaysia Ketiga ialah sebanyak \$260,000.00.

Kelewatan memulakan projek ini di Sarawak ialah kerana persatuan 4H yang dahulunya di bawah kelolaan Kementerian Pertanian Sarawak baru saja diambil alih oleh SABERKAS sebagai cawangannya dalam tahun 1977 dan dengan itu barulah dapat projek ini dimulakan dengan pesat.

Latihan-latihan yang diberi di bawah rancangan ini disusulkan pula dengan bimbingan dan pertolongan sama ada dengan cara kewangan atau peralatan untuk membolehkan kaum belia memulakan projek mereka dengan sempurna. Dalam hubungan ini satu jawatankuasa Belia Peladang peringkat negeri Sarawak telah diwujudkan dengan diberi tanggungjawab mengkaji, menimbang dan meluluskan projek-projek berkenaan di negeri tersebut.

Mengenai cadangan Yang Berhormat dari Jerai supaya satu Dasar Belia Kebangsaan diadakan, sukalah saya memaklumkan bahawa Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sudahpun mempunyai dasar belia kebangsaannya yang bertujuan memberikan golongan kaum belia menjadi rakyat dan pemimpin yang jujur dan sanggup memainkan peranan mereka untuk faedah sendiri, masyarakat dan menolong menjayakan cita-cita negara.

Seperti yang termaklum, Majlis Perundingan Belia Negara telahpun digerakkan

semula dalam bulan Oktober, 1977 dan Yang Berhormat sendiri adalah salah seorang dari ahlinya. Inilah satu forum yang mengujudkan dialog di antara kaum belia dengan Kerajaan mengenai perkara-perkara dan masalah-masalah sebelum satu-satu rancangan itu dilaksanakan.

Bantuan pentadbiran kepada pertubuhan-pertubuhan belia adalah dikaji dari masa ke semasa dan ditambah jika didapati perlu. Walau bagaimanapun, keutamaan adalah diberi kepada tambahan untuk melaksanakan sesuatu projek.

Dalam perkara sukan, Yang Berhormat dari Kangar menyentuh peristiwa rusuhan penonton-penonton bolasepak di Trengganu baru-baru ini dan saya suka menjelaskan di sini bahawa Pertandingan Bolasepak Piala Malaysia adalah diadili oleh pengadil-pengadil yang berkelayakan dan berpengalaman. Walau bagaimanapun, rasa tidak puas hati sentiasa berlaku di mana-mana pertandingan yang diadakan samada kepada pengadil-pengadil ataupun perbalahan antara penyokong-penyokong dari kedua pihak.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Kejadian yang berlaku di Kuala Trengganu pada 17hb Mac, 1978 adalah berlaku di luar stadium iaitu selepas pertandingan itu tamat. Penyiasatan berhubung dengan perkara ini adalah sedang dilakukan oleh pihak polis dan pihak Persatuan Bolasepak Malaysia.

Saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat tentu sekali akan bersetuju dengan saya bahawa fahaman dan pengetahuan yang baik adalah penting kepada penonton-penonton untuk menghayati atau mengikuti satu-satu pertandingan sukan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya juga menerima banyak pandangan, teguran dan pendapat mengenai Pertubuhan Nasrul Haq. Supaya kekeliruan mengenai perkara ini hilang sama sekali saya sukalah menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian kepada tujuan, perkembangan dan kesan-kesan dari kegiatan pertubuhan ini. Harapan saya dengan penjelasan ini kekaburan mengenai Nasrul Haq akan menjadi cerah hendaknya.

Saya merasa bersyukur kepada Allah Subhanahu-wataala atas sokongan yang diberi oleh beberapa orang anggota Dewan iaitu Yang Berhormat dari Kuala Selangor, Yang

Berhormat dari Permatang Pauh, Yang Berhormat dari Kangar dan Yang Berhormat dari Tanjong Karang serta Yang Berhormat dari Matang atas pandangan baik dan sokongan Yang Berhormat sekalian kepada persaudaraan Nasrul Haq dan program Belia Harapan yang dianjurkan oleh Kementerian ini. Sebagai seorang Wakil Rakyat sudah tentu Yang Berhormat sentiasa mendampingi rakyat dalam kawasan Yang Berhormat dan tentunya Yang Berhormat telah dapat menilai dari dekat akan buruk baiknya persaudaraan ini, kerana itu Yang Berhormat telah memberikan satu gambaran yang amat jelas mengenainya.

Soal penting dan utama bagi saya memperkembangkan Nasrul Haq bukannya soal seni mempertahankan diri atau hendak bermegah-megah dengan kekuatan atau lain-lain seumpamanya tetapi apa yang sangat berat selama ini dan menjadi tajuk perbincangan ialah soal moral dan keruntuhan akhlak di kalangan belia-belia dan juga soal bagaimana caranya hendak mendekatkan mereka kepada ajaran agama dengan mengerjakan yang disuruh dan memberhentikan yang ditegah oleh agama Islam yang maha suci.

Selama ini kita sudah maklum, telah banyak seruan-seruan yang dibuat dengan berbagai-bagai cara, sama ada melalui syarahan-syarahan, buku-buku dan risalah-risalah, dan dengan bentuk baru mendirikan signboard dengan kata-kata "Sembahyanglah sebelum kamu disembahyangkan", sebagaimana juga semboyan-semboyan dan seruan mengingatkan orang ramai jangan merokok, orang merokok juga, "Pandu cermat, jiwa selamat", "Jalan perlahan", "Ikut kiri" dan sebagainya, pemandu kereta, memandu mengikut sesuka hatinya juga, maka begitulah juga halnya dengan kebanyakan belia-belia kita hari ini, seruan tetap tinggal seruan, syarahan agama yang diadakan di masjid dan surau mereka tidak pergi dan tidak pernah mendengarnya, maka tenggelamlah segolongan belia-belia ini dengan berkhayalan hidup yang tidak berpandu dan berhaluan, maka terceburlah dan terjerumuslah mereka kepada jalan-jalan maksiat, menyalahgunakan dadah, merompak, mencuri, menyamun dan berbagai-bagai keburukan lagi.

Saya merasakan satu kegagalan dalam tugas yang dipikulkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri jika saya tidak berusaha dan berbuat sesuatu untuk memimpin, memandu dan membimbing mereka menuju ke arah yang baik dan jalan yang sempurna

demi kebaikan dan masa depan rakyat dan negara ini.

Jabatan-jabatan Ugama pula seharusnya memainkan peranan khusus memberikan didikan ugama kepada belia-belia yang telah berjinak-jinak dengan surau dan masjid-masjid itu dengan memberikan didikan dan pengajaran ugama, kita seharusnya bertanggungjawab bersama dalam soal yang amat penting ini.

Dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang di-Pertuan Agong, Baginda telah menjelaskan betapa pentingnya didikan rohaniah di kalangan belia-belia. Pembangunan dari sudut jasmani semata-mata tanpa berserta dengan didikan kerohanian, bererti usaha hendak menjadikan negara kita ini sebagai tempat untuk rakyatnya hidup dengan penuh disiplin dan bermoral tinggi akan menemui kegagalan.

Nasrul Haq telah cuba membuat satu perubahan dan pembaharuan dalam memimpin belia-belia. Setakat ini ternyata Nasrul Haq telah mencapai kejayaan yang amat menggalakkan dan memberangsangkan, mudah-mudahan ia akan diredzai oleh Allah Subhanu-wataala jua.

Kesan dari latihan ini begitu mendalam sehingga belia-belia yang tidak pernah mendekatkan diri dengan amalan-amalan yang baik sekarang ini telah jelas dan nyata bukan saja telah dapat dikumpulkan dan dididik serta dibimbing menjadi belia yang berdisiplin, dedikasi, berbudi tinggi, dan bersopan santun malah telah dapat dijinakkan dengan surau-sarau dan masjid-masjid, menjauhkan diri dari sebarang maksiat seperti dadah, berjudi, minum arak, dan berkelakuan tidak sopan. Selain daripada itu rasa persaudaraan dan perpaduan, menghormati orang tua-tua telah timbul dan ianya menjadi satu kenyataan yang tidak dapat disangkal lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, agak panjang sedikit berkenaan dengan perkara ini. Dalam Dewan ini tidak ada yang membangkitkan soal ini, yang bertentangan

Datuk Abdul Samad bin Idris: Ada dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua: Sedikit sahaja. Perkara ini pun masih dalam pertikaian, belum diputuskan oleh Majlis Ugama Islam.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Sedikit sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Kerana Nasrul Haq telah berkembang dengan begitu hebatnya di Semenanjung Malaysia dan di Sabah, maka timbullah beberapa keraguan dari golongan yang tertentu; keraguan yang sengaja diadakan oleh setengah-setengah pihak. Banyak surat-surat layang telah saya terima dan disebar-kan, manakala akhbar-akhbar pula telah menyiarkan berita-berita yang ada kalanya kurang tepat dan setengahnya jauh dari apa yang sebenar.

Satu Jawatankuasa Penyiasat bagi menyelidik amalan Nasrul Haq dan juga seni mempertahankan diri yang ada di tanahair telah dibentuk oleh Pusat Islam di bawah Jabatan Perdana Menteri dan beberapa kali perbincangan dan majlis dailong telah diadakan di antara ahli-ahli penyiasatan tersebut dan pihak Jawatankuasa Nasrul Haq Pusat. Saya harap penyiasatan ini dibuat secara mendalam termasuk ahli-ahli Nasrul Haq yang terdiri dari berbagai golongan dan peringkat, dari belia-belua, orang-orang tua, tokoh-tokoh ugama, cerdik pandai, angkatan tentera dan polis, supaya ia dapat gambaran yang tepat dan jelas darinya. Amalan Nasrul Haq tidak ada rahsia yang hendak disembunyi-sembunyikan, kerana itu saya mengalu-alukan penyiasatan ini dilakukan kerana amalan Nasrul Haq ini agak luar biasa sifatnya maka adalah patut dan wajar ia diberikan perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah ucapan dan ulasan saya mengenai teguran-teguran dan cadangan-cadangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan terhadap Kementerian saya.

Kepada teguran-teguran lain yang tidak sempat saya ulas di sini saya berjanji akan turut menimbangkannya dan mengambil langkah-langkah yang sesuai yang difikirkan perlu.

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum saya jemput Yang Berhormat Menteri Tak Berpotfolio di Jabatan Perdana Menteri menjawab, saya sudah menyatakan tadi bahawa pada pukul 6.30 petang hendaklah diselesaikan

jawapan-jawapannya. Tetapi oleh sebab nampaknya ada empat lagi Kementerian yang belum memberi jawapan, saya fikir adalah perlu disambung mesyuarat ini. Sekarang saya jemput seorang Yang Berhormat Menteri mengemukakan usul.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12 (1), mesyuarat ini tidak akan ditangguhkan sehingga Usul Titah Ucapan Di Raja yang ada di hadapan Majlis ini diluluskan.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Rais Yatim): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12 (1), mesyuarat ini tidak akan ditangguhkan sehingga Usul Titah Ucapan Di Raja yang ada di hadapan Majlis ini diluluskan.

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. TIMBALAN YANG DIPERTUAN AGONG

6.01 ptg.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Paul Leong Khee Seong): Tuan Yang di-Pertua, dalam masa perbahasan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang di-Pertuan Agong beberapa perkara di bawah jagaan Kementerian saya telah dibangkitkan.

Ahli Yang Berhormat dari Baling telah mengesyorkan supaya Kerajaan memberi peluang kepada Persatuan Pekebun-pekebun Kecil untuk mengambilalih peranan MAR-DEC dari segi memproses dan menjual getah di luar negeri. Di sini sukalah saya menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa

pemerosesan dan pemasaran getah pekebun-pekebun kecil adalah satu perkara yang amat kompleks yang berkehendakkan sumber kewangan dan tenaga yang banyak serta yang penting sekali ialah pengalaman dari segi pengurusan.

Kerajaan memang sedar bahawa bagi jangka panjang pekebun-pekebun kecil patut diberi peluang menyertai kegiatan memproses dan menjual getah keluar negeri menerusi badan seperti MARDEC. Bagi tujuan tersebut sekarang ini satu kajian sedang dibuat untuk menimbangkan sama ada masanya sudah tiba untuk memulai penyertaan pekebun-pekebun kecil dalam MARDEC dan apakah cara yang paling praktik.

Menyentuh cadangan Ahli Yang Berhormat supaya MARDEC memberi bantuan kepada Bumiputra dari segi penanaman dan pembinaan kilang memproses ubi kayu. Sukalah saya tegaskan di sini bahawa perkara tersebut adalah di luar daripada bidang kegiatan perbadanan tersebut. MARDEC telah ditubuhkan khas untuk memproses getah pekebun-pekebun kecil bagi meneliti mutu getah pengeluaran mereka. Oleh itu, cadangan untuk memberi bantuan penanaman dan pemerosesan ubi kayu adalah tidak selaras dengan objektif penubuhannya.

Saya rasa cadangan tersebut lebih tepat jika dikemukakan untuk pertimbangan syarikat UBIYU SDN BERHAD iaitu sebuah anak syarikat Majlis Amanah Rakyat (MARA) yang terlibat secara langsung dengan penanaman dan pemerosesan ubi kayu.

6.04 ptg.

Menteri Tak Berpotfolio (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon berucap bagi menjawab dan memberi penjelasan-penjelasan atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai dasar-dasar Kerajaan dan juga mengenai masalah pelaksanaan rancangan-rancangan pembangunan Kerajaan dan perkara-perkara lain yang bersangkutan dengannya.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah menggunakan kesempatan dalam Dewan yang mulia ini untuk sengaja menimbulkan salahfaham di kalangan rakyat dan memesongkan cita-cita dan hasrat Kerajaan

mengenai pembangunan, khususnya mengenai Dasar Ekonomi Baru. Beliau mendakwa iaitu Dasar Ekonomi Baru telah dijadikan satu alat untuk mencipta keadaan tidak seimbang (inequality) yang baru di antara orang-orang Melayu yang tidak berada dengan orang-orang Melayu yang berada.

Sebagaimana kita sedia maklum, Dasar Ekonomi telah dibentuk dengan 2 matlamat utama, iaitu penyusunan semula masyarakat dan menghapuskan kemiskinan tanpa mengira kaum. Oleh yang demikian, Dasar Ekonomi Baru bukanlah dibentuk bagi faedah mana-mana kaum atau golongan-golongan tertentu dan adalah menjadi Dasar Kerajaan untuk memastikan supaya segala rancangan-rancangan Kerajaan dilaksanakan selaras dengan Dasar tersebut. Perlu ditegaskan di sini bahawa bukanlah Dasar Kerajaan untuk membuat semua orang menjadi kaya tetapi adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk mengurangkan golongan-golongan miskin dan seterusnya menghapuskan kemiskinan. Dalam hal ini, Kerajaan sentiasa memastikan supaya segala rancangan-rancangan Kerajaan dinikmati oleh semua rakyat jelata terutamanya golongan miskin tanpa mengira kaum.

Di bawah Dasar Ekonomi Baru, Kerajaan telah mengadakan kemudahan-kemudahan kepada orang-orang Melayu dan bumiputra yang lain untuk mengambil bahagian dalam perniagaan, seperti mengadakan kemudahan-kemudahan infrastruktur dan kewangan, memberi keutamaan harga bagi barang-barang dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh pembekal-pembekal Bumiputra untuk keperluan Kerajaan dan mengkhaskan kerja-kerja sivil (civil works) tertentu untuk kontrektor Bumiputra. Orang-orang Melayu dan Bumiputra lain juga telah mendapatkan faedah-faedah dan kemudahan yang telah dipertuntukkan oleh Kerajaan dalam bidang sosial seperti pelajaran termasuk latihan vokesyenal, kesihatan dan kemudahan-kemudahan bekalan air dan kuasa elektrik serta kemudahan-kemudahan awam yang lain. Dasar Ekonomi Baru juga membawa faedah kepada orang-orang Melayu dan Bumiputra lain dengan wujudnya peluang-peluang pekerjaan di sektor awam dan swasta.

Saya tidak yakin bahawa sebahagian besar orang-orang Melayu dan Bumiputra

lain tidak menikmati faedah dari usaha-usaha Kerajaan di bawah Dasar Ekonomi Baru. Adalah diakui bahawa faedah-faedah yang diterima itu mungkin berbeza di antara satu kawasan dengan satu kawasan yang lain, oleh kerana tidak mungkin faedah dari usaha-usaha Kerajaan dapat dinikmati oleh mana-mana masyarakat, bukan sahaja masyarakat Melayu, secara sama rata. Oleh yang demikian, Kerajaan tidaklah dapat menerima dakwaan oleh mana-mana pihak juga yang mengatakan bahawa hanya segelintir orang yang mendapat faedah dari usaha-usaha Kerajaan sementara majoriti orang-orang Melayu tidak mendapat faedah.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Krai telah melahirkan perasaan tidak puashati dengan sistem "free enterprise" dan apa yang dikatakan sistem kapitalis, dan seterusnya mencadangkan supaya Kerajaan mengambilalih segala bidang perusahaan yang besar-besar dan kemudiannya menyerahkan perusahaan-perusahaan tersebut kepada rakyat Bumiputra.

Ahli Yang Berhormat itu harus mengetahui bahawa Kerajaan tidak bercadang merampas kepunyaan satu golongan dan menyerahkannya kepada golongan-golongan yang lain. Dalam usaha menseimbangkan jurang perbezaan pendapatan di antara golongan-golongan yang kaya dengan golongan yang miskin, beberapa strategi lain sedang dijalankan. Ini termasuklah meningkatkan mutu kehidupan dengan menyediakan kemudahan-kemudahan asas (api elektrik), kemudahan kesihatan, pelajaran, rumah murah dan sebagainya, serta juga menggalakkan Bumiputra memasuki bidang-bidang yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dengan berbagai cara, termasuk memberikan kemudahan-kemudahan kredit. Usaha-usaha agensi-agensi Kerajaan seperti PERNAS, UDA, MARA, Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri dan lain-lain juga sedang diperkemas dan dipergiatkan.

Semua usaha-usaha ini adalah dijalankan mengikut Dasar Ekonomi Baru dan sesuai dengan undang-undang negara supaya tidak menjejaskan prinsip-prinsip keadilan sosial yang sudah diterima oleh masyarakat.

Dalam hubungan ini, saya suka mengulangi pendirian Kerajaan iaitu pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru yang bertujuan membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum

dan menyusun semula masyarakat adalah diusahakan dalam konteks ekonomi negara yang berkembang.

Mengenai nisbah kemiskinan masyarakat Bumiputra di negara ini, saya hendak memberi sedikit penjelasan supaya Dewan yang mulia ini mendapat gambaran yang sebenarnya. Seperti yang ternyata dari Rancangan Malaysia Ketiga, kejadian kemiskinan antara penduduk-penduduk luar bandar di Malaysia seluruhnya ialah dalam tahun 1970, 58.7%. Jumlah ini telah turun kepada 54.1% dalam tahun 1975 dan dijangka akan turun lagi kepada 43% dalam tahun 1980. Rancangan Kerajaan ialah untuk menurunkan jumlah ini kepada 23% dalam tahun 1990. Kerana kebanyakan masyarakat Bumiputra termasuk dalam golongan luar bandar maka peratus-peratus yang disebutkan itu memanglah berhubung terus dengan masyarakat Bumiputra.

Oleh yang demikian, jelaslah bahawa Kerajaan memang berazam penuh untuk menghapuskan kemiskinan di luar bandar. Sebarang pernyataan yang menunjukkan bahawa peratus kemiskinan itu semakin bertambah haruslah diteliti betul-betul kerana asas pengiraannya mungkin salah dan hasilnya boleh mengelirukan.

Pandangan Ahi Yang Berhormat dari Selayang mengenai betapa pentingnya pelajaran dan latihan sebagai asas kepada pekerjaan, dan sebagai alat mencapai matlamat perpaduan nasional serta memenuhi matlamat Dasar Ekonomi Baru itu adalah dihargai.

Sukalah dijelaskan di sini bahawa Kerajaan memang sedar mengenai hal itu dan telahpun berusaha sedaya upaya untuk memberi peluang seluas-luasnya kepada rakyat negara ini mendapat pendidikan dan pelajaran yang dikehendaki dalam semua bidang yang perlu. Di samping itu, Kerajaan juga berusaha menyediakan peluang pekerjaan yang secukupnya kepada mereka yang berkecukupan.

Berhubung dengan perkara di atas, Kajian Tenaga Manusia yang dijalankan dari masa ke semasa itu telah dapat memberi gambaran kepada Kerajaan mengenai kedudukan penawaran dan permintaan tenaga pekerja pada sesuatu masa, dan bagi dibuat projection sewajarnya untuk masa hadapan. Perlulah ditegaskan di sini bahawa berdasarkan maklumat itu Kerajaan kini berusaha merancang

bagi mengujudkan satu sistem kemajuan tenaga manusia yang lebih "comprehensive". Ini bertujuan untuk memastikan supaya tidak akan berlaku aktiviti-aktiviti yang menyebabkan pengeluaran tenaga terlatih yang berlebihan dalam satu bidang dan terkurang pula dalam bidang yang lain, berdasarkan permintaan bagi tenaga kerja dalam bidang-bidang tersebut.

Di samping usaha itu, berdasarkan maklumat-maklumat yang disalurkan melalui siberan am dan sebagainya adalah juga penting bagi rakyat sendiri memikirkan bidang latihan yang harus diikuti untuk memastikan kelulusan atau kelayakan yang diperolehi nanti mempunyai nilai pasaran atau peluang pekerjaan yang luas.

Masalah pelaksanaan jalan-jalan di luar bandar dan kampung telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Sungai Siput, Mukah dan Permatang Pauh.

Saya kurang jelas dengan maksud "jalan-jalan pembangunan luar bandar" yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput. Walau bagaimanapun, harus dinyatakan bahawa jalan-jalan luar bandar seperti yang dibiayai dari Kepala P. 8. P. K. 8—Jabatan Perdana Menteri adalah terdiri dari jalan-jalan kelas A (metalled) dan Kelas D (laterite). Dalam hal ini jalan Kelas D adalah dibina mengikut "specification" yang dapat menampung kenderaan-kenderaan yang sederhana. Apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu mungkin ialah jalan-jalan kampung yang dibina melalui peruntukan Kerajaan Negeri sendiri. Oleh itu ianya adalah terletak pada pertimbangan dan tindakan oleh Kerajaan Negeri. Bagi pihak Kerajaan Persekutuan, satu rancangan khas telah disediakan untuk menenggarakan jalan-jalan kampung ini melalui penyediaan peralatan-peralatan dan juga pemberian bantuan penyenggaraan.

Ahli Yang Berhormat dari Mukah telah membangkitkan masalah ketiadaan beberapa projek jalanraya kampung dan jambatan dalam senarai Rancangan Malaysia Ketiga, masalah pembinaan jalan yang menyimpang ke kampung lain dan masalah kawalan ke atas Jabatan-jabatan Kerajaan Negeri yang mendapat peruntukan Persekutuan.

Tidak jelas bagi saya apa yang dimaksudkan "jalanraya kampung". Sekiranya yang dimaksudkan ialah jalan-jalan kecil di kam-

pung—luar bandar, suka saya menjelaskan iaitu penyediaan senarai projek-projek adalah atas pertimbangan Kerajaan Negeri Sarawak sendiri. Sekiranya ada projek-projek telah tidak termasuk dalam senarai projek-projek Rancangan Malaysia Ketiga ini mungkin atas pertimbangan Kerajaan Negeri sendiri.

Mengenai masalah pembinaan jalan yang menyimpang ke kampung-kampung lain walaupun bermula di kampung tertentu dan masalah kelewatan mendapat peruntukan bagi membuat jalan, Ahli Yang Berhormat bolehlah mengemukakan butir-butir yang lebih lanjut supaya dapat disiasat untuk mengetahui keadaan sebenarnya.

Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh telah menyeru Kerajaan supaya tidak melupakan memberi sedikit sebanyak untuk memperbaiki jalan-jalan kampung dan jalan-jalan di luar bandar. Kerajaan Persekutuan memang menyedari tentang perlunya penduduk-penduduk di luar bandar mendapat kemudahan-kemudahan jalan yang sempurna. Atas kesedaran inilah maka sejak tahun 1960, Kerajaan telah mengusahakan pembinaan jalan-jalan luar bandar di seluruh negara ini di bawah Rancangan Buku Merah Kerajaan. Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga pula, pada mulanya sejumlah \$107 juta telah disediakan untuk tujuan ini. Mulai tahun 1978, peruntukan tambahan sebanyak \$370 juta lagi telah disediakan menjadikan jumlah \$477 juta. Di bawah program ini terdapat 3 pembahagian utama, iaitu bagi menyempurnakan jalan-jalan yang tergantung, membina jalan-jalan luar bandar yang baru dan memperbaiki dan menaikkan taraf jalan-jalan luar bandar yang sedia. Di samping itu, Kerajaan Persekutuan juga telah menyediakan sejumlah \$10.95 juta khusus untuk tujuan membantu Kerajaan-kerajaan Negeri di dalam penyenggaraan jalan-jalan kampung di seluruh negara. Oleh yang demikian, gambaran bahawa Kerajaan hanya memberi perhatian kepada pembinaan lebuhraya-lebuhraya dan jalan-jalan di bandar sahaja tidaklah tepat.

Mengenai perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit, saya suka menjelaskan bahawa pada keseluruhannya jawatan-jawatan di bidang pentadbiran daerah dan tanah adalah jawatan-jawatan negeri. Bilangan dari taraf jawatan itu adalah dikaji dari semasa ke semasa dan lazimnya setahun sekali apabila anggaran belanjawan diperiksa. Tentang kenaikan taraf jawatan

ini tidaklah terhad kepada jawatan-jawatan di Kementerian sahaja bahkan juga di peringkat negeri dan daerah.

Adalah benar bahawa sebelum merdeka dahulu pentadbiran tanah dan daerah adalah di bidang tugas yang terpenting bagi Pegawai Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (P.T.D.) dahulunya M.C.S. Tetapi sejak merdeka dan apabila Kerajaan melancarkan rancangan-rancangan pembangunan, maka selaras dengan keperluan negara, tugas-tugas P.T.D. itu telah berubah corak dan bertambah luas lagi bagi meliputi bidang-bidang yang lain seperti pembangunan ekonomi dan sosio-ekonomi, pengurusan kakitangan dan kewangan, keselamatan dan pertahanan serta hal ehwal luar negeri. Dengan yang demikian, maka INTAN (Institusi Tadbiran Awam Negara) yang pada mulanya adalah menitikberatkan latihan dalam pentadbiran tanah terpaksa juga mengubahkan bidang tugasnya untuk melatih Pegawai-pegawai P.T.D. dan lain-lain pegawai khususnya dalam pengurusan pentadbiran yang sangat diperlukan untuk mengendalikan berbagai-bagai jenis pentadbiran, termasuklah pentadbiran tanah. Walaupun demikian, INTAN masih meneruskan latihan mengenai kerja-kerja di Pejabat Tanah bersama-sama dengan Yunit Latihan di Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah. Dengan demikian tidaklah perlu ditubuhkan satu Institusi Khas untuk pentadbiran tanah.

Walau bagaimanapun, Kerajaan adalah sedar akan perlunya dipertingkatkan mutu pentadbiran tanah di negeri-negeri yang sedang menjalankan usaha melalui agensi-agensi ke arah ini. Di samping memperbaiki organisasi dan pengurusan pentadbiran tanah, perjawatan dan penempatan pegawai-pegawai, khususnya Pegawai-pegawai P.T.D. dan P.T.A. di negeri-negeri di mana pegawai-pegawai itu berkhidmat akan diperkemaskan lagi supaya pentadbiran daerah dan tanah akan dapat perkhidmatan pegawai-pegawai yang berkebolehan dan mahir dalam bidang itu. Tetapi kejayaan usaha-usaha ini adalah sangat bergantung kepada kerjasama Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkenaan.

Perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit adalah antara perkara-perkara yang sedang diberi kajian mendalam sekarang oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Tenaga Manusia (UPTM), dengan bantuan Jabatan

Perkhidmatan Awam dan Kementerian Kewangan, yang sedang membuat kajian mendalam mengenai pentadbiran daerah di Negeri Sembilan.

Kerajaan sedang menimbangkan syor-syor menaikkan taraf jawatan-jawatan pegawai di daerah-daerah agar jawatan-jawatan ini seimbang dengan tugas-tugas dan tanggungjawab yang dipikul oleh pegawai-pegawai ini. Pertimbangan juga sedang dibuat mengenai cadangan-cadangan untuk membolehkan pegawai-pegawai yang berkhidmat di daerah-daerah tidak sentiasa ditukar untuk membolehkan mereka berkhidmat untuk beberapa lama di satu-satu daerah sementara menjamin kenaikan pangkat pegawai-pegawai tersebut tidak terjejas.

Kajian ini juga nanti akan mengambil perkiraan imbangan jawatan-jawatan yang terdapat di pejabat daerah dan tanah. Kaedah-kaedah bagi menentukan jumlah jawatan penolong-penolong pegawai daerah serta kakitangan-kakitangan tertentu di sesuatu daerah akan diwujudkan. Dengan syor ini pejabat-pejabat akan mempunyai kakitangan yang cukup dan berpengalaman.

Mengenai kelambatan memproses permohonan pula, Kerajaan sedang mengkaji sistem dan prosedur yang diamalkan sekarang untuk dibaiki, jika perlu. Walau bagaimanapun perkara ini juga ada berkaitan rapat dengan kekurangan kakitangan, tetapi kekurangan ini mungkin akan dapat ditimbangkan dengan cara-cara bekerja dan penggunaan alat perkakas yang moden yang dapat menolong dan meringkaskan kerja.

Mengenai perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padawan saya suka memaklumkan di sini bahawa kenaikan pangkat pegawai-pegawai adalah berdasarkan kepada beberapa faktor iaitu kelayakan, kekosongan jawatan dan juga prestasi serta lapuran sulit yang baik daripada Ketua Jabatan mereka. Kenaikan pangkat adalah ditimbangkan oleh Lembaga-lembaga Kenaikan Pangkat bagi sesuatu perkhidmatan itu. Oleh yang demikian, tidak ada timbangan-timbangan yang lain untuk kenaikan pangkat. Walaupun demikian, ada perbekalan untuk pegawai-pegawai bagi merayu terhadap sebarang kecurigaan atau ketidakpuasan hati kerana kegagalan dalam kenaikan pangkat.

Dengan yang demikian, tidak perlu ditubuhkan satu badan khas bagi mendengar aduan-aduan daripada pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan dalam perkara ini. Pertukaran pegawai-pegawai terutamanya pegawai-pegawai dalam Perkhidmatan-perkhidmatan Gunasama adalah perlu untuk kepentingan perkhidmatan dan kemajuan pegawai-pegawai itu sendiri. Cara ini akan meluaskan pengalaman dan pengetahuan pegawai-pegawai. Adalah tidak wajar pegawai-pegawai ditempatkan di satu-satu jawatan terlalu lama kerana ini akan boleh menimbulkan berbagai-bagai kemungkinan yang tidak diingini. Memanglah benar apabila sesuatu pertukaran dilakukan, perjalanan kerja akan tergendala sedikit. Ini biasanya tidak berat dan tidak menjejaskan keseluruhan perjalanan sesuatu Pejabat itu. Suka saya menjelaskan bahawa Jabatan Perkhidmatan Awam hanyalah menyelenggarakan Perkhidmatan-perkhidmatan Gunasama Persekutuan. Perkhidmatan-perkhidmatan yang lain seperti perkhidmatan-perkhidmatan professional dan negeri-negeri adalah di bawah pentadbiran Kementerian-kementerian, Jabatan-jabatan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang untuk disemak tanggagaji kakitangan Parlimen, ingin saya memaklumkan bahawa semua anggota dalam perkhidmatan Parlimen baharu sahaja menerima perubahan tanggagaji dan syarat-syarat perkhidmatan dalam tahun yang lepas apabila Jawatankuasa Penasihat Perkhidmatan bersetuju untuk melaksanakan perakuan-perakuan di dalam Lapuran Jawatankuasa Kabinet bagi Gaji Sektor Awam. Tanggagaji baru yang diberikan kepada mereka itu adalah berbanding dan mempunyai persamaan dengan tanggagaji di dalam Perkhidmatan Kerajaan. Setakat ini tidak ada cadangan hendak menyemak semula tanggagaji mereka itu lagi selepas mereka baharu sahaja menikmati tanggagaji baru yang lebih baik itu. Tanggagaji baru yang diberikan kepada mereka adalah setimpal dengan tugas-tugas dan tanggungjawab yang mereka pikul.

Sekian sahaja jawapan dan penjelasan yang dapat saya beri mengenai perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pandangan-pandangan dan teguran-teguran yang membina mengenai tugas dan tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri, saya mengucapkan

terima kasih. Pandangan-pandangan dan teguran-teguran tersebut akan diambil perhatian oleh pihak-pihak berkenaan.

6.25 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Seri Haji Kamaruddin bin Mohd. Isa): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon berucap bagi menjawab dan memberi penjelasan-penjelasan atas beberapa perkara tertentu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh Jabatan Perdana Menteri selain daripada jawapan-jawapan yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri Tak Berpotfolio, sekejap tadi.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Krai berasa tidak puas hati dengan penyata perbelanjaan pilihanraya yang dibuat oleh seseorang calon atau wakil calon selepas satu-satu pilihanraya diadakan. Menurut Ahli Yang Berhormat itu walaupun mengikut undang-undang pilihanraya yang ada sekarang seseorang calon hanya dibenarkan membelanjakan sebanyak \$15,000 bagi pilihanraya negeri namun tidak ada sesuatu yang menyekatnya membelanjakan lebih daripada itu, umpamanya \$150,000 asalkan bagi tujuan penyata perbelanjaan pilihanraya beliau mencatatkan \$15,000 sahaja.

Di sini ingin saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa mengikut peraturan-peraturan yang ada sekarang seseorang calon yang bertanding dalam mana-mana pilihanraya hendaklah mengemukakan penyata perbelanjaannya dalam tempoh 31 hari selepas keputusan pilihanraya itu diwartakan. Penyata ini akan disimpan di Pejabat Pegawai Pengurus yang berkenaan atau Penyelia Pilihanraya dan sesiapa sahaja termasuk Ahli Yang Berhormat, jika mahu, boleh menyemak penyata tersebut dalam tempoh 6 bulan daripada tarikh notis mengenai perbelanjaan itu disiarkan dalam *Warta Kerajaan*.

Dalam menyediakan penyata itu calon atau wakil calon dikehendaki membuat pengakuan bahawa apa juga yang terdapat dalam penyata perbelanjaannya adalah lengkap dan betul dan jika ada mana-mana orang yang tahu bahawa penyata tersebut adalah tidak benar, beliau bolehlah membuat aduan mahkamah bahawa calon yang berkenaan telah membuat satu perbuatan yang menyalahi undang-undang (illegal practice) dan jika ia

didapati bersalah ia boleh dikenakan denda sebanyak \$500 dan "tertakluk kepada sesuatu peruntukan tertentu yang berlawanan dalam mana-mana undang-undang bertulis berhubung dengan sesuatu pilihanraya, ia tidaklah berkebolehan, oleh kerana sabitan didaftar atau disenaraikan sebagai seorang pemilih atau pengundi dalam sesuatu pilihanraya sehingga tamat lima tahun dari tarikh sabitan itu, dan jika pada tarikh itu ia telahpun dipilih dalam mana-mana pilihanraya maka kerusinya hendaklah dikosongkan dari tarikh sabitan itu".

Oleh itu, saya suka lah menasihatkan Ahli Yang Berhormat itu untuk membuat aduan seperti ini jika beliau tahu adanya calon-calon yang berbelanja lebih daripada yang dihadkan oleh undang-undang untuk menjalankan satu-satu pilihanraya.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Semerah yang memberikan penghargaan terhadap faedah-faedah sekim Rukun Tetangga. Dari segi perlindungan kepada ahli-ahli Rukun Tetangga semasa menjalankan tugas mereka, sebagaimana yang telah saya nyatakan di Dewan yang mulia ini pada satu masa yang lepas, Kerajaan akan membayar pampasan yang setimpal kepada anggota-anggota Rukun Tetangga yang ditimpa bencana, kecederaan ataupun kemalangan semasa menjalankan tugas mengikut Peraturan-peraturan Perlu Rukun Tetangga, 1975. Kadar pampasan yang diberikan adalah berdasarkan kepada perkiraan yang terdapat di dalam Peraturan-peraturan Keselamatan Dalam Negeri (Pampasan Bencana Orang Awam) 1960.

Saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa dari segi melindungi ahli-ahli Rukun Tetangga dari kemungkinan serangan orang-orang jahat yang bersenjata, Urusetia Rukun Tetangga di semua peringkat telah mengadakan beberapa perintah dan peraturan-peraturan meliputi langkah-langkah yang harus dipatuhi oleh mereka jika sekiranya mereka diserang oleh orang-orang jahat yang bersenjata. Selain dari itu, pihak Polis memberi kerjasama yang erat dengan menasihati serta menyelaraskan dengan Jawatankuasa-jawatankuasa Sektor dalam urusan rondaan dan kawalan sektor-sektor yang terdapat kegiatan-kegiatan jenayah yang boleh membahayakan anggota-anggota Rukun Tetangga.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Matang telah mencadangkan supaya Kerajaan mengkaji semula rancangan menggalakkan perancangan keluarga oleh kerana, pada pendapat beliau, rancangan ini bukan menggalakkan keluarga yang sihat tetapi hanya untuk mengurangkan anak sahaja.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, Kerajaan memang sentiasa mengkaji rancangan perancangan keluarga ini dari masa ke semasa sesuai dengan kehendak-kehendak norma masyarakat dan pertumbuhan sosioekonomi negara, di samping menekankan faedah-faedah merancang keluarga dari segi kesihatan ibu, anak dan keluarga itu sendiri. Semenjak Lembaga Perancangan Keluarga ditubuhkan pada tahun 1966, aktiviti-aktiviti dan kegiatan-kegiatan Program Perancang Keluarga adalah menumpukan kepada memberi nasihat dan menyelaraskan segala perkhidmatan perancang keluarga semata-mata untuk faedah kesihatan ibu dan anak. Saya memberi jaminan di sini bahawa setiap rancangan Kerajaan adalah semata-mata untuk meningkatkan kehidupan rakyat di negara ini. Perkhidmatan perancang keluarga yang dijalankan adalah merupakan perkhidmatan yang sukarela dan terpulanglah kepada kesediaan rakyat untuk menyertai dan menggunakan perkhidmatan tersebut bagi faedah keluarga mereka sendiri.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Matang, Permatang Pauh dan Tanjung Karang dan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor telah menyentuh mengenai perkara Nasrul Haq dan juga Freemason.

Dalam persoalan Nasrul Haq ini, pada hemat saya, para alim ulama telah memainkan peranan dengan baik dengan mengeluarkan pendapat-pendapat mereka mengikut saluran yang betul dan menurut nasihat yang wajar. Ini telah memberi pertolongan yang besar dalam menyelesaikan dan mengatasi masalah yang sensitif ini dalam keadaan yang waras.

Dalam persoalan Nasrul Haq dan juga Freemason ini, Jawatankuasa yang telah dilantik oleh Mesyuarat Ketua-ketua Jabatan Ugama Islam Malaysia telahpun membuat kajian dan penyelidikan yang mendalam serta menyeluruh. Sehingga ini pihak-pihak yang ditugaskan telahpun menjalankan kerja-kerja mereka dan laporan-laporan mereka sedang dikaji dengan telitinya. Insya Allah perkara Freemason dan Nasrul Haq ini akan dapat diumumkan kemudian nanti.

Adalah diharapkan seluruh masyarakat Islam dapat bertenang dan tidak menimbulkan perkara-perkara yang boleh membangkitkan salah faham di antara satu sama lain mengenai kedudukan masalah pengkajian Freemason dan Nasrul Haq ini, terutama sekali perkara-perkara ini akan dapat mengeruhkan suasana masyarakat kita sehingga berpeluang kepada golongan-golongan musuh Islam dan anti-nasional mengambil kesempatan memecah-belahkan perpaduan umat Islam sendiri lebih-lebih lagi cuba merendah-rendahkan keseluruhan alim ulama, terutama sekali perkara-perkara yang menyentuh imej para-para alim ulama kita kerana sebenarnya para-para alim ulama inilah menjadi panduan dan ikutan bagi masyarakat Islam sebagaimana sabda Nabi Muhammad (s.a.w.) Al ulama warisatul anbia, ertinya para ulama itulah warisan para nabi-nabi. Tidakkah adil kiranya masalah alim ulama kita sentuh di sini sedangkan mereka tidak berpeluang menjawab, menghuraikan atau menjelaskan sesuatu masalah yang timbul.

Sebagai kesimpulannya, adalah menjadi kewajipan kita semua menjaga keselamatan dan kesejahteraan akidah orang-orang Islam pada setiap masa, maka pengkajian dan penyelidikan adalah menyeluruh ke atas apa juga gerakan kesatuan, seni dan lain-lain samada sulit atau terang—yang menyentuh akidah dan amalan orang-orang Islam.

6.37 ptg.

Menteri Kerjaya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menunjukkan minat masing-masing di atas hal ehwal Kementerian saya dan juga Jabatan-jabatan di bawahnya semasa membahaskan ucapan menjunjung kasih ke atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang di-Pertuan Agong.

Ramai Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam ucapan mereka telah menyentuh berkenaan dengan pelaksanaan projek-projek kemudahan-kemudahan asas di kawasan luar bandar, iaitu projek-projek bekalan letrik, air dan jalan. Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut iaitu dari Kawasan Sungai Siput, Sungai Petani, Kuala Selangor, Permatang Pauh, Bukit Mertajam, Kepala Batas,

Semerah, Padang Rengas, Matang dan Kuala Kangsar menggesa supaya dipergiatkan lagi pelaksanaan projek-projek yang telah diluluskan dan memperluaskan lagi rancangan-rancangan tersebut bagi penduduk-penduduk dalam kawasan-kawasan masing-masing.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga bagi memberikan kemudahan-kemudahan asas kepada penduduk-penduduk di luar bandar adalah yang terbesar bagi satu-satu jangka masa perancangan dalam sejarah Malaysia. Dalam pertengahan kedua tahun 1976 Parlimen telah meluluskan sejumlah \$381.0 juta untuk kemudahan-kemudahan asas, iaitu \$174.0 juta untuk letrik luar bandar, \$100.0 juta untuk bekalan air luar bandar dan \$107.0 juta untuk jalan-jalan luar bandar. Tambahan pula, Kerajaan telahpun menambahkan peruntukan bagi jalan-jalan luar bandar sebanyak \$370.0 juta yang mana menjadikan jumlah bagi program tersebut sebanyak \$477.0 juta.

Saya ingin memaklumkan bahawa Kementerian saya mengambil perhatian yang berat di atas pelaksanaan projek-projek yang ditujukan ke kawasan-kawasan luar bandar di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Sebaik sahaja Rancangan Malaysia Ketiga dilancarkan di pertengahan tahun 1976, Kementerian saya terus mengambil tindakan-tindakan sewajarnya bagi menggalakkan jentera pelaksanaan dan tenaga pekerja untuk melaksanakan projek-projek yang diluluskan di bawah rancangan tersebut. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, di peringkat awal pelaksanaan rancangan-rancangan kemudahan-kemudahan asas di kawasan-kawasan luar bandar berbagai-bagai masalah telah dihadapi oleh Jabatan Kerjaya dan Lembaga Letrik Negara, seperti kekurangan kakitangan, kekurangan bahan-bahan, kekurangan pemborong-pemborong yang berkelayakan dan masalah berkaitan dengan tanah dan injin dan lain-lain lagi. Perhatian telah ditumpukan dalam tahun 1976/1977 untuk mengatasi masalah-masalah ini dan saya sukacita melaporkan kepada Dewan ini bahawa sebahagian besar daripada masalah-masalah awal ini telahpun diatasi sekarang dan pelaksanaannya sekarang adalah berjalan pada kadar yang memuaskan. Walau bagaimanapun, memang saya masih kurang berpuas hati dengan tempoh pelaksanaan

setengah-setengah kerja yang berjalan pada masa sekarang dan oleh sebab itu saya telah menggesa pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Kerjaya dan Lembaga Letrik Negara supaya bekerja lebih keras lagi untuk pelaksanaan yang lebih cepat.

Di dalam bidang bekalan letrik luar bandar, Lembaga Letrik Negara menghadapi beberapa masalah terutamanya masalah kekurangan pemborong-pemborong, linesmen dan tiang-tiang kayu. Untuk mengurangkan masalah-masalah ini, satu yunit khas bagi mengendalikan projek-projek bekalan letrik luar bandar telahpun ditubuhkan di Ibu Pejabat Lembaga Letrik Negara.

Penyelesaian terhadap masalah-masalah ini sekarang telahpun didapati. Untuk menggalakkan lebih ramai pemborong-pemborong bekerja bagi projek-projek bekalan letrik luar bandar, sistem tawaran telahpun diketepikan di setengah-setengah negeri seperti di Kelantan, Kedah dan Trengganu dan diganti dengan sistem jadual harga tetap (schedule of rate). Mengikut sistem ini pemborong-pemborong adalah dibayar mengikut kerja yang dibuat. Sesudah mereka menyiapkan satu-satu projek, mereka akan diberikerja di projek-projek yang lain. Berhubung dengan linesmen, LLN telahpun menjalankan satu "crash programme" bagi melantik buruh-buruh LLN sebagai linesmen. Kumpulan pertama linesmen yang telah dilatih melalui program ini telahpun dihantar ke Kelantan, dan pada masa sekarang ramai lagi sedang dilatih.

Berhubung dengan masalah tiang-tiang letrik, saya telahpun memaklumkan kepada Dewan ini pada 24hb Mac, 1978 di masa soal jawab bahawa masalah ini telah dikaji dengan mendalam oleh LLN dengan kerjasama Jabatan-jabatan lain seperti Jabatan Perbendaharaan, Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia dan Jabatan Perhutanan. Pihak Persatuan Pengilang-pengilang Kayu Malaysia juga telah diminta memberikan kerjasama di dalam soal ini. Sukacita saya melaporkan bahawa setakat ini jaminan telah diterima dari 7 pengilang-pengilang untuk membekalkan keperluan tiang ini. Adalah diharapkan jaminan ini akan menjadi kenyataan apabila tiba masanya nanti dan masalah bekalan akan dapat diatasi.

Sementara itu LLN juga telah menubuhkan Pasukan Petugas Khas di negeri-negeri Kelantan, Trengganu, Kedah dan Perlis bagi

mempercepatkan pelaksanaan projek-projek bekalan letrik di Negeri-negeri tersebut. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat kejayaan yang telah dicapai oleh Pasukan Petugas di Kelantan setakat ini adalah sangat-sangat menggalakkan.

Berhubung dengan rancangan jalan-jalan luar bandar, JKR telah menghadapi masalah-masalah berkaitan dengan pemborong-pemborong. Untuk mengatasi masalah ini projek-projek jalan-jalan luar bandar akan dikumpulkan dalam "package" tertentu. Rekabentuk untuk package-package ini akan dijalankan oleh perunding. Kemudian tawaran dipanggil. "Package" pertama bagi jalan sepanjang 66 batu di negeri Kelantan di bawah peraturan baru telahpun ditawarkan. Adalah dijangka bahawa cara ini akan menghasilkan keupayaan yang lebih besar di pihak pemborong-pemborong jalan-jalan luar bandar.

Berhubung dengan bekalan air luar bandar pula, proses perlaksanaannya pada masa sekarang sedang berjalan dengan memuaskan. Setakat ini lebih kurang 60% daripada peruntukan yang disediakan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga telah digunakan.

Dengan lain perkataan, LLN dan JKR adalah mencuba sedayaupaya dalam melaksanakan projek-projek di luar bandar. Saya ingin memberi jaminan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa kita akan bekerja keras untuk melaksanakan projek-projek yang didulaskan dalam kawasan-kawasan Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan mengikut yang dijadualkan. Saya hanyalah berharap bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat akan bekerjasama dengan pegawai-pegawai Kementerian di peringkat daerah dan memberikan mereka segala bantuan yang mereka kehendaki untuk mengatasi masalah pelaksanaan.

Berhubung dengan masalah-masalah lain yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sukacita saya memberikan jawapan seperti berikut:

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput telah menyentuh berkenaan Syarikat Pengekualan Letrik Kinta (KED). Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum Syarikat ini sekarang telah dipunyai sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan dan adalah menjadi hasrat Kerajaan Persekutuan untuk menyatukan kedua-dua syarikat KED dan Perak Hydro dengan LLN pada satu masa yang

akan datang. Dalam pada itu KED telahpun diarah untuk menganuti dasar Kerajaan dan saya sukacita melaporkan bahawa pentadbiran KED telah mengambil sikap yang positif dalam hal ini.

Ahli Yang Berhormat daripada Permatang Pauh telah mendakwa bahawa jalan-jalan baru yang telah dibina oleh Kerajaan tidak dapat menjamin keselamatan pengguna-pengguna. Menurut beliau jalan-jalan baru ini merupakan gelanggang di mana manusia di bunuh semasa sendiri. Saya ingin menegaskan bahawa Kerajaan hanyalah dapat membina jalan-jalan untuk keselamatan pengguna jalanraya. Walau bagaimanapun tindakan diambil untuk mengurangkan berlakunya kemalangan jalanraya seperti kempen keselamatan jalanraya, mengadakan undang-undang dan peraturan-peraturan tertentu bagi pengguna-pengguna jalanraya dan penguatkuasaan oleh Jabatan-jabatan yang berkenaan. Walau bagaimanapun jika sekiranya pemandu-pemandu kenderaan menyalahgunakan kemudahan yang disediakan dengan melarikan kenderaan mereka dengan keterlaluan dan melibatkan kemalangan, maka merekalah yang bertanggungjawab di atas akibat kejadian tersebut.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah membangkitkan masalah kesesakan lalu lintas di jalanraya di Kuala Lumpur. Sebagaimana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan pada 4hb April, 1978 satu projek iaitu Traffic Dispersal Scheme yang berharga berjuta-juta ringgit sedang dilaksanakan bagi mengatasi masalah lalu lintas di Kuala Lumpur dan apabila projek ini disiapkan kelak, dijangka masalah kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur akan berkurangan. Adalah juga menjadi dasar Kerajaan di samping memperbaiki jalan-jalan, untuk menggalakkan penggunaan yang lebih besar, pengangkutan awam di dalam kawasan perbandaran. Tindakan telah dan sedang diambil untuk mencapai tujuan ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar telah mengesa Kerajaan meluluskan lesen-lesen teksi terutama sekali kepada mereka yang telah memandu teksi untuk masa yang panjang. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum pada masa sekarang sebanyak 1,339 kekosongan teksi telah diisytiharkan bagi Negeri-negeri Melaka, Pulau Pinang, Perlis, Trengganu, Pahang, Selangor, Johor

dan Negeri Sembilan. Mereka yang berminat adalah dipersilakan memohon sebelum tarikh tutup yang ditetapkan. Butir-butir mengenai kekosongan di Negeri-negeri yang lain iaitu Kelantan, Kedah dan Perak akan diumumkan kemudian sebaik saja proses menentukan pengkalan-pengkalan selesai diuruskan. Adalah menjadi dasar Kerajaan untuk memberikan keutamaan lesen-lesen teksi kepada pemandu-pemandu teksi yang telah lama memandu teksi.

Ahli Yang Berhormat dari Mukah mendakwa bahawa Kementerian saya tidak begitu bertanggungjawab di dalam pengurusan pelaksanaan projek-projek yang dijalankan oleh JKR Sarawak. Saya ingin memaklumkan bahawa Kementerian ini hanyalah bertanggungjawab untuk projek-projek Kerajaan Persekutuan di Sarawak. Memandangkan JKR Sarawak adalah satu Jabatan Kerajaan Negeri, Kementerian saya adalah tidak dapat mengawasi semua projek-projek yang dijalankan oleh Jabatan tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Tuaran telah meminta Kerajaan Pusat mengambil perhatian memperbaiki jalan-jalan di Sabah terutama sekali jalan-jalan luar bandar. Saya ingin memaklumkan bahawa Kerajaan Pusat memang mengambil perhatian untuk membina dan memperbaiki jalan-jalan di Sabah dan di seluruh negara kita. Dalam tahun 1978 peruntukan sebanyak \$10.0 juta telah disediakan untuk jalan-jalan luar bandar di Negeri Sabah di samping peruntukan sebanyak \$105 juta untuk pembinaan jalan-jalan raya besar di negeri itu. Ini adalah termasuk pembinaan 3 jalanraya besar iaitu jalanraya Papar-Beaufort-Sindumin, Semporna-Kunak-Lahad Datu dan juga jalanraya Tamparuli ke Ranau.

Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang telah menyatakan berkenaan dengan had laju kenderaan yang mana banyak kenderaan-kenderaan besar terutamanya lori telah melebihi had laju yang ditetapkan dan boleh menyebabkan kemalangan jalanraya. Beliau meminta supaya Kementerian ini memberi pengawasan yang lebih. Ingin dimaklumkan bahawa Kementerian saya adalah sentiasa mengambil perhatian berhubung dengan perkara ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kangsar telah meminta supaya kemudahan lampu jalan diadakan di Jambatan Iskandar Kuala Kangsar dan sepanjang jalan dari Bandar Kuala Kangsar ke Istana. Ingin dimaklumkan

bahawa perkara ini adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, Kementerian saya akan mengambil perhatian dan memberitahu kepada Kerajaan Negeri atas perkara ini.

Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan hal ehwal Kementerian ini dan seperti saya katakan tadi, tempoh, perlaksanaan projek JKR dan LLN telah mencapai tingkat yang menggalakkan. Kementerian ini akan berusaha dengan segala daya upaya untuk mengekalkan momentum ini.

6.39 ptg.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Rais Yatim): Tuan Yang Dipertua, saya mengucapkan berbilang terima kasih di atas pandangan dan teguran yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkaitan dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Kerajaan, khususnya Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, menganggap perbuatan mencuba merosakkan keselamatan secara kekerasan merupakan satu perbuatan pengkhianatan terhadap rakyat jelata.

Sukacita saya menyatakan di sini bahawa memang tidak ada sebarang tolak ansur mengenai pihak yang cuba melakukan perbuatan yang disebutkan seperti di atas dan tindakan daripada pihak Kerajaan adalah tindakan yang total dan tidak berbelah bagi supaya hasrat seumpama itu akan dihapuskan sama sekali.

Pasukan Keselamatan yang telah dibantu oleh ejensi-ejensi seperti Rela, Yunit Keselamatan Kawasan, Yunit Pencegah Penyeludupan serta Rukun Tetangga telahpun berkerjasama dan usaha-usaha untuk menyelaraskan kerjasama akan diperkemas lagi.

Bagi kawasan yang bersempadan dengan negeri Thai di beberapa bahagian tertentu Kerajaan telahpun membina pagar keselamatan yang kini berjalan dengan baik dan sehingga ini sepanjang 10 batu daripada 15 batu panjangnya telahpun siap. Dengan pagar tersebut adalah diharapkan penyeludupan senjatapi, dadah dan barang-barang lain akan dapat dicegah. Bagi sepanjang tahun 1976 hingga Februari, 1978 sejumlah 437 senjatapi beserta 6,470 butir peluru telah dapat dirampas daripada penyeludup-penyeludup. Di Selatan Thai pula seramai 28 orang telah

dihapuskan dalam tahun 1977, 9 daripadanya dibunuh, 4 ditangkap dan 15 menyerah diri. Angka ini tidak termasuk 50 pengganas kominis yang telah dianggarkan telah dibunuh melalui tembakan meriam, dibom semasa Gerakan Bersama Daoyai-Musnah dan Cahaya Bina dilancarkan. Dalam tahun ini 3 pengganas kominis telah ditangkap dan 2 menyerah diri di Selatan Thai. Kejayaan yang dicapai ini bukanlah merupakan kejayaan 100% tetapi kejayaan ini sangatlah berkesan dan merupakan pukulan hebat kepada pihak musuh.

Bagi kes orang-orang yang ditahan pula kerana penglibatan dalam kegiatan kominis atau anti-nasional adalah diselenggarakan sejajar dan mengikut peraturan-peraturan undang-undang yang disediakan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri. Pertimbangan membebaskan mereka hanya dibuat apabila mereka didapati benar-benar insaf tentang kesalahannya mereka dan tidak lagi merupakan ancaman terhadap keselamatan negara.

Menyentuh tentang kes-kes tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, suka saya menegaskan bahawa tidak ada seoranganpun tahanan politik atau atas sebab-sebab politik atau kerana menentang dasar Kerajaan seperti yang disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dan Seremban. Mereka yang ditahan seperti Chian Heng Kai dan Chan Kok Kit adalah atas sebab-sebab kegiatan membantu Barisan Bersatu Kominis Malaya. Mereka sendiri mengaku bahawa mereka sedar akan kegiatan mereka tersebut.

Menyentuh tentang kegiatan kominis berbagai ragam bentuk kegiatan mereka untuk mempengaruhi rakyat adalah dijalankan. Dan salah satu daripadanya adalah dengan cara penulisan baik merupakan risalah ataupun buku-buku. Dalam hubungan ini buku "Zaman Pencerobera" yang ditulis oleh Kassim Ahmad adalah menjadi perkara tindakan Mahkamah dan kerana itu adalah tidak wajar bagi Kementerian ini membuat ulasan pada masa ini.

Berhubung dengan kedudukan di Sabah dan di Sarawak adalah sangat terkawal daripada segi ancaman kominis. Di Sarawak pada tahun 1977, 57 penyokong pengganas kominis telah ditangkap, 7 menyerah diri. Parti Kominis Kalimantan Utara di Sarawak telah mendiamkan diri sebagai satu langkah strateji

mereka menguatkan diri untuk meneruskan perjuangan sia-sia mereka untuk beberapa waktu yang akan datang. Pasukan Keselamatan memang berwaspada dan menyedari hakikat ini. Dalam menjalankan tindakan keselamatan sekatan perintah berkurung di masa-masa tertentu perlulah diadakan bagi memastikan kejayaan gerakan-gerakan. Di atas hakikat ini mestilah difahamkan benar-benar terutama oleh Ahli Yang Berhormat dari Pandawan apabila beliau membangkitkan soal sekatan dan perintah berkurung di tiga kampung baru di daerah Kuching.

Dari segi kes jenayah pula, keadaannya di Sarawak tidaklah harus memeranjat dan merunsingkan di samping dicurigai oleh Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupa kerana daripada perangkaan yang diperolehi kedudukan kes jenayah di Sarawak tidaklah sebagaimana yang dilaporkan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi negeri Sabah pula, setakat ini tidak ada sebarang ancaman kominis yang dihadapi. Begitu juga dari segi jenayah, kedudukan keselamatan di negeri Sabah adalah terkawal dan tidaklah seperti yang disangka oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka yang menurutnya soal-soal pendatang dari Selatan Filipina telah menjejaskan soal-soal keselamatan. Dalam hal ini, sukalah saya memberikan penerangan bahawa angka yang dikesan adalah berjumlah 71,422 orang. Untuk mengkaji secara teliti Kerajaan Negeri Sabah sendiri telah menubuhkan satu jawatankuasa untuk mengurus dan mengawasi pendatang-pendatang tersebut. Mereka ini adalah bebas untuk meninggalkan negeri Sabah untuk pulang ke negeri mereka sendiri.

Selain daripada mencegah kemasukan secara haram Polis Marin dan Tentera Laut Diraja Malaysia sentiasa mengawal perairan untuk mencegah kegiatan jenayah. Ini termasuklah pencerobohan lanun dan setakat ini untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Ulu Trengganu sebanyak 15 kes telah ditangkap oleh pihak berkuasa polis dalam perairan Trengganu/Kelantan. Dengan itu tidak benar dikatakan pihak polis tidak mengambil tindakan tanpa menerima laporan.

Adalah menjadi hasrat Kerajaan menggalakkan orang-orang asing datang melancung dan melaburkan modal di negara ini. Dalam menjalan dasar ini Kerajaan bersikap liberal dan membenarkan pelabur-pelabur untuk tinggal bagi satu tempoh masa yang ditetapkan

selepas mendapat persetujuan Jawatankuasa Pelaburan Federal (FIC).

Perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor tidak timbul semua sekali dalam mana sungguhpun ada peraturan-peraturan yang membolehkan warganegara dari negara-negara ASEAN melawat tanpa visa selama 2 minggu tetapi kemasukan mereka yang tertentu adalah di atas budibicara Kerajaan itu sendiri. Tindakan seperti ini tidak akan menjejaskan perhubungan baik yang telah sedia terjalin di antara negara-negara ASEAN.

Ahli Yang Berhormat dari Seremban telah mendakwa terdapat sejumlah 200,000 atau 500,000 orang stateless persons tinggal di negara ini. Saya tidak bersetuju dengan dakwaan itu oleh kerana kenyataan itu terlalu longgar dan melulu. Tidaklah benar dikatakan seseorang yang boleh menjadi warganegara di negeri adalah sebagai stateless person. Begitu juga adalah tidak benar dakwaan Yang Berhormat yang mengatakan sebilangan besar masyarakat berada dalam keadaan limbo. Kenyataan ini adalah sangat mengelirukan. Bagi makluman Ahli Yang Berhormat semenjak tahun 1972 hingga 1976 sebanyak 97,943 permohonan telah diterima dan pada penghujung tahun 1977 sejumlah 19,806 permohonan masih dalam kajian dan pertimbangan. Dari angka ini adalah jelas menunjukkan bahawa permohonan adalah dipertimbangkan.

Ahli Yang Berhormat dari Seremban menyatakan bahawa kebanyakan daripada mereka yang kononnya stateless persons itu telah menjadi British subjects telah tercicir dalam urusan pendaftaran warganegara. Saya tidak faham apakah yang sebenarnya dimaksudkan oleh beliau dan saya anggap kenyataan ini adalah melulu semata-mata. Bagi pengetahuan Yang Berhormat, mereka dalam golongan ini boleh disifatkan sebagai warganegara Persekutuan dengan kuatkuasa undang-undang menurut Fasal 124 (1) dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 dan mereka ini tidak akan menghadapi sebarang masalah jika mereka dapat menunjukkan bukti yang jelas bagi menuntut taraf kewarganegaraan mereka dengan kuatkuasa undang-undang.

Sekarang inilah saya beralih kepada perkara berhubung dengan kad pengenalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari

Penampang. Harus dijelaskan bahawa seseorang yang bertaraf warganegara di negeri ini diperuntukkan dengan kad pengenalan berwarna biru dan mereka yang diberi taraf tinggal tetap diperuntukkan dengan kad pengenalan berwarna merah. Untuk menentukan taraf kewarganegaraan seseorang, perlulah dikaji peruntukan Bahagian 3 Perlembagaan Malaysia yang menghuraikan berbagai cara seseorang itu boleh memohon kepada Ketua Pengarah Pendaftaran Negara untuk membekalkan kad pengenalan.

Mengenai kad pengenalan merah, suka-lah saya menjelaskan juga kenyataan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Seremban dan Penampang bahawa ada kesulitan bagi pemegang kad pengenalan merah mencari pekerjaan. Hal ini adalah di bawah bidangkuasa Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat dan mereka dalam golongan ini boleh membuat permohonan untuk mendapatkan permit kerja dan sepanjang pengetahuan Kementerian ini permit-permit tersebut adalah dikeluarkan kepada pemohon-pemohon dan ada kategori-kategori pekerjaan dikeluarkan secara otomatis.

7.00 mlm.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan (Datuk Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin bagi pihak Yang Berhormat Menteri Pertahanan menjawab teguran-teguran, pandangan-pandangan dan sebagainya secara ringkas yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang di-Pertuan Agong beberapa hari yang lalu.

Saya berterima kasih di atas perhatian berat yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap Kementerian Pertahanan. Saya mengambil peluang ini untuk memberikan penjelasan ke atas beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Berhubung dengan teguran Ahli Yang Berhormat dari Kangar yang meminta supaya Kementerian Pertahanan membuat kajian sedalam-dalamnya sebelum satu-satu pembelian alat-alat senjata dibuat, suka-lah saya nyatakan di sini bahawa Kementerian Pertahanan di dalam pembelian alat-alat senjata sentiasa membuat percubaan dan penilaian yang teliti sebelum satu-satu senjata itu dibeli.

Berhubung dengan soal pembelian peluru berpandu seperti diutarakan oleh Ahli Yang Berhormat itu suka-lah saya menyatakan di sini bahawa Tentera Laut kita telahpun mempunyai peluru-peluru berpandu sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Dalam peperangan kita di Malaysia menghadapi ancaman komunis adalah difikirkan bahawa peluru-peluru berpandu mungkin tidak begitu berkesan dalam menghancurkan gerila-gerila komunis kerana cara peperangan mereka tidak "conventional". Maka itulah sebabnya ketutamaan tidak diberikan kepada soal peluru-peluru berpandu. Selain dari itu peluru berpandu adalah jauh lebih mahal dari peluru-peluru meriam di samping itu akan juga melibatkan perbelanjaan yang banyak bagi melatih anggota-anggota tentera untuk mengendalikan peluru-peluru berpandu itu. Kita juga terpaksa mengadakan tempat menyimpannya, kerana peluru-peluru berpandu tersebut berkehendakkan tempat simpan yang benar-benar sesuai untuk menjamin keselamatannya. Walau bagaimanapun, Kementerian Pertahanan akan sentiasa mengkaji perkembangan-perkembangan teknologi supaya Angkatan Tentera kita tidak ketinggalan dalam bidang ini dan jika didapati kelak bahawa peluru berpandu adalah diperlukan bagi kegunaan operasi maka Kementerian Pertahanan akan menimbangkan pembeliannya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai minuman arak oleh Angkatan Tentera, Angkatan Tentera sedang mengambil langkah-langkah untuk menghindarkan anggota-anggota dari meminumnya. Penjualan minuman keras di yunit-yunit Angkatan Tentera, adalah diharamkan oleh kerana memikirkan bahawa askar-askar yang beroperasi mestilah mempunyai kecerdasan fikiran yang tinggi. Harga-harga minuman keras telah diseimbangkan dengan kuasa-kuasa cukai di antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Adalah menjadi harapan Angkatan Tentera supaya penjualan arak ini dalam jangka panjang akan dapat diberhentikan. Tindakan ini telahpun dapat perhatian dan persetujuan dari Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri. Selain daripada itu Angkatan Tentera telah banyak menjalankan usaha-usaha dan aktiviti-aktiviti lain yang positif dengan tujuan bagi meninggikan keimanan anggota-anggota tentera dengan meningkatkan ajaran-ajaran agama kepada anggota-anggota tentera. Sehingga ini Angkatan Tentera lebih menumpukan untuk menggalakkan anggota-anggotanya mengetahui ajaran agama dengan lebih

mendalam. Kelas-kelas ugama telah ditambah dan anggota-anggota, keluarga-keluarga anggota tentera adalah digalakkan untuk mengikut kelas-kelas berkenaan. Pertandingan-pertandingan membaca Al-Quran telah giat dijalankan dan ini adalah merupakan aktiviti-aktiviti tiap-tiap tahun. Masjid-masjid dan surau-surau telah banyak dibina bagi memudahkan anggota-anggota tentera bersembahyang dan mempelajari ajaran-ajaran ugama. Anggota-anggota di barisan hadapan digalakkan bersembahyang di masjid-masjid dan surau-surau yang disediakan seperti Ahli-ahli Yang Berhormat telah lihat dalam siri-siri lawatan ke pasukan tentera yang pernah diaturkan. Di samping itu guru-guru ugama telah ditambah dengan banyaknya. Bagi anggota-anggota yang bukan Islam pula ajaran-ajaran moral dan keugamaan masing-masing adalah digalakkan.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat supaya satu Batalion Infanteri ditempatkan di Perlis, baru-baru ini setelah beberapa perkara diambil kira Perlis sudahpun dimasukkan di dalam senarai Kementerian Pertahanan bagi penempatan satu Batalion Infanteri Askar Wataniah dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga dan kemungkinan juga satu Batalion Infanteri akan ditempatkan di dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat.

Menyentuh tentang soal elaun-elaun untuk Askar-askar Wataniah pula, adalah dimaklumkan bahawa elaun-elaun tersebut telahpun dinaikkan semenjak 1hb November, 1977 yang lalu mengikut skim gaji baru Angkatan Tentera. Adalah dirasakan elaun-elaun ini memadai bukan sahaja untuk menampung perbelanjaan anggota-anggota Wataniah tetapi juga cukup untuk memberi galakan kepada mereka yang ingin memasuki perkhidmatan itu. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, elaun-elaun ini adalah hanya bagi mereka-mereka yang tidak dikerah. Bagi mereka yang dikerah adalah diberi gaji, elaun dan kemudahan yang serupa dengan apa yang diperolehi oleh anggota-anggota tentera biasa. Misalnya, jika seorang Private dalam Askar Wataniah apabila dikerah akan mendapat gaji, elaun dan kemudahan-kemudahan biasa seorang Private Angkatan Tentera.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak pula iaitu temuduga memberi hak milik tanah kepada bekas-bekas anggota-anggota tentera

sukalah dijelaskan di sini dalam keadaan sekarang bahawa tujuan dibawa isteri bersama-sama sewaktu temuduga adalah untuk memastikan yang si isteri juga memberikan persetujuannya untuk tinggal bersama-sama dengan suami mereka menjadi peneroka di Rancangan Tanah. Persetujuan seperti ini adalah diperlukan bagi menentukan yang mereka berjaya menjadi peneroka dan tidak akan berlaku perselisihan yang menyebabkan mereka meninggalkan rancangan tanah. Selain dari itu untuk mengetahui persetujuan si isteri bagi mengelakkan berlakunya kejadian di mana si isteri dipaksa mengikut kehendak si suami atau sebaliknya.

Ahli Yang Berhormat dari Setapak telah menimbulkan masalah penyalahgunaan dadah dan di antara lain telah mengatakan bahawa ada di antara anggota-anggota Angkatan Tentera yang terlibat dengan dadah di kawasan sempadan. Kementerian Pertahanan adalah menyedari bahawa penyalahgunaan dadah adalah satu masalah nasional hari ini dan kami tidak ketinggalan memainkan peranan kami di dalam hal membasmikan masalah ini. Adalah diakui bahawa ada anggota-anggota Angkatan Tentera yang telah terpengaruh dengan dadah dan menyedari akan hakikat ini, Majlis Angkatan Tentera telah membuat keputusan untuk memberhentikan sesiapa sahaja anggota Angkatan Tentera, tidak kira pegawai atau lain-lain pangkat, dari perkhidmatan mereka jika didapati bukti yang mereka adalah pengguna atau pengedar dadah. Di samping itu kami sanggup menerima maklumat yang mempunyai bukti dari orang ramai termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat jika mereka mengetahui ada anggota-anggota angkatan tentera yang terlibat dengan dadah supaya tindakan dapat diambil. Di samping itu Angkatan Tentera juga mengadakan berbagai-bagai kempen mengenai dadah di yunit-yunit dan juga di pusat-pusat latihan. Aktiviti-aktiviti keugamaan juga sentiasa diadakan untuk menyedarkan semua anggota-anggota Angkatan Tentera supaya tidak menyeleweng ke alam khayal yang disebabkan oleh dadah.

Sehingga ini sukacita dinyatakan bahawa, telah ada tanda-tanda penyalahgunaan dadah di kalangan Angkatan Tentera telah mula berkurangan dan adalah diharapkan bahawa pada masa hadapan tidak akan ada anggota Angkatan Tentera yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah berucap dengan panjang lebar dan memakan masa yang panjang dan saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan soal-soal berkaitan dengan Kementerian Pertahanan adalah berpuas hati dengan penjelasan yang telah saya berikan itu. Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih sekali lagi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana memberi pandangan kepada Kementerian Pertahanan. Saya ingin membuat pengakuan di sini bahawa Kementerian Pertahanan bukan sahaja akan sanggup menerima teguran dan cadangan di dalam Dewan ini, bahkan juga pada bila-bila masa sahaja dan kami akan sentiasa bertindak jika teguran-teguran atau cadangan-cadangan itu adalah untuk kebaikan Kementerian Pertahanan dan anggota Angkatan Tentera seluruhnya.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa suatu Ucapan yang tidak seperti-nya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan ber-banyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Keempat.”

Tuan Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan hingga 2.30 petang hari esok, Jumaat, 7hb April, 1978.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.13 malam.